




MALAYSIA

**ANCAMAN KEPADA PERPADUAN
UMAT ISLAM DAN
KESELAMATAN NEGARA**

KERTAS PUTIH

- 1. Ancaman Kepada Perpaduan Umat Islam Dan Keselamatan Negara.**
- 2. Peristiwa Memali.**
- 3. Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara.**

KATA PENGANTAR

Sejak kebelakangan ini kebangkitan Islam telah mula menular ke seluruh dunia. Kebangkitan ini meresapi bukan sahaja masyarakat Islam di negara-negara Islam sendiri tetapi juga umat Islam di negara-negara bukan Islam. Perkembangan sejagat ini bermatlamat untuk mengembalikan Islam ke zaman kegemilangan dan keagungannya yang berdasarkan kepada Al-Quran dan Al-Hadith.

Masyarakat Islam di Malaysia juga tidak tertinggal dari arus kebangkitan itu. Malah Kerajaan sendiri telah, sedang dan akan terus menggalakkan perkembangan sejagat ini secara positif menerusi berbagai langkah selaras dengan penerapan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Dasar Kerajaan sekarang ialah untuk menerapkan nilai-nilai Islam bagi memelihara kesejahteraan dan kestabilan sosial, politik dan ekonomi serta menjamin keselamatan negara.

Sedang Kerajaan bersungguh-sungguh melaksanakan dasar tersebut, terdapat anasir-anasir, golongan-golongan dan individu-individu tertentu yang mengambil kesempatan darinya. Mereka memperalatkan serta mengeksploitasikan agama Islam dan kebangkitannya sama ada untuk kepentingan diri sendiri ataupun untuk kepentingan politik mereka.

Ada di antara mereka yang mengambil kesempatan menonjolkan ajaran masing-masing dengan sengaja menyalah-tafsirkan ajaran Islam. Tindakan dan kegiatan golongan-golongan seperti ini telah membawa pengikut-pengikut mereka kepada kesesatan dan kesengsaraan. Selain itu, ajaran mereka juga telah mengelirukan masyarakat Melayu/Islam, mencemarkan kesucian dan keutuhan agama Islam, mencederakan orang awam serta mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara. Ada juga di antara mereka itu yang bercita-cita hendak menggulingkan Kerajaan secara kekerasan dan menubuhkan sebuah negara yang mereka dakwa sebagai "negara Islam", "Kerajaan Republik Islam" atau "Kerajaan Theocracy".

Tidak kurang juga ada golongan dan individu tertentu, khususnya ahli-ahli dan penyokong-penyokong Parti Islam SeMalaysia (PAS), yang menjalankan kegiatan mengeluarkan, mengguna serta menyebarkan apa yang didakwa oleh mereka "fatwa" yang mengkafir orang-orang Melayu/Islam di luar parti tersebut. Kegiatan ini adalah satu gejala yang sangat serius lagi merbahaya. "Fatwa" ini bukan sahaja telah menimbulkan kekeliruan, perselisihan faham dan perpecahan di kalangan masyarakat Melayu/Islam di negara ini bahkan telah mencetuskan berbagai kejadian yang mengaibkan. Antaranya ialah sembahyang dua imam di masjid/surau yang sama, akad nikah dua kali, keengganan membayar zakat fitrah kepada amil-amil Kerajaan, mengadakan kawasan perkuburan yang berasingan, pemulauan yang dilakukan oleh ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS terhadap orang-orang Islam yang

— “Suara Demokratik Malaya” (SDM): Satu Media Dakyah PKM	19
PKM: MENANGGUK DI AIR KEROH	19-20
PENUTUP	20
LAMPIRAN-LAMPIRAN:	
LAMPIRAN A:	Contoh Pakaian Seragam Golongan CRYPTO.
LAMPIRAN B:	Contoh pakaian dan pedang golongan Mohd Nasir Ismail.
LAMPIRAN C:	Contoh bendera Golongan Mohd Nasir Ismail yang mengaku dirinya sebagai “Imam Mahdi” yang disebut “Mohamed Mahdi Isa”.
LAMPIRAN D:	Gambar-gambar akibat serangan Golongan Mohd Nasir Ismail ke atas Ibu Pejabat Daerah Polis, Batu Pahat, Johor, pada 16 Oktober 1980.
LAMPIRAN E:	Salinan naskah asal (tulisan jawi) risalah Siaran Jawatankuasa Tetap Agama Bagi Majlis Raja-raja berkenaan kufur mengkufur seseorang Islam bertarikh 4 Julai 1963.
LAMPIRAN F:	Salinan naskah yang disebut di Lampiran E dalam tulisan rumi.
LAMPIRAN G:	Gambar menunjukkan para jemaah pengikut imam rawatib yang baru menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, sementara para pengikut imam bukan rawatib atau yang tidak dilantik oleh Raja Pemerintah (Imam Lama) masih lagi duduk di sebelah belakang menunggu giliran untuk bersembahyang Jumaat di Masjid Gong Pasir, Daerah Besut, Terengganu.
LAMPIRAN H:	Senarai “Kelab-kelab PAS” di Terengganu, Melaka dan Kedah.
LAMPIRAN I:	Gambar “Kelab-kelab PAS” di Daerah Besut, Terengganu.

- LAMPIRAN J: Salinan naskah asal (tulisan Jawi) surat Pekeliling Mufti Kerajaan Negeri Terengganu mengenai sembahyang Jumaat, bertarikh 19 Mac 1981.
- LAMPIRAN K: Salinan naskah yang disebut di *Lampiran J* dalam tulisan rumi.
- LAMPIRAN L: Salinan risalah. Siaran Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan bertarikh 19 April 1981.
- LAMPIRAN M: Salinan naskah yang disebut di *Lampiran L* dalam tulisan rumi.
- LAMPIRAN N: Gambar-gambar menunjukkan "golongan pemulau" meninggalkan Masjid Titi Selangor, Batu 4, Jalan Sanglang, Kodiang, Kedah.

ANCAMAN KEPADA PERPADUAN UMAT ISLAM DAN KESELAMATAN NEGARA

LATARBELAKANG

Kebangkitan Islam merupakan satu perkembangan sejagat masa kini yang meresapi masyarakat Islam sama ada di negara-negara Islam sendiri ataupun di negara-negara bukan Islam. Matlamat perkembangan ini adalah untuk kembali ke zaman kegemilangan dan keagungan Islam yang berdasarkan Al-Quran dan Al-Hadith. Sambutan dan penerimaan terhadap perkembangan ini di kalangan masyarakat Islam bergantung kepada faktor-faktor politik, undang-undang, sosial, ekonomi dan kebudayaan setempat.

2. Malaysia juga tidak sepi dari arus kebangkitan Islam tersebut. Dalam hal ini Kerajaan telah dan akan menggalakkannya secara positif menerusi berbagai langkah selaras dengan penetapan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Dasar Kerajaan sekarang ini ialah untuk menerapkan nilai-nilai Islam bagi memelihara kesejahteraan dan kestabilan sosial, politik dan ekonomi serta menjamin keselamatan negara.

3. Walaupun sedemikian dasar dan pendekatan Kerajaan, terdapat anasir-anasir dan golongan-golongan tertentu yang mengambil kesempatan mengeksploitasi dan memperalatkan agama Islam dan kebangkitannya untuk tujuan dan kepentingan lain. Mereka ini mahu menubuhkan sebuah negara yang mereka dakwa kononnya sebagai "negara Islam," tanpa mengira kesan terhadap ketenteraman dan keselamatan negara. Kegiatan serta corak pendekatan mereka bukan sahaja mengeliru dan memecahbelahkan masyarakat Melayu/Islam, tetapi juga menimbulkan kegelisahan di kalangan semua kaum di negara ini.

4. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada kewujudan anasir-anasir tersebut. Antara lain ialah mereka tertarik dengan corak pendekatan dan kegiatan pergerakan-pergerakan Islam di luar negeri, termasuk pergerakan-pergerakan yang bercorak militan, tanpa mengambilkira hakikat bahawa persekitaran dan tubuh politik di negara-negara itu adalah jauh berlainan dari apa yang wujud di Malaysia. Penerapan dan penyebaran pengaruh dari luar ini, tanpa pertimbangan dan kesesuaiannya dengan keadaan tempatan, telah menimbulkan kesan yang menjurus ke arah menggugat ketenteraman awam dan mengancam keselamatan negara.

5. Selain daripada golongan-golongan dan individu-individu tertentu di dalam negeri, terdapat juga beberapa golongan pelajar Malaysia di luar negeri yang telah diresapi oleh aliran fahaman yang sama. Apabila kembali ke tanahair, beberapa anggota golongan pelajar berkenaan meneruskan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan kepentingan negara.

6. Dalam pada itu, "Parti Komunis Malaya" (PKM) juga telah lama memperalatkan agama Islam untuk menarik sokongan dari masyarakat Melayu/Islam. Oleh itu suasana yang wujud di Malaysia sejak kebelakangan ini telah memberi peluang keemasan kepada PKM untuk mengelirukan masyarakat Melayu/Islam serta mencemarkan kesucian Islam. Kegiatan-kegiatan ini juga turut menggugat ketenteraman awam dan keselamatan negara. Ini adalah selaras dengan cita-cita PKM untuk merampas kuasa melalui kekerasan dan menubuhkan sebuah negara komunis di Malaysia.

TUJUAN

7. Tujuan kertas ini ialah untuk mendedahkan ancaman kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara yang ditimbulkan oleh kegiatan golongan-golongan dan individu-individu yang mengeksploitasi isu agama untuk tujuan dan kepentingan mereka.

ANCAMAN DARI GOLONGAN-GOLONGAN AJARAN SESAT

8. Arus kebangkitan Islam ini telah mendorong masyarakat Melayu/Islam berusaha mendalami lagi ilmu pengetahuan mereka mengenai Islam. Dalam suasana tersebut terdapat golongan-golongan dan individu-individu tertentu yang mengambil kesempatan untuk menonjolkan ajaran-ajaran mereka yang sengaja diselewengkan daripada ajaran Islam bagi tujuan dan kepentingan mereka sendiri.

9. Ajaran serta kegiatan golongan-golongan dan individu-individu tertentu ini jelas menunjukkan bahawa mereka ini tidak mempunyai matlamat untuk meninggikan syiar Islam di negara ini. Sebaliknya mereka menggunakan Islam dengan tujuan untuk mencari keuntungan kebendaan, mencari jalan pendek kononnya ke syurga dan mencari kuasa politik dengan cara sengaja menyalahafsirkan ajaran Islam.

10. Kegiatan-kegiatan yang bercorak sedemikian telah menyebabkan beberapa orang dari mereka terseleweng dari ajaran Islam. Dalam pada itu, kegiatan-kegiatan golongan-golongan yang sanggup menggunakan kekerasan bukan sahaja membawa kepada kesesatan dan kesengsaraan kepada pengikut-pengikut mereka, bahkan telah mengancam dan mencederakan orang awam. Di antara golongan-golongan itu adalah:

10.1 *Golongan Rohaniah*

10.1.1 Golongan Rohaniah telah diasaskan pada tahun 1971 oleh Haji Abdul Talib Bin Haji Ahmad @ Haji Abdul Mutalib Naim¹ di Kelang, Selangor. Ajaran ini diasaskan kepada bukunya yang berjudul "Menenal Roh"².

10.1.2 Menjelang akhir tahun 1976, beberapa orang kenamaan dan pegawai kerajaan telah terpengaruh dengan golongan Rohaniah ini. Golongan tersebut kemudiannya merancang untuk menggulingkan kerajaan secara kekerasan bagi menubuhkan apa yang dikatakan sebuah "negara Islam." Dalam manifestonya golongan ini antara lain menganjurkan penghapusan sistem beraja.

¹ Dilahirkan pada tahun 1911 di Ipoh, Perak. Berpelajaran setakat darjah 6 Sekolah Melayu dan melanjutkan pelajarannya di Sekolah Arab Al' Mashoor, Pulau Pinang. Pernah menjadi Presiden Kesatuan Melayu Muda (KMM) Perak dan Setiausaha Agung Persatuan Melayu Semenanjung (PEMAS) Selangor.

² Buku "Menenal Roh" karangan Haji Abdul Mutalib Naim, diterbitkan oleh Syarikat Doyan Shipping Sdn Bhd No. 73A Jalan Samy, Pelabuhan Kelang dan dicetak oleh Percetakan H.H.P.S., Kelang. Buku ini dikeluarkan sebanyak 6 jilid dari tahun 1974 hingga tahun 1976. Majlis Fatwa Kebangsaan, di Muzakarahnya di Melaka pada 28 Januari 1981, telah mendapati bahawa buku ini mengandungi banyak perkara-perkara yang karut dan memperakukan supaya semua negeri mengharamkan buku ini.

olehnya tanpa mempersoal tujuan dan hakikatnya yang sebenar. Ini termasuk menyediakan pedang dan parang serta pakaian serba putih¹¹.

10.5.2 Pada 16 Oktober 1980, seramai 14 orang pengikutnya yang yakin bahawa mereka tidak akan mati dalam sebarang pertempuran dengan "kafir", telah mengikut Mohd Nasir Bin Ismail menyerang Ibu Pejabat Daerah Polis Batu Pahat, Johor¹². Sungguhpun tindakan mereka telah dapat dipatahkan, kejadian itu telah mengakibatkan 17 orang anggota polis dan awam cedera, manakala 8 di antara kumpulan penyerang ini terbunuh serta 6 cedera. Saki-baki pengikut Mohd Nasir telah ditahan di bawah AKDN¹³.

10.6 *Tentera Sabilullah/Pertubuhan Angkatan Sabilullah (P.A.S)*

10.6.1 Tentera Sabilullah ditubuhkan dalam tahun 1966 berikutan dengan pengharaman Persatuan Melayu Semenanjung (PEMAS) pada 21 Januari 1965. Golongan ini pada mulanya bercorak perkauman. Pada tahun 1967 berikutan dengan pergaduhan kaum yang berpunca dari tindakan "Hartal"¹⁴ oleh peniaga-peniaga di Pulau Pinang, Tentera Sabilullah telah merancang untuk membakar masjid dan surau di daerah Kubang Pasu, di Pekan Kubur Panjang dan di Pekan Tanah Merah, Kedah. Tujuan mereka adalah untuk mengaitkan perbuatan ini sebagai tindakan oleh orang-orang bukan Islam untuk mencetuskan permusuhan kaum. Rancangan ini telah dipatahkan dengan penangkapan 15 orang ahli-ahli Tentera Sabilullah. Dua ratus lapan puluh satu orang yang lain telah menyerah diri kepada pihak berkuasa.

10.6.2 Tentera Sabilullah bergiat semula pada tahun 1972 di bawah pimpinan Isa Bin Hussein @ Bong Isa¹⁵. Pengaruh Tentera Sabilullah mula merebak di beberapa tempat di kawasan-kawasan lain seperti Kota Setar, Jitra, Gurun, Kulim, Baling, Sungai Patani di Kedah dan juga Kangar di Perlis.

10.6.3 Tujuan utama golongan ini adalah untuk mewujudkan apa yang mereka dakwa sebagai sebuah "negara Islam." Dengan adanya unsur-unsur Islam dalam perjuangan Tentera Sabilullah, ramai ahli-ahli Parti Islam SeMalaysia (PAS) telah tertarik dan menjadi ahli golongan itu.

10.6.4 Walau bagaimanapun, bibit perpecahan dalam Tentera Sabilullah dapat dikesan setelah PAS bersetuju dengan pembentukan Kerajaan Campuran pada tahun 1973. Perpecahan ini berlaku kerana terdapat beberapa ahli yang radikal dalam golongan itu yang tidak berpuashati dengan tindakan PAS menyertai Kerajaan Campuran. Pada 30 Oktober 1978 mereka yang radikal kemudiannya menubuhkan kumpulan lain pula dengan nama Pertubuhan Angkatan Sabilullah (P.A.S.). Tujuan perjuangan P.A.S. ini adalah sama seperti Tentera Sabilullah

11 contoh-contoh pakaian dan pedang adalah seperti di *Lampiran B*.

12 Gambar-gambar akibat serangan Golongan Mohd Nasir Ismail ke atas Ibu Pejabat Polis Batu Pahat pada 16 Oktober 1980 adalah seperti di *Lampiran D*.

13 Dua puluh dua orang ditangkap di bawah AKDN. Lima Belas orang dikenakan Perintah Tahanan, seorang dikenakan Perintah Sekatan dan 6 orang dibebaskan setelah didapati tidak terlibat. Dari 15 orang yang dikenakan Perintah Tahanan, 6 digugurkan perintah mereka dan dihadapkan ke Mahkamah Session Muar, Johor pada 3 Januari 1981 dan dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan disebat 26 rotan tiap-tiap seorang.

14 Tindakan menutup kedai hasil hasutan dari anasir-anasir pro-komunis.

15 Salah seorang "khalifah" Tentera Sabilullah berpangkalan di Pulau Pinang dan bekas Setiausaha Agung Persatuan Melayu Semenanjung (PEMAS). Ditangkap di bawah AKDN, pada bulan Disember 1963 di Pulau Pinang. Pada 25 Januari 1964, dikenakan Perintah Sekatan sehingga 13 Mac 1967.

iaitu untuk mewujudkan apa yang didakwa sebagai sebuah “Kerajaan Islam” dengan menggunakan kekerasan. Ahli-ahli P.A.S. pada masa itu berjumlah lebih kurang 400 orang.

10.6.5 P.A.S. yang didalangi oleh tokoh-tokoh PAS Kedah telah mengambil kesempatan berkaitan dengan masalah subsidi padi menghasut petani-petani sehingga mencetuskan satu tunjuk perasaan besar-besaran di hadapan Wisma Negeri, Alor Setar, Kedah pada 23 Januari 1980. Seramai 14 orang ahli-ahli P.A.S. dan termasuk 3 orang ahli Parti PAS yang telah bertanggungjawab dalam merancang tunjuk perasaan itu telah ditahan oleh Kerajaan. Tiga orang ahli PAS yang terlibat ialah Othman Bin Haji Mohd Marzuki¹⁶, Sollahuddin Bin Mansor¹⁷ dan Halim Bin Arshad¹⁸.

11. Berasaskan huraian di atas, nyatalah bahawa kegiatan golongan-golongan tersebut telahpun mengakibatkan penyelewengan, kesesatan, kesengsaraan dan pertumpahan darah, bukan sahaja di kalangan pengikut-pengikut mereka bahkan juga rakyat jelata. Kemunculan golongan-golongan seperti ini, jika tidak dibendung, boleh mencetuskan kekacauan dan huru-hara di negara ini.

ANCAMAN GOLONGAN-GOLONGAN YANG MEMPERALATKAN AGAMA ISLAM

TINDAKAN MENGKAFIR OLEH PAS

12. Tindakan mengkafir sesama Islam yang dilakukan oleh PAS mula dikesan di Kelantan sejak tahun 1963. Ianya berlarutan sehingga pilihanraya umum tahun 1964¹⁹. Tindakan mengkafirkan orang Islam ini telah digunakan oleh PAS untuk melemahkan sokongan rakyat kepada UMNO dalam pilihanraya tersebut. Tindakan ini juga memecah-belahkan perpaduan masyarakat Melayu/Islam serta mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

13. Bagi mencapai hasratnya, PAS telah menubuhkan “Dewan Ulamak”, sebuah badan agama yang dikatakan bebas tetapi di bawah Jawatankuasa Kerja PAS Negeri Kelantan. Dewan ini mempunyai fungsi-fungsi seperti berikut:

- “Bertanggungjawab membuat kajian mengenai ajaran Islam untuk tujuan-tujuan politik dan kepentingan parti”.
- “Menjadi kuasa bagi mengeluarkan fatwa untuk disampaikan kepada rakyat”.
- “Bertanggungjawab menyebarkan fatwa-fatwa kepada rakyat dengan kerjasama guru-guru agama yang kebetulan ahli-ahli parti berkenaan.”

16 Ketika itu Ahli Jawatankuasa Perhubungan PAS memegang jawatan sebagai Timbalan Pesuruhjaya P.A.S. Ia juga bekas ADUN PAS kawasan Pokok Sena, Alor Setar, Kedah.

17 Ketika itu Setiausaha Kerja PAS Negeri Kedah. Ia memegang jawatan Ketua Dewan Pemuda P.A.S.

18 Setiausaha PAS Kedah dan Ahli Jawatankuasa PAS Pusat.

19 Pada ketika itu Kerajaan Negeri Kelantan adalah di bawah pentadbiran PAS.

14. Berikutnya, beberapa mesyuarat telah diadakan oleh "Dewan Ulamak" PAS bagi membincangkan beberapa perkara untuk mengeluarkan apa yang didakwakan oleh mereka sebagai "hukum" atau "fatwa". Pada bulan Ogos 1963, di satu mesyuarat yang diadakan di Kediaman Menteri Besar Kelantan di Jalan Kg. Sireh, Kota Bharu, Kelantan, "Dewan Ulamak" itu telah membuat keputusan mengeluarkan "hukum-hukum/fatwa-fatwa" berikut:

- "...Orang-orang Islam yang berkongsi dengan orang-orang kafir untuk memerintah negara menjadi kafir atau haram..."
- "...Sesiapa yang mengundi di atas parti-parti yang berkongsi itu menjadi haram, jika redha menjadi kafir, tetapi jika tidak redha menjadi haram sahaja..."

15. Berikutan dengan ini, salah seorang ahli "Dewan Ulamak" itu, Haji Yaakob bin Ishak²⁰ telah menyatakan bahawa orang-orang PERIKATAN²¹ adalah "kafir" seperti keterangan yang telah diberikan oleh beliau iaitu:

- "...Apabila keputusan ini diambil saya berpendapat bahawa seseorang umat Islam yang memasuki parti yang berkongsi dengan orang-orang kafir, jikalau redha menjadi kafir. Orang-orang Islam menjadi ahli PERIKATAN jikalau redha menjadi kafirlah mereka..."
- "...Jika seseorang redha sembahyang berimamkan orang PERIKATAN menjadi kafir, jika redha berkahwin dengan orang-orang PERIKATAN, anak yang mereka dapat itu menjadi anak haram, dan jika memakan sembelihan orang-orang PERIKATAN adalah haram..."

16. Setelah menyedari kesilapannya, Haji Yaakob Bin Ishak membuat penjelasan berikut:

"Saya percaya bahawa pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar PAS di Negeri Kelantan berasa runsing dan takut yang mereka akan kalah dalam Pilihanraya Federal dan Negeri yang akan datang ini kerana mereka berasa bimbang tidak mendapat sokongan daripada rakyat lagi..."

"Jadi, kerana tidak ada jalan lain untuk memenangi pilihanraya akan datang ini pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar PAS telah merancang satu propaganda yang hebat dengan menggunakan fatwa mengkafir. Mereka tahu bahawa orang-orang yang patut mengeluarkan fatwa ini ialah guru agama yang duduk di tiap-tiap kampung dan daerah yang saling dihormati dan ditakuti oleh orang kampung, jadi mereka jemput semua guru-guru agama untuk mengambil bahagian dalam politik untuk semata-mata kepentingan PAS."

20 Ahli Jawatankuasa PAS Ranting Simpang Tiga, Tumpat, Kelantan. Berpelajaran Sekolah Melayu darjah 3, belajar di Pondok Tok Guru Haji Hassan, Kg Bongor, Patani, Selatan Thailand, dan di Pondok Tok Guru Haji Abdullah Tahir Bin Haji Ahmad, Kg Bunut Payong, Kota Bharu, Kelantan. Telah ditahan di bawah AKDN di antara 27 Februari 1964 hingga 24 Disember 1964.

21 PERIKATAN ialah gabungan dari UMNO (United Malays National Organization), MCA (Malayan Chinese Association) dan MIC (Malayan Indian Congress) yang ditubuhkan pada awal tahun 1955 untuk memasuki pilihanraya pada bulan Julai tahun itu dan berakhir pada tahun 1974 apabila Barisan Nasional ditubuhkan yang menggabungkan 9 buah parti politik.

17. Selanjutnya, seorang lagi ahli "Dewan Ulamak" itu, Haji Omar bin Daud²² mendedahkan seperti berikut:

"...Tiga hari selepas mesyuarat Dewan Ulamak, saya mula menyebarkan hukum-hukum yang diluluskan oleh Dewan tersebut kepada penduduk Kg. Kubang Kua, Pasir Mas, Kelantan. Penyebaran ini dilakukan di sebuah madrasah, di hadapan lebih kurang 40 orang. Dalam majlis tersebut saya telah menghebahkan bahawa:

- "Sekiranya si suami memasuki PERIKATAN dan si isteri seorang ahli PAS maka perkahwinan mereka adalah dibatalkan dan anak-anak mereka itu adalah haram."
- "Sekiranya seorang ahli PERIKATAN menyembelih lembu atau binatang lain, ahli-ahli PAS tidak boleh memakannya kerana ahli-ahli PERIKATAN kafir".

18. Haji Omar Bin Daud kemudian membuat pengakuan:

"...Saya tahu dan percaya, hukum-hukum yang saya buat dan sentuh ke atas isu-isu agama yang disebutkan di atas telah diputarbelitkan dan tidak betul..."

19. Haji Yaakub Bin Ishak juga membuat pengakuan:

"...Selepas Haji Omar Bin Daud kena tangkap, saya tidak lagi mengeluarkan fatwa kafir mengkafir ini kepada murid-murid saya dan kepada orang-orang kampung, kerana saya sendiri telah sedar bahawa fatwa ini salah, bukan sahaja dalam segi agama tetapi juga salah kepada undang-undang negeri..."

20. "Fatwa" mengkafir ini, bagaimanapun reda setelah 10 orang yang terlibat ditahan di bawah AKDN pada tahun 1963 dan tahun 1964. IANYA BERTAMBAH REDA LAGI APABILA PAS DAPAT MENGEKALKAN KUASA DI KELANTAN DARI TAHUN 1964 HINGGA TAHUN 1969. KEGIATAN MENYEBARKAN "FATWA" MENKAFIR INI TERHENTI SELEPAS PERISTIWA 13 MEI 1969; SETELAH PEMBENTUKAN KERAJAAN CAMPURAN DENGAN PAS PADA AWAL TAHUN 1973 DAN KEMUDIANNYA SESUDAH PAS MENGANGGOTAI BARISAN NASIONAL²³ PADA 1 JUN 1974. KEADAAN INI BERTERUSAN HINGGA PAS TERKELUAR DARI BARISAN NASIONAL PADA BULAN DISEMBER 1977.

21. Dalam pilihanraya 1974 PAS bertanding sebagai anggota BARISAN NASIONAL dan tidak sama sekali mengkafirkan sesiapa. INI JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA "FATWA" YANG DIBUAT DAN DISEBAR OLEH "ULAMAK" PAS ADALAH BERASASKAN SEMATA-MATA KEPADA KEPENTINGAN POLITIK.

22. Bagaimanapun "Fatwa" mengkafir ini telah ditimbulkan semula di Terengganu oleh ahli-ahli parti PAS semasa pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Kuala Besut, Terengganu pada bulan Julai 1979.

22 Telah ditahan di bawah AKDN di antara 9 November 1963 hingga 23 September 1968.

23 BARISAN NASIONAL (BN) yang ditubuhkan pada bulan Jun 1974 ialah gabungan 9 buah parti Politik iaitu UMNO, MCA, MIC, Parti Gerakan Rakyat Malaysia, PPP (People's Progressive Party), SUPP (Sarawak United People's Party), PBB (Parti Pesaka Bumiputera Bersatu), USNO (United Sabah National Organisation) dan PAS. BN kini adalah gabungan 11 buah parti politik iaitu UMNO, MCA, MIC, GERAKAN, PPP, SUPP, PBB, BERJASA (Barisan Jaminah Islamiah Malaysia) BERJAYA (Bersatu Rakyat Jelata Sabah), SNAP (Sarawak National Party) dan PBDS (Parti Bangsa Dayak Sarawak).

23. Dalam bulan November 1979 Haji Mustaffa Bin Haji Abu Bakar²⁴ telah mengeluarkan "fatwa" mengkafir di Kg Keruak, Ulu Besut, Terengganu seperti berikut:

- "Sembahyang berimamkan orang BARISAN NASIONAL tidak sah;"
- "Sembelihan orang BARISAN NASIONAL tidak boleh dimakan;"
- "Nikah yang dilakukan oleh Jurunikah Kerajaan tidak sah, kalau bersetubuh hukumnya zina dan kalau dapat anak, anak itu haram."

24. "Fatwa" Haji Mustapha Bin Haji Abu Bakar ini telah diterima oleh ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS sehingga mencetuskan kejadian-kejadian berikut:

- 24.1 Sembahyang fardhu Maghrib dan Isyak dan kemudiannya sembahyang sunat Tarawih serentak, berimamkan dua imam, seorang Imam rawatib²⁵ dan seorang lagi Imam PAS. Peristiwa ini berlaku dalam bulan Puasa.
- 24.2 Sembahyang fardhu Jumaat dua kali di sebuah masjid yang sama. Dalam kejadian ini penyokong-penyokong dan ahli-ahli PAS menunaikan fardhu Jumaat berimamkan imam mereka sendiri selepas jemaah lainnya menunaikan fardhu tersebut berimamkan Imam rawatib.
- 24.3 Sembahyang fardhu Jumaat berasingan di "kelab PAS" yang tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa agama.
- 24.4 Mengakad-nikahkan semula pasangan suami isteri yang telah dinikahkan oleh Kadi.
- 24.5 Mengadakan tanah perkuburan berasingan bagi orang-orang PAS.

25. Walaupun pada 4 Julai 1963 Jawatankuasa Tetap Agama bagi pihak Majlis Raja-Raja telah mengeluarkan risalah Siaran menasihatkan orang-orang Islam supaya "jangan terburu memfatwakan kufur bagi seseorang Islam"²⁶, kegiatan mengkafir terus dilakukan oleh PAS.

KEGIATAN MEMULAU

26. Seterusnya berlaku pula kegiatan memulau yang dilakukan oleh PAS terhadap masyarakat Islam yang lain seperti yang terjadi di Terengganu, Kelantan dan Kedah sehinggalah ada yang tidak mahu membayar fitrah kepada amil-amil yang dilantik oleh Raja Pemerintah. Mereka juga tidak mahu sembahyang berimamkan imam-imam rawatib. Kegiatan ini berterusan sehingga pihak penyokong-penyokong dan ahli-ahli PAS menggunakan tempat-tempat yang berasingan dari masjid dan surau yang sedia ada untuk menunaikan sembahyang fardhu Jumaat.

27. Contoh-contoh peristiwa memulau yang telah berlaku adalah seperti berikut:

27.1 Zakat Fitrah.

24 Seorang guru agama dan ahli PAS. Berpelajaran Sekolah Pondok. Telah didakwa di Mahkamah Syariah Besut pada 10, 12 dan 14 Februari 1981 kerana mengeluarkan "fatwa-fatwa" tersebut di surau Kg Keruak, Ulu Besut pada 4 November 1979. Perbicaraan berakhir dengan Haji Mustaffa dikenakan hukuman penjara 4 bulan.

25 Orang yang dilantik oleh Raja Pemerintah untuk mengimamkan sembahyang.

26 Salinan naskah asal (tulisan jawi) risalah Siaran Jawatankuasa Tetap Agama Bagi Majlis Raja-Raja berkenaan kufur mengkufurkan seseorang Islam bertarikh 4 Julai 1963 adalah seperti di *Lampiran E*. Salinan naskah tulisan rumi adalah seperti di *Lampiran F*.

27.1.1 Pada 15 Ogos 1979 penyokong-penyokong dan ahli-ahli PAS telah menyebarkan di kawasan-kawasan Besut, Kuala Terengganu dan Kemaman, Terengganu, beberapa surat bantahan oleh Haji Mohd Razali Bin Haji Ahmad²⁷ mengenai pembayaran zakat kepada amil yang dilantik oleh Raja Pemerintah.

27.1.2 Pada 19 Ogos 1979, Omar Bin Khalid²⁸ telah membuat pengumuman di surau Kg Bukit Mali, Pasir Akar, Besut, Terengganu menyeru hadirin supaya membayar fitrah kepada amil-amil yang bukan dilantik oleh Raja Pemerintah. BERIKUTAN DENGAN PENGUMUMAN TERSEBUT SERAMAI LEBIH 2,000 ORANG DARI 9 BUAH KAMPUNG DI DAERAH BESUT TELAH TIDAK MEMBAYAR ZAKAT/FITRAH KEPADA AMIL-AMIL YANG DILANTIK OLEH RAJA PEMERINTAH²⁹.

27.2 *Sembahyang Maghrib, Isyak dan Tarawih Di Belakang Dua Imam.*

27.2.1 Pada 4 Jun 1982 dan di sepanjang bulan Ramadan tahun itu di Kg Gong Pasir, Kerandang, Besut, Terengganu lebih kurang 50-60 orang penyokong-penyokong dan ahli-ahli PAS dengan sengajanya telah bersembahyang fardhu maghrib, isyak dan sunat tarawih mengikut imam mereka sendiri walaupun pada ketika itu jemaah yang lain sedang menunaikan sembahyang fardhu manghrib, isyak dan sunat tarawih berimamkan seorang imam rawatib.

27.3 *Sembahyang Jumaat Dua Kali Di Satu Masjid.*

27.3.1 Pada 7 Mei 1982, di Masjid Kg Gong Pasir, Kerandang, Besut, Terengganu, LEBIH KURANG 60 ORANG TEMPATAN YANG TERDIRI DARIPADA AHLI-AHLI DAN PENYOKONG-PENYOKONG PAS TELAH MENUNAIKAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT BERIMAMKAN IMAM YANG TIDAK DILANTIK OLEH RAJA PEMERINTAH SEBAIK SAHAJA LEBIH KURANG 60 ORANG TEMPATAN YANG LAIN SELESAI MENUNAIKAN FARDHU JUMAAT BERIMAMKAN IMAM RAWATIB³⁰.

27.4 *Sembahyang Jumaat Berasingan Di Tempat Yang Tidak Diiktiraf Oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam.*

27.4.1 Sejak 13 Ogos 1982, AHLI-AHLI DAN PENYOKONG-PENYOKONG PAS TELAH MENUNAIKAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT SECARA BERASINGAN DI "KELAB-KELAB PAS",³¹ IAITU DI TEMPAT-TEMPAT YANG TIDAK DIIKTIRAF OLEH RAJA PEMERINTAH. Pada mulanya

27 Ketika itu Ketua Dewan Ulamak PAS Terengganu dan kini Timbalan Pesuruhjaya PAS Terengganu.

28 Bekas Ketua Dewan Pemuda PAS Besut, Terengganu.

29 Pada 25 Ogos 1980, tiga orang pemuda telah didakwa di Mahkamah Syariah di Besut, kerana tidak membayar zakat/fitrah kepada amil yang dilantik oleh Raja Pemerintah di Kg Nangka di Daerah Besut, Terengganu. Ketiga-tiga telah didakwa di bawah fasal 152(i) bil. 4/55 Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Terengganu dan didenda \$100 atau 14 hari penjara.

30 Gambar menunjukkan para jemaah pengikut imam rawatib yang baru menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, sementara para pengikut imam bukan rawatib atau yang tidak dilantik oleh Raja Pemerintah (imam lama) masih lagi duduk di sebelah belakang menunggu giliran untuk bersembahyang Jumaat di Masjid Kg Gong Pasir, Kerandang, Daerah Besut, Terengganu adalah seperti di Lampiran G.

31 Senarai "kelab PAS" di mana kegiatan sembahyang Jumaat berasingan dikendalikan oleh PAS adalah seperti di Lampiran P

kegiatan ini dilakukan di 6 buah "kelab PAS" di Besut³² dan 4 di Kuala Terengganu. Kegiatan ini meningkat dari minggu ke seminggu sehingga bilangan bertambah kepada 23 di Besut, 7 di Kuala Terengganu dan 1 di Dungun yang melibatkan sejumlah lebih kurang 5,000 orang.

27.5 Akad Nikah Dua Kali.

27.5.1 Sepasang suami isteri dari Kg Gong Pasir, Kerandang, Besut, Terengganu yang telah diakad-nikahkan pada 14 November 1979 oleh Jurunikah bertaulah, Mat @ Zakaria Bin Latiff, telah diakad-nikahkan semula pada 8 Disember 1979 oleh Stimat @ Muhammad Bin Jusoh³³. **UPACARA AKAD NIKAH YANG KEDUA INI TELAH DIJALANKAN TANPA KEHADIRAN WALI DARI PIHAK PEREMPUAN ATAU SAKSI-SAKSI YANG DIPERLUKAN.**

27.5.2 Pada 9 Mac 1980, Stimat @ Muhammad Bin Jusoh sekali lagi telah mengakad-nikahkan semula sepasang suami isteri dari Kg Gong Pasir, Kerandang, Besut, Terengganu yang telahpun dinikahkan oleh Jurunikah bertaulah, Mat @ Zakaria Bin Latiff. **UPACARA PERNIKAHAN OLEH STIMAT @ MUHAMMAD BIN JUSOH TELAH JUGA DIJALANKAN TANPA KEHADIRAN WALI BAGI PIHAK PEREMPUAN ATAUPUN SAKSI-SAKSI YANG DIPERLUKAN.**

27.5.3 Pada 10 Mei 1980, sepasang suami isteri dari Kg Amir, Kg Raja, Besut, Terengganu, telah dinikahkan oleh Jurunikah bertaulah, Abdul Latiff Bin Mohamad. Pasangan tersebut telah dinikahkan sekali lagi oleh Haji Husin Bin Mat³⁴ pada 11 Mei 1980.

27.5.4 Pada 13 Ogos 1981 sepasang pengantin dari Kg Bukit Payong, Ulu Besut, Terengganu, yang dinikahkan oleh Jurunikah bertaulah, Wan Abdullah Bin Wan Ahmad, telah dinikahkan sekali lagi pada sebelah malam hari yang sama.

27.6 Pengurusan Jenazah.

27.6.1 Pada 7 Oktober 1981, satu pertelingkahan berlaku semasa memandi dan mengapankan mayat seorang perempuan di Kg Lubok Kawah, Jerteh, Terengganu apabila Abdullah Bin Ismail³⁵ **MENYINDIR BAHAWA KAIN KAPAN YANG DISEDIAKAN OLEH AHLI-AHLI DAN PENYOKONG-PENYOKONG UMNO HARUS DISAMAK** dahulu sebelum digunakan. Untuk mengelakkan daripada berlakunya sesuatu kejadian yang tidak diingini kesemua ahli dan penyokong UMNO yang hadir untuk membantu menguruskan jenazah itu balik ke rumah masing-masing.

32 Gambar "Kelab-kelab PAS" di Daerah Besut, Terengganu adalah seperti di *Lampiran I*.

33 Bersekolah setakat darjah 5, Sekolah Agama Alor Keladi, Besut, Terengganu. Bekas guru pelawat agama Terengganu dan giat dalam politik sebagai Ketua PAS Cawangan Gong Pasir, Besut. Juga ahli Jawatankuasa PAS Besut. Telah ditangkap pada 26 Ogos 1982 di bawah Enakmen Kediaman Terhadap Bad 39 dan dikenakan Perintah Sekatan ke Bandar Kampar, Perak selama 3 tahun mulai 11 Disember 1982 hingga 10 Disember 1985.

34 Seorang penyokong PAS.

35 Ahli PAS Kg Lubok Kawah, Jerteh, Terengganu.

27.6.2 Pada 28 April 1982, jenazah seorang lelaki telah dikebumikan oleh ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS di kawasan berhampiran dengan rumahnya di Kg Gong Pak Mentosa, Tembilai, Besut, Terengganu. MEREKA ENGGAN MENGKEBUMIKAN JENAZAH TERSEBUT DI TANAH PERKUBURAN ISLAM DI KAMPUNG ITU DENGAN ALASAN TANAH PERKUBURAN TERSEBUT YANG DIANGGAP OLEH MEREKA SENDIRI SEBAGAI "JIRAT" (KUBUR) HANYA UNTUK ORANG-ORANG BN/UMNO YANG DIDAKWA SEBAGAI ORANG-ORANG KAFIR. Seterusnya ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS digesa supaya tidak mengkebumikan jenazah dari golongan mereka di perkuburan itu bersama dengan orang-orang BN/UMNO yang dianggap kafir.

27.6.3 Pada 11 Ogos 1984, satu kekecuaan telah berlaku apabila hendak menyembahyang dan mengkebumikan mayat seorang perempuan di Kampung Baru Kelulut, Marang, Terengganu. Kekecuaan ini timbul apabila anak saudara si mati, Ibrahim Bin Jusoh³⁶ tidak menghiraukan wasiat si mati sehingga BERLAKU SEMBAHYANG JENAZAH DUA KALI BAGI JENAZAH YANG SAMA DI DUA TEMPAT BERASINGAN DAN PENGGUNAAN KERANDA YANG DICAT DENGAN LAMBANG PAS.

28. Peristiwa-peristiwa seperti yang tersebut di atas itu berlaku akibat daripada kegiatan ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS yang terus mengguna dan menyebarkan "fatwa" mengkafir orang-orang Islam di luar Parti PAS. Kegiatan itu terus dilakukan oleh mereka, khususnya di Terengganu dan Kelantan, walaupun Mufti Kerajaan Terengganu pada 19 Mac 1981 telah mengeluarkan surat pekeliling³⁷ yang menjelaskan bahawa mengadakan atau mendirikan sembahyang Jumaat di sebuah masjid yang lain di dalam satu kampung yang telah sedia ada masjid yang mendapat kebenaran Waliul Amri adalah haram. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan juga pada 19 April 1981 telah mengeluarkan risalah siaran³⁸ yang membuat keputusan bahawa "fatwa-fatwa" yang dibuat dan disebarkan itu "adalah tidak benar dan bertentangan dengan ajaran Islam, serta sangat mendatangkan bahaya terhadap aqidah Islamiah dan perpaduan orang-orang Islam."

KEGIATAN MENGHASUT

29. Kegiatan-kegiatan dan peristiwa-peristiwa ini masih terus berlaku dan dakyah-dakyah menghasut rakyat setempat supaya menentang Kerajaan yang didakwa sebagai "kerajaan kafir" terus diperhebatkan. Ini telah menimbulkan perasaan permusuhan di kalangan golongan-golongan dan individu-individu tertentu di tempat-tempat berkenaan sehingga ada yang rela bertindak tanpa mengira kesan-kesan buruk yang mungkin timbul.

30. Contoh kejadian-kejadian tersebut adalah seperti berikut:

30.1 Dalam bulan Mei 1981, Stimat @ Muhammad Bin Jusoh yang menganjurkan satu perhimpunan haram di Kg Kluang, Besut, Terengganu, telah menghasut para penyokongnya yang hadir berjumlah lebih kurang 2,000 orang dengan teriakan "sabil" supaya menentang sepasukan polis yang cuba menyuraikan perhimpunan haram tersebut.

36 Seorang penyokong PAS.

37 Salinan naskah asal Surat Pekeliling (tulisan jawi) Mufti Kerajaan Negeri Terengganu mengenai sembahyang Jumaat bertarikh 19 Mac 1981 adalah seperti di *Lampiran J*. Salinan naskah tulisan rumi adalah seperti di *Lampiran K*.

38 Salinan naskah asal Risalah Siaran (tulisan jawi) Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan bertarikh 19 April 1981 adalah seperti di *Lampiran L*. Salinan naskah tulisan rumi adalah seperti di *Lampiran M*.

- 30.2 Pada satu ketika yang lain pula Stimat @ Muhammad Bin Jusoh juga telah menyeru beberapa orang ahli PAS setempat supaya menempah pedang untuk menghadapi sebarang kemungkinan terjadinya pertempuran dengan orang-orang UMNO dan Kerajaan.
- 30.3 Di Kg Tok Dor Dalam, Besut, Terengganu pula, Jusoh Bin Besar @ Jusoh Juluk³⁹ telah mengugut ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS supaya jangan berbaik-baik dengan ahli-ahli dan penyokong-penyokong UMNO. Dia juga menghalang ahli-ahli serta penyokong-penyokong PAS dari bersembahyang di surau yang diiktiraf oleh Kerajaan dan juga menghalang orang-orang kampung menerima bantuan dari Kerajaan yang berupa kelengkapan surau di kampung tersebut.
31. "Fatwa" mengkafir sering menjadi dakyah utama dalam ceramah-ceramah anjuran PAS. Di antara mereka yang begitu aktif dalam kegiatan ini ialah Buniyamin Bin Yaakub⁴⁰, Abu Bakar @ Zaid Bin Chik⁴¹, dan Mohamad Bin Sabu⁴². Di samping itu terdapat juga individu-individu lain seperti Ghazali Bin Hasbullah⁴³ yang turut mengeksploitasikan "fatwa" mengkafir tersebut. **DENGAN SENGAJA MEREKA MEMPERALATKAN "FATWA-FATWA" TERSEBUT UNTUK MENGHASUT MASYARAKAT MELAYU/ISLAM DENGAN TUJUAN MEMISAHKAN ORANG MELAYU/ISLAM PAS DARIPADA ORANG-ORANG MELAYU/ISLAM YANG BUKAN PAS.**
32. Di antara contoh tohmahan-tohmahan tersebut adalah seperti berikut:
- 32.1 Pada 21 Oktober 1980, Buniyamin Bin Yaakub dalam ceramah PAS di Kg Paloh, Tanah Merah, Kelantan, **TELAH MENUDUH "BAHAWA IMAM-IMAM KERAJAAN PADA HARI INI ADALAH MUNAFIK⁴⁴."**
- 32.2 Pada 21 April 1981, Buniyamin Bin Yaakub juga dalam ceramah politik PAS di Kg Bubok, Air Hitam, Jitra, Kedah, **TELAH MENUDUH BAHAWA ORANG-ORANG UMNO ADALAH BERGELUMANG DENGAN SYIRIK⁴⁵ DAN DOSA KERANA MEREKA TIDAK MEMPERJUANGKAN**
-
- 39 Seorang petani, berumur 46 tahun ditangkap pada 27 Mac 1984 di bawah Enakmen Kediaman Terhadap Bab 39 dan dikenakan Perintah Sekatan ke Paloh, Daerah Kluang, Johor selama 2 tahun mulai 13 April 1984.
- 40 AJK Dewan Pemuda PAS Pusat. Ketua Lujnah Dakwah dan Penerangan Dewan Pemuda PAS Pusat. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Penerangan PAS Kelantan. Di tangkap di bawah AKDN pada 10 Julai 1984 dan telah dikenakan Perintah Sekatan pada 8 September 1984 di bawah Akta yang sama. Berkelulusan B.A. dalam bidang Sosial-Politik dari Universitas Cokroaminoto, Yogyakarta, Indonesia.
- 41 ADUN Kawasan Jerleh, Besut, Terengganu. Ketua Pemuda PAS Terengganu merangkap AJK Dewan Pemuda PAS Pusat. Ditahan di bawah AKDN pada 10 Julai 1984 dan telah dikenakan Perintah Tahanan pada 8 September 1984 di bawah Akta yang sama. Berkelulusan Sarjana Muda Pengajian Islam (dengan kepujian) dan Diploma Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- 42 Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat. Ditangkap di bawah AKDN pada 10 Julai 1984 dan telah dikenakan Perintah Sekatan pada 8 September 1984 di bawah Akta yang sama. Mengikuti Kursus Teknologi Makanan di Institut Teknologi Mara dan diberhentikan kerana terlibat dalam Demonstrasi Pelajar-pelajar di ITM pada tahun 1975.
- 43 Guru Agama dari Perkampungan Islam Al-Atiq, Batu 34½, Jalan Kuala Kubu Bharu, Selangor. Ditangkap di bawah AKDN pada 17 Julai 1984 dan telah dikenakan Perintah Sekatan pada 15 September 1984 di bawah Akta yang sama. Berkelulusan Senawi III di Sekolah Maahad Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38, Sabak Bernam, Selangor.
- 44 (i) Orang yang bermuka-muka atau berpura-pura (Kamus Idris Al-Marbawi, Arab-Melayu, jilid Yang Pertama, cetakan Keempat oleh Muhamad Idris Abdul Rauf Al-Marbawi. Penerbitan Mustafa Al-Baabi Al-Halbi Wa-Aulaaduhu, Kaherah, Mesir, Tahun 1354 Hijrah. Dikeluarkan oleh Pustaka Nasional Singapura, muka surat 336).
- (ii) Orang yang berpura-pura dengan agamanya (Munjid Attulaab, oleh Fuad Afram Al-Bustami, edisi ke-26, Penerbitan Darul Masyrik, 1956, Beirut, Lubnan, muka surat 819).
- 45 (i) Menyengutukan Allah (Munjid Attulaab, muka surat 368).
- (ii) Mendua atau Menyengutukan Allah (Kamus Idris Al-Marbawi, muka surat 320).

ISLAM. DIA MENGHASUT SUPAYA ORANG-ORANG PAS JANGAN SEMBAHYANGKAN MAYAT-MAYAT ORANG-ORANG UMNO YANG DISIFATKAN SEBAGAI BANGKAI, SAMA SEPERTI ORANG-ORANG KAFIR. DIA JUGA MENGHUKUMKAN BAHAWA SEORANG ISTERI DENGAN SENDIRINYA JATUH TALAK SEKIRANYA TIDAK MEMPERJUANGKAN ISLAM MELALUI PAS.

- 32.3 Pada 30 Disember 1981, Abu Bakar @ Zaid Bin Chik dalam ceramah PAS yang diadakan di sebuah rumah di Kg Bukit Mentok, Kemaman, Terengganu, MENDAKWA BAHAWA DASAR KERAJAAN BARISAN NASIONAL SEKARANG INI ADALAH DASAR KAFIR.
- 32.4 Pada 20 Februari 1982, Abu Bakar @ Zaid Bin Chik dalam ceramah PAS di surau Haji Mat Rashid Bin Chik, Kg Merang, Batu Rakit, Kuala Terengganu, telah menggolongkan orang-orang yang menyokong dan mengundi BARISAN NASIONAL sebagai golongan yang mengecil-ngecilkan agama Allah.
- 32.5 Pada 23 Ogos 1983, Ghazali Bin Hasbullah dalam ceramah di atas tajuk "Adab Ke Pekan" yang diadakan di Sg. Besi, Kuala Lumpur, telah menyindir ulamak-ulamak yang tinggal di pekan dengan sindiran bahawa ulamak-ulamak seperti itu bukan ulamak tetapi "ular dalam semak", yang hendak memutarbelitkan hukum Allah, iaitu mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram.
- 32.6 Pada 13 Oktober 1983, Mohamad Bin Sabu dalam Tamrin PAS yang diadakan di Madrasah Pokok Binjai, Merbok, Sg. Patani, Kedah, telah menuduh bahawa penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah palsu dan ianya semata-mata merupakan dakyah untuk mengabui mata rakyat.
- 32.7 Pada 27 Oktober 1983, Mohamad Bin Sabu dalam perjumpaan Dewan Pemuda PAS Kawasan Kubang Pasu, Kedah yang diadakan di sebuah rumah di Batu 11½, Tanjong Pauh, Jitra, Kedah, antara lain mendakwa bahawa PAS tidak boleh mengharapkan Pentadbiran UMNO yang didakwanya tidak berlandaskan Islam serta menyeru para hadirin segera bangun dan terus "berjihad."
- 32.8 Pada 11 Disember 1983, Mohamad Bin Sabu selaku penceramah utama dalam ceramah PAS yang diadakan di surau Permatang Saga, Pinang Tunggal, Kepala Batas, Pulau Pinang, telah mendakwa bahawa kebangkitan Islam di Lubnan, Iran dan Afghanistan telah menyebabkan beberapa negara termasuk Malaysia merasa gentar. Mohamad Bin Sabu juga mendakwa bahawa untuk membendung kebangkitan ini di Malaysia, Kerajaan telah menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam. Tindakan itu dianggapnya sebagai topeng yang merupakan perangkap untuk menggagalkan kumpulan pejuang Islam yang sebenar.
- 32.9 Pada 7 Februari 1984, Mohamad Bin Sabu dalam ceramah PAS di sebuah rumah di Kg Tengah, Mukim Jeneri, Sik, Kedah, mendakwa bahawa Kerajaan berhasrat untuk menutup dan melenyapkan sistem pengajian pondok yang dikatakan menjadi kubu tempat PAS berkembang dan bergerak. Dia mendakwa bahawa tindakan sedemikian sama seperti pemerintahan "Kerajaan Toghut."
- 32.10 Pada 9 Mac 1984, Ghazali Bin Hasbullah dalam ceramahnya di madrasah Kg Melayu, Rapat Jaya, Ipoh, Perak, telah mendakwa bahawa Kerajaanlah yang

meruntuh agama Islam, yang takut dengan ceramah agama Islam dan yang tidak membenarkan kuliah agama Islam.

32.11 Pada 7 April 1984, Ghazali Bin Hasbullah dalam ceramah di surau Kem Tentera Tok Jalai, Kepala Batas, Seberang Prai, Pulau Pinang yang juga dihadiri oleh anggota-anggota tentera, telah mengecam kadi-kadi dan mufti-mufti bahawa mereka menjalankan hukum politik dan bukan hukum Allah. **SETERUSNYA IA JUGA MENUDUH ASKAR-ASKAR YANG HADIR SEBAGAI ASKAR-ASKAR BUKAN ISLAM, ASKAR TOGHUT, TENTERA TOGHUT, ASKAR KAFIR...**"

32.12 Pada 26 April 1984, Mohamad Bin Sabu dalam ceramahnya di madrasah Haji Yaakub, Kg Telok Kandis, Kota Bharu, Kelantan, telah mendakwa bahawa Malaysia diperintah oleh **BARISAN NASIONAL** dengan mengamalkan dasar pemerintahan kafir dan perjuangan UMNO tidak diredhai oleh Nabi Muhammad (s.a.w). Beliau juga menegaskan bahawa menentang UMNO adalah jihad kerana mereka (UMNO) musuh Allah.

32.13 Pada awal Mei 1984, Ghazali Bin Hasbullah dalam ceramahnya di Kg Kepala Bukit, Bukit Pinang, Kepala Batas, Kedah, menyarankan supaya pengikut-pengikutnya **MEMUSNAHKAN PETI-PETI TELEVISYEN DI RUMAH MASING-MASING. DIA MENCADANGKAN JIKA PERBUATAN ITU DIHALANG, MEREKA HENDAKLAH MENENTANG PENGHALANG TERSEBUT, WALAUPUN DENGAN MEMANCUNG KEPALA IBU BAPA SENDIRI. GHAZALI BIN HASBULLAH MENDAKWA PERBUATAN SEPERTI ITU TIDAK BERDOSA. DIA JUGA MENEGASKAN BAHAWA SESIAPA YANG TIDAK SEMBAHYANG DAN TIDAK BERTAUBAT MAKA KEPALA MEREKA AKAN DIPANCUNG OLEHNYA DAN PENGIKUT-PENGIKUTNYA.**

32.14 Pada 7 Julai 1984, Buniyamin Bin Yaakub dalam ceramah PAS di Kg Pecah Rotan, Batu Rakit, Kuala Terengganu, Terengganu telah menghasut ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS supaya jangan membayar hasil/cukai tanah kepada Kerajaan.

32.15 Pada 11 Julai 1984, Ghazali Bin Hasbullah dalam satu jamuan makan malam di rumah seorang penyokong PAS di Kg Raban, Lenggong, Perak, **MENEGASKAN KUMPULANNYA BOLEH MENYERANG BALAI POLIS DENGAN DIBANTU OLEH ORANG KAMPUNG.**

33. Dakyah, hasutan dan provokasi seperti yang disebut di atas telah juga disebarkan dan diselitkan secara halus di dalam ceramah-ceramah umum, forum, perbincangan-perbincangan, majlis-majlis berunsur agama seperti sambutan Maulud Nabi, syarahan-syarahan atau ceramah-ceramah agama.

34. Dakyah-dakyah itu juga telah dirakamkan di dalam bentuk kaset dan juga dicetak sebagai makalah-makalah dan risalah-risalah yang kemudiannya disebarkan secara berleluasa di kalangan orang-orang Islam di seluruh negara. Umpamanya, pada bulan September 1983,

Rahmat Bin Ibrahim⁴⁶ telah mencetak dan menyebarkan risalah khutbah untuk dibaca semasa Hari Raya Haji di kawasan Pasir Puteh, Kelantan. Khutbah itu telah dirangka sebegitu halus dengan berselindung di sebalik seruan-seruan keagamaan, tetapi jelas bertujuan menanamkan semangat untuk rakyat bangun "meruntuhkan" Kerajaan.

35. Dari contoh-contoh di atas jelaslah bahawa perbuatan mereka itu bukan sahaja sekadar memperkecil-kecilkan dasar dan rancangan pembangunan Kerajaan dan kewibawaan pemimpin-pemimpin Islam dalam Kerajaan, tetapi juga **MERUPAKAN SATU RANCANGAN TERSUSUN YANG BOLEH MENIMBULKAN PERASAAN BENCI DAN MARAH DI KALANGAN UMAT ISLAM TERHADAP KERAJAAN, DI SAMPING MENCETUSKAN PERMUSUHAN DAN PERGADUHAN SESAMA ISLAM.**

PERISTIWA-PERISTIWA BURUK MEREBAK

36. Sejak kebelakangan ini peristiwa-peristiwa yang timbul akibat dari dakwah, hasutan dan provokasi seperti yang disebut di atas kini telah merebak ke beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia.

37. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:

37.1 Di antara 3 Jun sehingga 22 Julai 1983, 30 hingga 40 orang ahli dan penyokong PAS telah tiga kali meninggalkan masjid Titi Selangor, Batu 4, Jalan Sanglang, Kodiang, Kedah⁴⁷ sebaik sahaja sembahyang fardhu Jumaat dimulakan. Pada hari Jumaat yang lain, golongan ini telah mengambilalih tugas Imam rawatib dari mengimamkan fardhu Jumaat di masjid yang sama. Dalam tiga peristiwa yang lain pula, golongan ini terus memulaukan sembahyang Jumaat di masjid itu. Mereka bertindak demikian kerana membantah perlantikan Haji Zakaria Bin Haji Ariffin sebagai imam rawatib yang baru dilantik, semata-mata kerana beliau seorang penyokong UMNO.

37.2 Pada 15 Jun 1983, seramai 7 orang ahli dan penyokong PAS telah meninggalkan Masjid Kg Pasir, Merbok, Kedah, ketika para jemaah yang lain sedang menyempurnakan rakaat kedua fardhu Jumaat berimamkan penolong imam yang juga Ketua Penerangan UMNO kampung itu.

37.3 Pada 23 September 1983, bersempena dengan Tamrin PAS⁴⁸ kawasan Muar, Johor, Yahya Bin Othman⁴⁹ **BUKAN SAHAJA TELAH MENGIMAMKAN SEMBAHYANG JUMAAT BERASINGAN BAHKAN TELAH DIDAPATI MEMEGANG PEDANG KETIKA BERKHUTBAH.**

46 Pengetua Institut Ikhwan, sebuah sekolah swasta di Kg Kelubi, Pasir Puteh, Kelantan. Kelulusan tahun ke-3, Sains Veterina ITM (1975) dan gagal ke Tahun Akhir.

47 Gambar-gambar menunjukkan "golongan pemulau" meninggalkan Masjid Titi Selangor, Batu 4 Jalan Sanglang, Kodiang, Kedah adalah seperti di *Lampiran N*.

48 Tamrin PAS itu telah diadakan di rumah seorang ahli PAS di No. 12/34, Jalan Salleh, Muar, Johor.

49 Seorang Ahli Jawatankuasa Agung PAS Pusat merangkap Setiausaha Dewan Ulamak PAS Pusat. Pengetua Institut Al-Nur, Kota Bharu. Berkelulusan Sarjana dalam Syariah dari Al-Azhar, Kaherah, Mesir.

37.4 Pada akhir tahun 1983, ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS enggan mengerjakan sembahyang yang diimamkan oleh Haji Ramli Bin Awang, seorang imam rawatib di masjid Kerajaan mukim Kg Binjai, Sering, Kemumin, Kelantan kerana beliau dituduh telah berkempen untuk calon HAMIM⁵⁰ dalam pilihanraya kecil Kemumin pada bulan Ogos dan September 1983.

37.5 Pada 25 Mac 1984, satu kejadian menunaikan sembahyang fardhu Jumaat dan Zohor serentak telah berlaku di masjid Guar Chempedak, Kuala Ketil, Kedah apabila beberapa ahli PAS tempatan mendapati Haji Wahab Bin Md. Amin, seorang ahli UMNO tempatan, telah mengimamkan sembahyang fardhu Jumaat pada ketika itu. Ahli-ahli PAS tersebut menunaikan sembahyang fardhu Zohor secara berasingan di masa yang sama di masjid itu.

37.6 Pada 13 April 1984, satu pertelingkahan telah berlaku di antara penyokong UMNO dengan penyokong PAS di Madrasah Kg Sg. Peria, Kuala Krai, Kelantan kerana merebut tugas menjadi imam sembahyang fardhu Jumaat. Kejadian ini berlaku bila Ismail Bin Awang, Naib Ketua UMNO kampung itu, imam muda yang dilantik oleh Raja Pemerintah hendak mengimamkan sembahyang fardhu Jumaat, kerana ketiadaan imam tua pada hari tersebut. Empat orang penyokong PAS, iaitu Taib Bin Awang seorang peneroka; Mohd. Hanafiah Bin Mat, seorang peniaga runcit; Jusoh Bin Jaafar, seorang peneroka dan Mamat Bin Haji Ibrahim, seorang penoreh getah, telah tampil ke hadapan dan menghalang Ismail Bin Awang daripada menjadi imam. Mereka juga menegur bahawa Ismail Bin Awang tidak sah menjadi imam dengan alasan ia tidak mempunyai pengetahuan agama yang cukup.

37.7 Pada 20 Julai dan 27 Julai 1984, kira-kira 50 orang ahli dan penyokong PAS telah menunaikan sembahyang fardhu Jumaat secara berasingan di surau PAS di kampung Sg. Siputeh, Sungei Bayur, Ulu Selama, Perak. Sembahyang berasingan ini telah diimamkan oleh Mohd. Wazi Bin Che Ngah sementara bilalnya ialah Majid Bin Mohd Yusof. Kedua-duanya tidak dilantik oleh Raja Pemerintah.

KSPLOITASI AGAMA OLEH "PARTI KOMUNIS MALAYA" (PKM)

8. Komunisma tidak menerima hakikat kewujudan Tuhan⁵¹ dan menganggap agama sebagai rekaan manusia dan candu kepada masyarakat⁵². Walaupun komunisma tidak menerima hakikat kewujudan Tuhan, ia sentiasa mencari kesempatan dan sanggup memperalatkan agama untuk mencapai matlamatnya. Berasaskan fahaman tersebut dan dalam usahanya menyebarkan fahaman mereka, masyarakat khususnya yang beragama Islam, ialah menjadi sasaran musuh jahat komunis seperti yang telah dan sedang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang diharamkan oleh Kerajaan sejak 1948 lagi.

9. PKM mengeksploitasi sentimen agama di Malaysia melalui dua buah pertubuhan anakanya iaitu apa yang dinamakan "Parti Persaudaraan Islam" (PAPERI)⁵³ dan "Parti

HAMIM (Hizbul Muslimin) sebuah parti politik yang ditubuhkan pada bulan Jun 1983.

• Buku "K. Marx and F. Engels on Religion" keluaran Progress Publishers, Moscow, muka surat 7-8.

Buku "K. Marx and F. Engels on Religion", muka surat 8.

• "PAPERI" telah ditubuhkan oleh PKM pada 12 April 1965.

1. Revolusioner Malaya" (PKMRM).⁵⁴ PKM juga menyalurkan suara yang dipanggil "Suara Demokratik Malaya" (SDM), radio sulit

"KERAJAAN ISLAM" (PAPERI)—TEKTIK JAHAT PKM

Sejak penubuhannya pada tahun 1965, "PAPERI" telah digunakan oleh PKM untuk meluaskan pengaruh komunis di kalangan masyarakat Melayu dengan mengeksploitasikan sentimen agama melalui dakwaannya bahawa komunis tidak bertentangan dengan Islam. Di masa yang sama PAPERI TELAH MENYAMBUT "FATWA" DAN "HUJAH" PAS DENGAN MENYOKONG DAKWAAN BAHAWA KERAJAAN "MALAYA" TIDAK ISLAM. UNTUK MELEMAHKAN LAGI KEPERCAYAAN ORANG-ORANG MELAYU, PKM TURUT MENYELEWENGKAN DALIL-DALIL DARIPADA AL-QURAN DAN HADITH-HADITH.

41. Melalui risalahnya bertarikh 29 Disember 1982 berjudul "Bersatulah Mengikut Jejak Rasulullah, Melawan Ketidakadilan dan Membela Kepentingan Rakyat" yang merupakan ucapan selamat Jawatankuasa Pusatnya sempena Maulud Nabi (s.a.w.), "PAPERI" antara lain menyeru umat Islam supaya melancarkan perjuangan "menentang Kerajaan serta menyokong perjuangan bersenjata PKM untuk keadilan, untuk rakyat dan kemerdekaan penuh tanahair."

"PARTI KEBANGSAAN MELAYU REVOLUSIONER MALAYA" (PKMRM)—SATU LAGI TEKTIK PKM

42. Gerakan dakwah PKM ini telah dipertingkatkan lagi dengan penubuhan apa yang dinamakan "Parti Kebangsaan Melayu Revolusioner Malaya" (PKMRM) pada 24 Mei 1981 yang bertujuan menyatupadukan golongan-golongan sosialis, komunis, nasionalis dan agama.

43. Landasan perjuangannya termasuklah mengeksploitasikan isu-isu agama dengan tujuan menghasut orang-orang Melayu/Islam dengan menyelewengkan dalil-dalil daripada Al-Quran dan Hadith-hadith. Ini jelas ditonjolkan di dalam risalahnya berjudul "Islam dan Al-Quran" yang dikeluarkan pada bulan November 1981. Antara kandungannya ialah tuduhan-tuduhan bahawa Kerajaan kononnya:

43.1 Menekan golongan-golongan yang benar-benar menjalankan dakwah Islamiah.

43.2 Mengutip zakat dan fitrah secara paksa dari orang-orang Islam dan wang ini didakwa disimpan di dalam bank atau dilaburkan untuk kepentingan seseorang.

43.3 Pentadbiran di negara ini bertentangan dengan ajaran Islam dan dasar Kerajaan BARISAN NASIONAL bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

43.4 Dakwah yang dijalankan oleh Kerajaan hanya memuji-muji pihak berkuasa walaupun hakikat sebenar Al-Quran dan Islam diselewengkan.

45. Taktik dan dakwaan PKM tersebut memperlihatkan dengan nyata kesanggupan mereka memperalatkan isi-isu agama untuk tujuan dan kepentingan komunisma walaupun pada hakikatnya mereka tidak percaya kepada wujudnya Tuhan.

54 "PKMRM" telah ditubuhkan oleh PKM pada 24 Mei 1981 dengan diketuai oleh ABDULLAH C.D.

"SUARA DEMOKRATIK MALAYA" (SDM)—SATU MEDIA DAKYAH PKM

46. Selaras dengan matlamatnya itu, PKM juga memperluaskan jaring dakyahnya melalui siaran-siaran haram yang dipancarkan oleh apa yang dipanggil "Suara Revolusi Malaya" (SRM) yang kemudian dikenali dengan apa yang disebut "Suara Demokratik Malaya" (SDM), semata-mata untuk mempengaruhi masyarakat Melayu/Islam supaya menyokong perjuangannya itu. Akhir-akhir ini, SDM turut menyiarkan rancangan nasyid dalam siaran-siarannya.

47. MULAI TAHUN 1981, PKM TELAH JUGA MENGEKSPLOITASIKAN ISU MENGKAFIR YANG DILAKUKAN OLEH PAS. PKM mendakwa bahawa ianya "sebuah parti jaguh yang memperjuangkan Islam untuk mengiktiraf dan membela hak-hak umat Islam yang wajar di bidang-bidang politik, ekonomi, pendidikan, dakwah dan sebagainya."

PKM—MENANGGUK DI AIR KEROH

8. PKM juga cuba mendapatkan sokongan dengan menonjolkan bahawa perjuangannya mempunyai ciri-ciri persamaan atau kepentingan bersama dengan golongan-golongan lain di negara ini. Untuk menunjukkan persamaan ini manifesto PKMRM yang dikeluarkan pada 1 Mei 1984 telah menggariskan bahawa salah satu programnya dewasa ini adalah:

"Kembangkan patriotisma umat Islam melawan penindasan dan membela keadilan, lawan tindakan keji pihak berkuasa reaksioner yang memperalatkan agama untuk kepentingan memelihara kekuasaannya, bantu madrasah, masjid dan surau..."

9. PKM MENGANGGAP KEMUNCULAN ANASIR-ANASIR DAN GOLONGAN EKSTREMIS YANG MENGEKSPLOITASI SENTIMEN AGAMA SEBAGAI SATU PERKEMBANGAN YANG MENGUNTUNGKAN PERJUANGAN MEREKA. UNTUK MEMPENGARUHI ANASIR-ANASIR DAN GOLONGAN-GOLONGAN TERSEBUT SUPAYA MENYOKONGNYA, PKM BERPURA-PURA MEMBERI SOKONGAN KEPADA KEBANGKITAN ISLAM. Oleh sebab itulah manifesto PKMRM tersebut memberi perhatian kepada perkembangan tersebut dengan antara lain menyatakan bahawa "dalam tahun-tahun kebelakangan ini terdapat satu perkembangan yang penting iaitu kebangkitan semula umat Islam dan gerakan Islam di seluruh dunia masuk negara kita". Pendekatan ini adalah sejajar dengan dasar PKM yang menyesuaikan giatannya dengan kehendak masa dan pergolakan masyarakat.

ADALAH MENJADI TEKTIK PKM UNTUK MENGEKSPLOITASI KEKAMUKHILAN MILITAN ANASIR-ANASIR DAN GOLONGAN-GOLONGAN MELAMPAU TERSEBUT UNTUK MENINGKATKAN LAGI PERSAINGAN POLITIK DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU/ISLAM. PKM MENGGUNAKAN TEKTIK INI SEMATA-MATA UNTUK MENIMBULKAN PERBESARAN DALAM MASYARAKAT DAN AKHIRNYA MENDORONG BILANGAN DARI ANASIR-ANASIR DAN GOLONGAN-GOLONGAN TERSEBUT MELIBATKAN DIRI SEBAGAI KOMPONEN DALAM BARISAN BERSATU KOMUNIS. MELALUI PROSES INI PKM MENJANGKA AKAN PATUT MEMPERLUASKAN BARISAN BERSATU KOMUNIS DI KALANGAN MELAYU/ISLAM SEBAGAI SOKONGAN KEPADA PERJUANGAN BERSENJATANYA.

li atas jelaslah bahawa PKM yang diharamkan itu telah seperti yang dilakukan oleh PAS. DALAM HUBUNGAN INI LANGGAN ORANG MELAYU/ISLAM HASIL DARI MIMPIN PAS BUKAN SAHAJA MEMBERI PELUANG UGA MEMBANTU PERJUANGANNYA.

... apa yang dihuraikan di atas terbuktilah bahawa negara kita telah mulai terancam dengan kegiatan anasir-anasir dan golongan-golongan yang sengaja menyalahafsirkan ajaran Islam untuk tujuan dan kepentingan peribadi, kumpulan atau politik mereka. Kegiatan-kegiatan mereka ini telah menimbulkan kekeliruan dan perasaan benci, marah serta permusuhan di kalangan masyarakat Melayu/Islam. Keadaan ini mulai menggugat ketenteraman awam dan keselamatan negara. PKM pula mengambil kesempatan mengeksploitasi keadaan ini untuk melemahkan ketahanan rakyat dalam penentangan mereka terhadap pengaruh dan ancaman komunis. SAYUGIA DIINGATKAN DI SINI BAHAWA AGAMA ISLAM DAN PERPADUAN MASYARAKAT MELAYU/ISLAM SELAMA INI ADALAH BENTENG DAN PERTAHANAN YANG PALING KUKUH DALAM MENYEKAT PENGARUH DAN DAKYAH KOMUNIS. BENTENG DAN PERTAHANAN INI TIDAK PATUT DIHAKISKAN.

53. APA YANG PERLU DITEGASKAN IALAH BAHAWA KERAJAAN TELAH, SEDANG, DAN AKAN TERUS MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM, TAHAP DEMI TAHAP DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN NEGARA. SEGALA PENDEKATAN DAN USAHA INI ADALAH SELARAS DENGAN PERSEKITARAN SETEMPAT, KEHENDAK DAN KEUPAYAAN MASYARAKAT DI NEGARA INI. MALANGNYA, PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN TELAH DENGAN SENGAJANYA DINAFI DAN TIDAK DIAMBILKIRA, MALAH DIPERKECIL-KECILKAN PULA OLEH ANASIR-ANASIR YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB, SEMATA-MATA UNTUK MENGELIRUKAN MASYARAKAT BAGI TUJUAN DAN KEPENTINGAN POLITIK MEREKA.

54. Dakyah anasir-anasir dan golongan-golongan yang sama di dalam dan di luar negeri telah juga memberi satu imej buruk kepada negara di peringkat antarabangsa, seolah-olah umat Islam di negara ini adalah golongan minoriti yang ditindas walhal Kerajaan benar-benar bergiat melaksanakan pelbagai program bagi meninggikan lagi syiar Islam. Oleh itu, ADALAH MENJADI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH MAJORITI YANG BESAR DARI RAKYAT UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN YANG TEGAS MENGIKUT UNDANG-UNDANG NEGARA DEMI MEMELIHARA PERPADUAN RAKYAT, KESUCIAN DAN KEUTUHAN ISLAM, SERTA KETENTERAMAN AWAM DAN KESELAMATAN NEGARA.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI,
KUALA LUMPUR.

8 November 1984.

4. Oleh kerana kesan daripada pendapat-pendapat atau fatwa-fatwa ini sangat besar bahayanya kepada perpaduan umat Islam maka Jemaah Ulamak telah mengadakan suatu mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh Y.B. Sahibul Al-Fadhilah Dato' Mufti Kerajaan Kelantan dan dihadiri oleh semua anggota Jemaah Ulamak yang terdiri dari:

- (1) Y.B. Dato' Haji Ismail Bin Haji Yusuf Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan, Kota Baharu.
- (2) Al-Fadhil Tuan Haji Abdul Ghani Bin Awang Kecik Kampung Kubang Bemban, Pasir Mas.
- (3) Al-Fadhil Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hj. Abu Bakar Pondok Terusan Pasir Tumboh, Kota Baharu.
- (4) Al-Fadhil Tuan Haji Mohamad Bin Hj. Yusof 383, Jalan Atas Banggol, Kota Baharu.
- (5) Al-Fadhil Tuan Haji Hassan bin Haji Ismail Maahad Muhammadi, Kota Baharu.
- (6) Al-Fadhil Tuan Haji Abdullah Bin Hj. Abd. Rahman Pondok Lubok Tapah, Pasir Mas.
- (7) Al-Fadhil Tuan Haji Hasbullah Bin Mohd. Hassan Imam Besar Masjid Muhammadi, Kota Baharu.
- (8) Al-Fadhil Tuan Haji Hassan Bin Haji Idris Penolong Pengarah, Yayasan Sekolah-sekolah Agama Kelantan (JASA), Lundang, Kota Baharu.

5. Mesyuarat khas itu telah membahas perkara-perkara yang tersebut di perenggan 2 di atas serta juga ceramah-ceramah yang disalin ke dalam kaset-kaset atau pita rakaman berhubung dengan fatwa-fatwa atau pendapat-pendapat tersebut itu dan mengambil keputusan bahawa:

“Setelah membahas mengenai perkara-perkara tersebut dengan beralas kepada kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab tauhid karangan ulamak yang muktabar, maka dengan sebulat suara Jemaah Ulamak membuat keputusan bahawa kedelapan-lapan perkara yang tersebut adalah tidak benar dan bertentangan dengan ajaran Islam, serta sangat mendatangkan bahaya terhadap akidah islamiah dan perpaduan orang-orang Islam”.

Oleh yang demikian Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan memberi nasihat dan ingatan kepada orang ramai supaya jangan terkeliru dengan pendapat-pendapat atau fatwa-fatwa yang menyeleweng serta menyesatkan umat Islam yang dibuat oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.


Sekian dan diharap mendapat perhatian semua lapisan umat Islam di negeri ini.

t.t.

(DATO' HAJI WAN MOHAMAD BIN YUSOF),
b.p. YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM KELANTAN


i Pejabat Majlis Agama Islam Kelantan,
Kota Baharu,
pada 15 Jamadil Akhir 1401.
April 1981.

CONTOH PAKAIAN SERAGAM GOLONGAN CRYPTO




Pakaian seragam Marshall CRYPTO


CONTOH PAKAIAN GOLONGAN MOHD NASIR ISMAIL



PAKAIAN INI TELAH
DIGUNAKAN OLEH AHLI-AHLI
GOLONGAN MOHD NASIR ISMAIL
APABILA MEREKA MENYERANG
BALAI POLIS BATU PAHAT, JOHOR
PADA 16 OKTOBER 1980




**CONTOH BENDERA GOLONGAN MOHD NASIR ISMAIL
YANG MENGAKU SEBAGAI "MOHAMED MAHDI ISA"**




Bendera yang dibuat oleh Mohd Nasir
yang mengaku dirinya sebagai "Mohamed Mahdi Isa"

**AKIBAT SERANGAN GOLONGAN MOHD NASIR ISMAIL KE ATAS
IBU PEJABAT DAERAH POLIS, BATU PAHAT, JOHOR
PADA 16 OKTOBER 1980**



Mayat tiga orang pengikut Mohd Nasir Bin Ismail di kawasan belakang Balai Polis, Batu Pahat, Johor.



Mayat Mohd Nasir Bin Ismail di kawasan belakang Balai Polis Batu Pahat, Johor.



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سیارن جواتنکو اس تتف اکام باکی مجلس راج ۲ برکنا
کفور مکفور کن سساورغ اسلام یخ سالو تر جادی
ددالم کیمقین ۲ فارقی، سیاسه اتو لائین ۲.

سسکوهن دغن این دپتا کن بهوا ددالم مجلس مشورت جواتنکو اس
تتف اکام باکی مجلس راج ۲ یخ برسیدغ قد 27 دان 28 هاریدولن حب 1963
دغن سبولت سوار اهلین جواتنکو اس برقتاقت اداله کفور مکفور کن
سساورغ اسلام ایت ساتودرد قد فرکار یخ دقتندغ تر ساعه برت ددالم اکام
اسلام کیراث اورغیخ دهادکن کفداش فرکتان ایت لیدق تفت صفة ۲ یخ منجادیکن
دی سرتد . ملک کمالیه حکم مرتد ایت کفدا اورغیخ برکات ایت قول . کران سبدا
نی محمد علی الله علیه وسلم :

قَدْ آتَى زُرَرِيَّ اللَّهُ عَنْهُ إِنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : لَا يَزِيحُ رَجُلٌ رَجُلًا بِالْقُسْوَى وَلَا يَزِيحُ
بِالْكُفْرِ إِلَّا ارْتَدَّتْ عَلَيْهِ إِنَّهُ لَمْ يَكُنْ صَاحِبُهُ كَذَلِكَ - رواه الشيخان
ارتیش :- درغابی زرری الله عنه ، بهوا ای مندغری محمد علی الله علیه
وسلم برکات : سساورغ لاکي منوده سساورغ لاکي لائین دغن
فاسق دان کفور نسچای بالیقلا فرکتان ایت کفدیخ منوده ایت
جک تولتن یخد توده ایت لیدق فاسق دان لیدق کفور دروایتکن
اوله البخاری دان مسلم .

2. سدغن مفتی ۲ یخ سنتیاس برچومه ددالم فتوان قوناد
دایتکن ددالم شروانی جزء 9 مول 88 سقای جاغن تربورو ۲ مفتواکن
کفور باکی سساورغ اسلام ، افته لاکي باکی اورغ غوام ساعه لیدق دکاری
مفلوارکن فرکتان کفر کفدا سودا ۲ یخ لائین .

3. اوله ایت . اینله اهلین جواتنکو اس تتف اکام باکی مجلس راج ۲ مندایتکن
نصیحت کفدا سکلین اخوان المسلمین یا ایت کلمه کفور مکفور کن سساورغ
اسلام ایت مند قلله دقله رالیده ماسیخ ۲ درقدان ، سام اد ددالم کیمقین ۲ اتو
قریبوان هاری ۲ ، اتو لائین .

تغشکو شهرین

تغشکو شیشین موهر ایسیر راج ۲

کوالا لغور

4 هاریدولن جولای 1963

(Naskah Asal Dalam Tulisan Jawi)

Bismillahi Rahmani Rahim

SIARAN JAWATANKUASA TETAP AGAMA BAGI MAJLIS RAJA-RAJA
BERKENAAN KUFUR MENGKUFURKAN SESEORANG ISLAM YANG
SELALU TERJADI DI DALAM KEMPEN-KEMPEN PARTI-PARTI SIAHAH
ATAU LAIN-LAINNYA

Sesungguhnya dengan ini dinyatakan bahawa di dalam majlis mesyuarat Jawatankuasa Tetap Agama Bagi Majlis Raja-Raja yang bersidang pada 27 dan 28 Mei 1963, dengan sebulat suara Ahli-ahli Jawatankuasa berpendapat adalah kufur mengkufurkan seseorang Islam itu satu daripada perkara yang dipandang tersangat berat di dalam agama Islam. Kiranya orang yang dihadapkan kepadanya perkataan itu tidak tepat sifat-sifat yang menjadikan dia murtad, maka kembalilah hukum murtad itu kepada orang yang berkata itu pula, kerana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: لَا يَزِيهُ رَجُلٌ رَجُلًا بِالْفُسُوقِ وَلَا يَرْمِيهِ
بِالْكُفْرِ إِلَّا ارْتَدَّتْ عَلَيْهِ إِنْ لَمْ يَكُنْ صَاحِبَهُ كَذَلِكَ - رَوَاهُ الشَّيْخَانُ

Artinya: Daripada Abi Zarri Radhiallahu Anhu: bahawa ia mendengar Nabi Muhammad (s.a.w.) berkata: Seseorang lelaki menuduh seseroang lelaki lain dengan fasiq dan kufur nescaya balikkah perkataan itu kepada yang menuduh itu jika taulannya yang dituduh itu tidak fasiq dan tidak kufur. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim.


2. Sedangkan mufti-mufti yang senantiasa bercermat di dalam fatwanya pun ada diingatkan di dalam Sharuani Juzuk 9 muka 88 supaya jangan terburu-buru memfatwakan kufur bagi seseorang Islam, apatah lagi bagi orang-orang awam sangat tidak digemari mengeluarkan perkataan kufur kepada saudara-saudaranya yang lain.

3. Oleh itu, inilah Ahli-ahli Jawatankuasa Tetap Agama Bagi Majlis Raja-Raja mendatangkan nasihat kepada sekalian Ikhwanul Muslimin iaitu kalimah kufur mengkufurkan seseorang Islam itu hendaklah dipelihara lidah masing-masing daripadanya, sama ada di dalam kempen-kempen atau perbualan hari-hari, atau lainnya.

TENGGU SHAHRIMAN,
PEMANGKU PENYIMPAN MOHOR BESAR
RAJA-RAJA.

Kuala Lumpur,
4 Julai 1963.

**SEMBAHYANG JUMAAT DUA IMAM
DI SEBUAH MASJID, BESUT, TERENGGANU**



Para jemaah pengikut Imam Rawatib yang baru sedang menunaikan sembahyang Fardu Jumaat, sementara para pengikut Imam Bukan Rawatib atau tidak dilantik oleh Raja Pemerintah (Imam Lama) masih lagi duduk di sebelah belakang menunggu giliran untuk bersembahyang Jumaat di Masjid Gong Pasis, Daerah Besut, Terengganu.

**SENARAI "KELAB-KELAB PAS" DI TERENGGANU,
MELAKA DAN KEDAH DI MANA
SEMABAHYANG JUMAAT BERASINGAN DIADAKAN**

TERENGGANU

DAERAH BESUT

1. Surau PAS KG PADANG LANDAK
2. Kelab PAS KG PULAU MERANTI
3. Surau PAS HJ. SALLEH KG RAHMAT
4. Surau PAS KG PAK DA MALEK
5. Kelab PAS KG BANGGOL
6. Kelab PAS KG KERANDANG
7. Masjid Lama KG BULUH
8. Kelab PAS KG AIR PUTEH
9. Kelab PAS KG LAPAN KOTAK
10. Kelab PAS KG LA HULU, BESUT
11. Kelab PAS KG BUKIT PAYONG
12. Kelab PAS KG GONG DUEK
13. Surau PAS KG DARAU, HULU BESUT
14. Surau PAS KG KUBANG IKAN
15. Kelab PAS KG GONG BAYOR
16. Surau PAS KG KUBOR LUBOH KAWAH
17. Masjid Lama KG JABI
18. Kelab PAS KG KELUANG
19. Surau PAS KG PAGAR UBI
20. Kelab PAS KG TOK DAT
21. Kelab PAS KG NANGKA
22. Surau Lama KG HULU SELADANG

DAERAH KUALA TERENGGANU

1. Surau PAS KG TELUK JEMUDI
2. Surau PAS KG LANGGAR
3. Surau PAS KG BATANGAN
4. Surau PAS KG PENGKALAN BERANGAN
5. Masjid RUSILA, MARANG
6. Masjid Lama PINTU GERBANG, CENDERING
7. Masjid TAKWA BATU 6, TEPOH

DAERAH DUNGUN

1. Masjid Lama SG. SURA TENGAH


MELAKA

1. Surau DARUL FALAH, KUALA SG. BARU, Daerah ALOR GAJAH
2. Rumah BATU 20½, TERENTANG, JASIN


KEDAH

1. Surau PAS CHAROK TOK UBAN, SIK

"KELAB-KELAB PAS" DI DAERAH BESUT, TERENGGANU



"Kelab PAS", Kg Gong Bayor, Kerandang, Besut, Terengganu. Dibina pada tahun 1978. Dijadikan "surau" oleh PAS pada tahun 1981



"Kelab PAS", Kg Banggol, Kg Buloh, Daerah Besut, Terengganu. Dibina pada tahun 1981 dan dijadikan "surau" oleh PAS.

فتوا منديريكن ساتو لاکي جمعة
دکمفوغ چندريغ

مقناداکن اتو منديريکن سمبهيغ
جمعة ددالم ساتو کمفوغ يغ تله
سديا اد مسحد يغ مندافت کنارن ولي
الامر اداله حرام، سکاليفون برلاکو
سليسيه فهم دان فولو ممولو انتارا
فندودن کمفوغ ايت سنديري ممندغ
کفد سواسان کادان دان کدودقشن
کمفوغ چندريغ فد ماس اين دمان تله
فون وجود سبواه مسجد يغ مندافت
کاذينن ولي الامر انتوق منديري
جمعة مک تيدقله هاروس دان حرام
باکي اورغ ۲ کمفوغ چندريغ منديريکن
فول سمبهيغ جمعة يثکدوا ددالم
کمفوغ ايت. والله اعلم.



(داتوء اندرا گورو)
مفتي کراچائن ترغکانو.

جياتن حال احوال اوکام،
ترغکانو
ويسما دارالايمن،
کوالا ترغکانو.

کوالا ترغکانو 19 هاريبولن ماچ، 1981
برسماء ن 14 هاريبولن ربيع الآخر 1401

TEKS RUMI

(Naskah Asal Dalam Tulisan Jawi)

FATWA MENDIRIKAN SATU LAGI JUMAAT
DI KAMPONG CENDERING

"Mengadakan atau mendirikan sembahyang Jumaat di dalam satu kampung yang telah sedia ada masjid yang mendapat kebenaran Waliul Amri adalah haram. Sekalipun berlaku selisih faham dan pulau memulau antara penduduk kampung itu sendiri. Memandang kepada suasana keadaan dan kedudukan Kampong Cendering pada masa ini di mana telahpun wujud sebuah masjid yang mendapat keizinan Waliul Amri untuk mendirikan Jumaat maka tidaklah harus dan haram bagi orang-orang Kampong Cendering mendirikan pula sembahyang Jumaat yang kedua di dalam kampung itu." Wallahu Aklam.

t.t.
(DATUK INDERA GURU),
MUFTI KERAJAAN TERENGGANU

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu,
Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu,
Kuala Terengganu 19hb Mac 1981,
bersamaan 14 Rabiul Akhir 1401.

مَجْلِسُ اَوْکَامِ اِسْلَامِ

دان عاده استعادة ملايو کلنتن

کفو تسن جماعه علماء مغناي مسئله کافر مکافر

قد ماس يفاخير ۲ ابن تردافت بيراف کولشن اومه اسلام يفتله مفلوارکن فتوا ۲ اتو. فندافت ۲ مغناي بيراف مسئله اوکام يځ ساغت مفليروکن سرت بمباوا کفد فرنجامن دکالشن اومه اسلام خاضن دنگري کلنتن.

2. دانتارا مسئله يفتله دکلووارکن "فندافت ۲" اتو فتوا ۲ اياله سرت برايوکه:-

- (1) تيدق صځ سمبيځ دبلاکځ احام اورغ باريسن.
- (2) حرام دماکن داکيځ بناتځ سمبيځ اورغ باريسن کران تيدق صځ سمبيځ.
- (3) ترفسځ نکاح دانتارا سوامي استري اورغ باريسن دغن اورغ بوکن باريسن.
- (4) تيدق صځ عقد نکاح اوله امام دري کولشن باريسن.
- (5) کنا دفر بهاروي نکاح يځدعقدکن اوله امام دري باريسن.
- (6) تيدق بوله دتاتم ميت اورغ باريسن دفرقپوران اسلام.
- (7) اورغ باريسن ماني تيدق بوله دسمبيځکن کاتسن کران مرتد دان مريک جوک تيدق بوله سمبيځکن کاتس ميت اورغ لاس.
- (8) اورغ باريسن تا فايه سمبيځ. فواس، نايک حج کران تيدق دتريما اوله تومن عمالن ايت درغد مريک.

3. مجلس اوکام اسلام دان عاده استعادت ملايو کلنتن دان فجابة مفتي کراچان کلنتن تله منريما بايق سورت يځدمنتري اوله اورغرامي مغناي مسئله فتوا ۲ اتو فندافت ۲ ابن دان بايق فول منريما لانوران مغناي کدودکن مشارکه اسلام دنگري ابن حصيل دري فندافت ۲ اتو فتوا ۲ يځدسيپارکن ايت.

4. اولهکران کسن درغد فندافت ۲ اتو فتوا ۲ ابن سالت بسر بهيان کفد فرنادوان اومه اسلام مک جماعه علماء تله مفاداکن سوات مشواره خاص يځدفر وسين اوله يځيرحومت صاحب الفضيله دانو. مفتي کراچان کلنتن دان دحاضيري اوله سوا اغلوت جماعه علماء يځ ترديري دري:-


- (1) يځير بهکيا دانو. حاج اسميل بن حاج يوسف، تيمبالن مفتي کراچان کلنتن، کوت بهارو.
- (2) الفاضل توانحاج عبدالغاني بن اوغکچيک، - کفوغ کوينج بيمين، فاسير مس.
- (3) الفاضل توانحاج عبدالعزيز بن حاج ابو بکر، - فونودوق تروسن فاسير تومبو، کوت بهارو.
- (4) الفاضل توانحاج محمد بن حاج يوسف، - 383، جالن اتس بنگول، کوت بهارو.
- (5) الفاضل توانحاج حسن بن حاج اسميل، - ميمهد محمدي، کوت بهارو.
- (6) الفاضل توانحاج عبدالله بن حاج عبدالرحمن، - فونودوق لوبوق تافه، فاسير مس.
- (7) الفاضل توانحاج حسب الله بن محمد حسن، - امام بسر مسجد محمدي، کوت بهارو.
- (8) الفاضل توانحاج حسن بن حاج ادريس، - فونولخ لغاره ياياسن سکوله ۲ اوکام کلنتن (جاسا)، لونديځ، کوت بهارو.

5. مشواره خاص ايت تله مبحث فرکارا ۲ يځترسبوة دفرغکن 2 دانس سرت جوک جرامه ۲ يځ دساليں کدالم کيسية ۲ اتو فيتا رقامن برموين دغن فتوا ۲ اتو فندافت ۲ ترسبوة ايت دان مشييل کفو تسن بهوا.

مسئله مبحث مغناي فرکارا ۲ ترسبوة دغن برالس کفد کتاب ۲ تفسير دان کتاب ۲ توحيد کاراغن علماء يځ معتبر، مک دغن سبولت سوارا جماعه علماء بمبوات کفو تسن بهوا کدلافن ۲ فرکارا يځ ترسبوة اداله تيدق پسر دان برتنناغن دغن اجاران اسلام، سرت ساغت منداتفکن بهيا ترهادف عقیده اسلاميه دان فرهادوان اورغ ۲ اسلام،

6. اوله يځدمکين مجلس اوکام اسلام دان عاده استعادت ملايو کلنتن يځي نصيحة دان ايتاين کفد اورغرامي سفاي جاغن ترکليرو دغن فندافت ۲ اتو فتوا ۲ يځ مبليرين سرت مبستکن اومه اسلام يځدبوات اوله اورغ ۲ يځ تيدق برتفکولجواب.

سکين دان دعارف مندافت فرماتين سوا لانيسن اومه اسلام دنگري ابن.



(دانو. حاج زان محمد بن يوسف)

ب/ف يځدفرقوا

مجلس اوکام اسلام کلنتن.

دجابة مجلس اوکام اسلام کلنتن.

کوت بهارو.

قد 15 جمادي الاخير، 1401

19 افريل، 1981

TEKS RUMI

(Naskah Asal Dalam Jawi)

Siaran Majlis Agama Islam
[M.I. (Kelantan)/(20) 63/574]

MAJLIS AGAMA ISLAM

DAN

ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

KEPUTUSAN JEMAAH ULAMAK
MENGENAI MASALAH KAFIR MENGKAFIR

Pada masa yang akhir-akhir ini terdapat beberapa golongan umat Islam yang telah mengeluarkan fatwa-fatwa atau pendapat-pendapat mengenai beberapa masalah agama yang sangat mengelirukan serta membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam khasnya di negeri Kelantan.

2. Di antara masalah yang telah dikeluarkan pendapat-pendapat atau fatwa-fatwa ialah seperti berikut:

- (1) Tidak sah sembahyang di belakang Imam orang Barisan.
- (2) Haram dimakan daging binatang sembelihan orang Barisan kerana tidak sah sembelihannya.
- (3) Terpasak nikah di antara suami isteri orang Barisan dengan orang bukan Barisan.
- (4) Tidak sah akad nikah oleh Imam dari golongan Barisan.
- (5) Kena diperbaharui nikah yang diakadkan oleh Imam dari Barisan.
- (6) Tidak boleh ditanam mayat orang Barisan di perkuburan Islam.
- (7) Orang Barisan mati tidak boleh disembahyangkan ke atasnya kerana murtad dan mereka juga tidak boleh sembahyangkan ke atas mayat orang PAS.
- (8) Orang Barisan tak payah sembahyang, puasa, naik haji kerana tidak diterima oleh Tuhan amalan itu daripada mereka.

3. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Pejabat Mufti Kerajaan Kelantan telah menerima banyak surat yang dihantar oleh orang ramai mengenai masalah fatwa-fatwa atau pendapat-pendapat ini dan banyak pula menerima laporan mengenai kedudukan masyarakat Islam di negeri ini hasil dari pendapat-pendapat atau fatwa-fatwa yang disebarkan itu.


**GAMBAR-GAMBAR MENUNJUKKAN GOLONGAN PEMULAU
MENINGGALKAN MASJID TITI SELANGOR
BT. 4, JALAN SANGLANG, KODIANG, KEDAH**



Kertas Perintah 21 Tahun 1986

MALAYSIA

**DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT/DEWAN NEGARA
MENURUT PERINTAH**



PERISTIWA MEMALI

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
KATA PENGHANTAR	v-vi
Pengenalan	1
Tujuan	1
Latarbelakang	1
Kampung Memali	1-2
Ibrahim bin Mahmood atau Ibrahim Libya	2-3
KEGIATAN MEMECAHBELAH MASYARAKAT	3
Kegiatan Mengkafir dan Memulau di Sekitar Kampung Memali	3-5
Penanaman Semangat "Jihad" dan "Mati Syahid" ..	5-6
Pengertian "Jihad" dan "Syahid" oleh Ibrahim bin Mahmood	6-7
Kegiatan Melampau	7-8
USAHA PENCEGAHAN	8
PAKATAN MENCETUSKAN PERTENTANGAN	8-10
USAHA MEMINTA IBRAHIM BIN MAHMOOD MENYERAH DIRI	10-12
UGUTAN KEPADA POLIS	12-13
PENUBUHAN GERAKAN REVOLUSI ISLAM	13-15
Pengumpulan Senjata	15
Tangkal dan Jampi	15-17
Air Kolah Berjampi	17
PERSIAPAN MENENTANG POLIS	17-19
GERAKAN POLIS PADA 19 NOVEMBER, 1985	19-20
Seruan Untuk Menyerah Diri	20-22
Halangan Dari Menyerah Diri	22-23
PERTEMPURAN	23-24
PENUTUP	24-25

LAMPIRAN:

- LAMPIRAN A: Peta menunjukkan Kampung Memali, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah.
- LAMPIRAN B: Amanat Haji Abdul Hadi Awang.
- LAMPIRAN C: Gambar menunjukkan sejumlah senjata yang telah dirampas dalam gerakan Polis pada 19 November, 1985 di Kampung Memali, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah.
- LAMPIRAN D: Gambar menunjukkan tangkal azimat yang digunakan oleh pengikut-pengikut Ibrahim bin Mahmood.
- LAMPIRAN D1: Gambar menunjukkan kolah yang mengandungi air berjampi.
- LAMPIRAN E: Rajah menunjukkan kedudukan rumah Ibrahim bin Mahmood, Kampung Memali, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah.
- LAMPIRAN F: Gambar-gambar menunjukkan pintu pagar hadapan rumah Ibrahim bin Mahmood, Kampung Memali, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah.

KATA PENGANTAR

Pada 8 November, 1984 Kerajaan telah menerbitkan satu Kertas Putih bertajuk "Ancaman Terhadap Perpaduan Umat Islam dan Keselamatan Negara". Kertas Putih ini dikeluarkan di atas kesedaran Kerajaan betapa perlunya didedahkan kegiatan anasir-anasir, kumpulan-kumpulan dan individu-individu tertentu yang menyalahgunakan serta mengeksploitasi agama Islam dan kebangkitan Islam bagi kepentingan peribadi atau pun untuk kepentingan politik mereka.

Pendedahan itu, antara lain, bertujuan memperingatkan rakyat jelata tentang bahaya yang boleh dan yang akan menimpa negara kita ini sekiranya kegiatan pelampau-pelampau agama ini tidak dibendung dan dihapuskan sama sekali. Kerajaan khususnya bimbang tentang ancaman terhadap perpaduan umat Islam sendiri dan juga ancaman terhadap keselamatan negara jika kegiatan-kegiatan seperti itu terus berleluasa.

Kebimbangan Kerajaan tentang kemungkinan ini telah pun terbukti berasas dan betul. Kejadian yang tidak kita ingini akibat daripada kegiatan-kegiatan yang bertopengkan perjuangan Islam sudah tercetus. Kejadian yang kita takuti telah berlaku, dan dengan begitu menyedihkan sekali. Kejadian yang dimaksudkan ialah seperti peristiwa di Kampung Memali, Mukim Siong, Baling di Negeri Kedah pada 19 November, 1985. Peristiwa tersebut telah meragut nyawa 4 orang anggota Polis dan 14 orang awam, termasuk Ibrahim Mahmood atau Ibrahim Libya atau Man Libya yang bertindak sebagai ketua kumpulan orang-orang yang mencabar dan seterusnya melanggar undang-undang negara.

Perjuangan kumpulan Ibrahim Mahmood sebenarnya bukan atas dasar atau tujuan untuk menegakkan agama Islam di negara ini. Perjuangan mereka adalah bermotif dan berbau politik. Mereka sebenarnya memperjuangkan kepentingan politik segolongan ahli-ahli politik pembangkang, termasuk Ibrahim Mahmood sendiri, dengan berselindung di sebalik perjuangan agama Islam. Golongan ahli-ahli politik pembangkang ini begitu ghairah untuk merampas tampuk

pemerintahan negara dengan cara apa sekali pun. Ini termasuklah melalui penyalahgunaan agama, menghasut rakyat jelata khususnya masyarakat Melayu/Islam supaya membenci dan menentang pihak berkuasa dan, jika perlu, menggulingkan Kerajaan secara kekerasan. Dengan lain-lain perkataan, ahli-ahli politik yang rakus ini cuba memaksa rakyat jelata di negara ini menerima perjuangan dan ideologi politik mereka yang sempit itu.

Berasaskan kenyataan di atas, jelaslah bahawa peristiwa di Kampung Memali adalah angkara tindak-tanduk golongan-golongan pelampau agama yang meneruskan kegiatan mereka tanpa memperhitungkan akibatnya terhadap ketenteraman awam dan keselamatan negara. Peristiwa berdarah itu boleh dielakkan sekiranya Ibrahim Mahmood dan beberapa orang pengikutnya yang dikehendaki Polis mematuhi perjalanan proses undang-undang dengan menyerah diri.

Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Kerajaan untuk membendung dan seterusnya menghapuskan semua bentuk kegiatan yang melampau supaya faedah pembangunan serta kemakmuran, kesejahteraan dan keselamatan yang wujud pada masa ini terus dinikmati oleh seluruh rakyat di negara ini.

Maka oleh itu Kertas Putih ini dikeluarkan.



DATO' MUSA HITAM,
Menteri Dalam Negeri

25 Februari, 1986

PERISTIWA MEMALI

PENGENALAN

Peristiwa di Kampung Memali, Mukim Siong, Daerah Baling di Negeri Kedah pada 19 November, 1985 yang meragut 18 nyawa, termasuk 4 orang anggota Polis, adalah satu titik hitam dalam sejarah tanahair kita. Tragedi tersebut telah mencemarkan imej negara ini yang sekian lama berada dalam keadaan aman, tenteram dan makmur. Kejadian tersebut adalah sama sekali di luar dugaan kita semua. Kejadian itu berpunca daripada tindakan di luar lunas-lunas demokrasi oleh sekumpulan orang-orang yang mencabar dan mengenenepikan prinsip serta keluhuran undang-undang negara.

2. Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas keselamatan negara dan kebajikan serta kesejahteraan rakyat jelata telahpun mendedahkan ancaman dan aktiviti pelampau-pelampau agama melalui Kertas Putih bertajuk "Ancaman Kepada Perpaduan Umat Islam dan Keselamatan Negara" pada 8 November, 1984. Namun demikian, golongan-golongan pelampau ini tetap meneruskan kegiatan mereka tanpa memperhitungkan akibatnya terhadap ketenteraman awam dan keselamatan negara.

3. Golongan-golongan pelampau ini juga menanamkan semangat "jihad" dan "syahid" yang diputarbelit dan diubahsuaikan mengikut tafsiran, pengertian dan kepentingan politik mereka. Taktik ini telah berjaya mempengaruhi dan meyakinkan segelintir rakyat bahawa menentang Kerajaan yang "dikafirkan" oleh golongan ini adalah "jihad" dan jika mati dalam perjuangan itu dianggap "syahid". Akibat daripada pengaruh itulah maka kejadian yang tidak diingini telah berlaku di Kampung Memali.

TUJUAN

4. Tujuan Kertas Putih ini ialah untuk menjelaskan kejadian sebenar yang berlaku di Kampung Memali, sambil membongkarkan rancangan golongan-golongan atau kumpulan orang-orang tertentu untuk menghasut rakyat jelata menentang dan seterusnya menggulingkan Kerajaan secara kekerasan.

LATARBELAKANG

Kampung Memali

5. Kampung Memali¹ ialah sebuah kampung di dalam Mukim Siong, Daerah Baling, Negeri Kedah. Mukim Siong mengandungi 31 buah kampung dengan jumlah penduduk seramai 11,117 orang. Jumlah penduduk Melayu

¹ Lihat peta di Lampiran "A".

ialah 10,699 orang, Cina 399 orang, India 58 orang dan lain-lain 11 orang². Mata pencarian utama penduduk Mukim ini ialah menoreh getah, menanam padi, mencari kayu depu atau kayu wangi dan membuat kerja-kerja buruh. Seperti kawasan-kawasan luar bandar yang lain, penduduk Mukim Siong juga menikmati beberapa kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan seperti jalanraya, surau, balairaya, bekalan elektrik, bekalan air di bawah "Projek Bekalan Air Masyarakat" dan Pusat Kesihatan. Selain dari itu Mukim Siong juga mempunyai sebuah sekolah menengah, empat buah sekolah rendah dan tujuh buah masjid.

6. Selain dari kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan, dua buah madrasah persendirian telah juga dibina. Madrasah-madrasah berkenaan ialah Madrasah Ittifaqiah Islamiah di Kampung Charok Puteh dan Madrasah Islahiah Diniah di Kampung Memali yang jaraknya antara satu sama lain lebih kurang satu kilometer.

Ibrahim bin Mahmood atau Ibrahim Libya

7. Ibrahim bin Mahmood³ yang juga dikenali sebagai Ibrahim Libya atau Man Libya atau Ustaz Man dilahirkan di Kampung Charok Puteh, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah pada 1 Julai 1942. Ia mendapat pendidikan awal sehingga darjah enam di Sekolah Melayu, Kampung Weng, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah, pelajaran agama di Pondok Kampung Charok Puteh dan Pusat Pengajian Tinggi Islam, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan sebelum melanjutkan pelajaran dalam bidang agama di Maktab Jamaliah, Madras, Tamil Nadu, India. Ia kemudiannya menyambungkan pelajaran di Darul Ulum, Deoband, Saharanpur, Uttar Pradesh, India dan memperolehi ijazah dalam bidang pengajian Islam. Selepas itu, ia melanjutkan pula pelajarannya ke Universiti Al-Azhar, Kaherah, Republik Arab Mesir dengan memperolehi ijazah Sarjana Muda Sastera Pengkhususan Undang-undang Islam (Syariah). Ia juga pernah menuntut di Ma'ahad Dakwah, Tripoli, Libya dan memperolehi Diploma dalam bidang Dakwah Islamiah.

8. Sekembali ke tanahair dalam tahun 1974, Ibrahim bin Mahmood bertugas sebagai pendakwah yang dibiayai oleh Kerajaan Libya dan ditempatkan di Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri. Ia pernah beberapa kali menyampaikan syarahan agama menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM). Pada 16 Januari, 1976 ia meninggalkan jawatannya dan kembali ke Kampung Charok Puteh untuk mengajar di Madrasah Ittifaqiah Islamiah.

² Banci Penduduk Tahun 1980 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

³ Ibrahim bin Mahmood, dikenali juga sebagai Ibrahim Libya oleh kerana beliau pernah menuntut di Tripoli, Libya pada tahun 1973-1974.

9. Setelah berada di kampung, Ibrahim bin Mahmood mula bergiat dalam bidang politik. Mengikut keterangan Ismail bin Mahmood⁴ di antara sebab-sebab Ibrahim bin Mahmood meninggalkan jawatan sebagai pendakwah di Bahagian Agama ialah:—

“Untuk bergerak lebih cergas dalam lapangan politik PAS, terutamanya di kawasan Baling”.

10. Menjelang Pilihanraya Umum bulan Julai 1978, Ibrahim bin Mahmood berhenti dari mengajar di Madrasah Ittifaqiah Islamiah untuk melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan-kegiatan Parti Islam Se Malaysia (PAS). Sejak penglibatannya, ia telah memegang beberapa jawatan penting parti dan antaranya ialah Ketua Pemuda PAS Kawasan Baling, Ahli Jawatankuasa PAS Kawasan Baling, Ahli Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Negeri Kedah dan Jawatankuasa Penerangan PAS Negeri Kedah. Sebagai orang penting dalam parti, ia telah dipilih untuk bertanding sebagai calon PAS bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Bayu, Kedah dalam Pilihanraya Umum bulan Julai 1978 dan sekali lagi dalam Pilihanraya Umum bulan April, 1982, tetapi kalah dalam kedua-dua pilihanraya berkenaan.

11. Setelah kalah dalam Pilihanraya Umum bulan Julai 1978, Ibrahim bin Mahmood mendirikan Madrasah Islahiah Diniah di Kampung Memali. Madrasah itu ialah bangunan dua tingkat, tingkat bawahnya digunakan sebagai Sekolah Arab dan Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI) manakala tingkat atas pula dijadikan surau dan tempat pengajian orang-orang dewasa. Di samping itu, surau di tingkat atas ini digunakan juga sebagai markas PAS Cawangan Kampung Memali. Selain dari Ibrahim bin Mahmood, pemimpin PAS yang lain juga sering dijemput untuk memberi ceramah-ceramah politik di madrasah tersebut.

KEGIATAN MEMECAHBELAH MASYARAKAT

Kegiatan Mengkafir Dan Memulau Di Sekitar Kampung Memali

12. Sejak aktiviti PAS ditingkatkan oleh Ibrahim bin Mahmood di Kampung Memali, tindakan mengkafir sesama Islam, perbuatan memulau dan penanaman konsep “jihad” dan “syahid” mengikut pengertian sendiri telah menjadi ketara. Muhamad Yusof bin Husin⁵ di dalam pendedahannya kepada Polis menyatakan:

“Hasil dari ucapan-ucapan ini, orang-orang PAS di sekitar Kampung Memali telah menganggap orang-orang UMNO dan Pasukan Polis kafir.

⁴ Ismail bin Mahmood, adik kepada Ibrahim bin Mahmood. Ketua Pemuda PAS Kawasan Baling, Kedah.

⁵ Muhamad Yusof bin Husin, berasal dari Kg. Lalang, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah. Berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ahli Jawatankuasa PAS Kawasan Baling, Pengarah Pilihanraya (PAS), Dewan Undangan Negeri Kawasan Bayu, Kedah, Setiausaha Badan Kebajikan PAS Dewan Undangan Negeri Kawasan Bayu, Kedah dan Timbalan Pengarah Pilihanraya (PAS) Kawasan Baling 1982. Orang kanan kepada Ibrahim bin Mahmood.

Semangat menentang Kerajaan dan Polis makin bertambah kuat dari masa ke semasa apabila kumpulan Ustaz Ibrahim mendapat pujian daripada pemimpin-pemimpin PAS”.

“Dalam hal kematian, jika ada orang PAS yang mati, sebahagian besar orang UMNO akan datang berziarah. Tetapi jika ada kematian di kalangan orang UMNO, Ustaz Ibrahim dan pengikutnya tidak pergi menziarahi mayat”.

“Masyarakat Memali mengadakan sembelihan korban di Madrasah Islahiah Diniah pada tiap-tiap tahun. Ustaz Ibrahim tidak membenarkan orang-orang UMNO dijemput atau daging korban disedekahkan kepada mereka dengan alasan orang UMNO itu kafir”.

“Dalam satu ceramah pada bulan September 1985, di Madrasah Kampung Memali, Ustaz Ahmad Hasan⁶ selaku pengerusi majlis telah memberi amaran sesiapa yang tidak menyertai ceramah tersebut akan dipulaukan dalam hal-hal berkait dengan kenduri kendara, sakit demam dan hidup mati. Sungguhpun penduduk tempatan kurang senang dengan amaran itu, Ibrahim Libya tetap menyokong kuat sikap dan pendirian Ustaz Ahmad Hasan”.

13. Sementara itu Zaman atau Sulaiman bin Mahmud⁷ pula mendedahkan seperti berikut—

“Perangai Ustaz Ibrahim semasa menjadi guru di Mukim itu sangat garang. Ramai ahli PAS dan lain-lain orang tidak berapa setuju dengan sikap Ustaz Ibrahim. Kerana takut dipulau maka orang kampung terpaksa menurut apa yang disuruh Ustaz Ibrahim”.

14. Walaupun sebahagian besar daripada penduduk Memali terdiri daripada ahli atau penyokong PAS kegiatan pulau-memulau tetap berlaku di kalangan mereka. Di antara beberapa peristiwa yang pernah berlaku ialah seperti berikut:

14.1 Pada awal tahun 1984, Haji Abdul Rahman bin Jusoh⁸ telah mengadakan kenduri perkahwinan anaknya dan di antara tetamu undangannya ialah sanak saudaranya yang menjadi anggota UMNO.

⁶ Ahmad bin Hasan, orang kanan Ibrahim bin Mahmood. Berasal dari Kg. Alor Goncar, Mukim Gunung, Alor Star, Kedah. Berkelulusan Sijil Pelajaran Vokesyenal Malaysia (SPVM) dari Sekolah Menengah Vokesyenal Seberang Prai, Pulau Pinang. Pengelola kelas TASKI Madrasah Islahiah Diniah. Pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Negeri Kedah (1983-1985). Terbunuh dalam gerakan Polis pada 19 November, 1985 di rumah Ibrahim bin Mahmood.

⁷ Zaman atau Sulaiman bin Mahmud, Setiausaha PAS Cawangan Kg. Charok Puteh, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah.

⁸ Haji Abdul Rahman bin Jusoh, ahli biasa PAS Kg. Benchah Sawa, Mukim Siong, Daerah Kedah, Baling, Kedah.

Ibrahim bin Mahmood dan beberapa orang pengikutnya telah memulaukan majlis tersebut dan seterusnya dalam satu kuliah agamanya, telah menyelar Haji Abdul Rahman bin Jusoh dengan menyatakan: "Ada di kalangan orang-orang PAS yang telah bersama orang-orang UMNO dalam mengerjakan kenduri kendara, orang-orang yang seperti itu tidak harus dijawab salamnya dan tidak boleh dijadikan Islam";

14.2 Sewaktu majlis perkahwinan anak perempuan Abdullah bin Waboh⁹ iaitu bapa saudara Ibrahim bin Mahmood dalam bulan April, 1985 di Kampung Charok Puteh, Mukim Siong, Baling, Ibrahim bin Mahmood dan pengikut-pengikut kanannya telah memulaukan majlis tersebut dengan alasan pengantin lelaki bukan sahaja seorang anggota Polis malah adalah juga anak kepada seorang ahli UMNO. Dalam satu kuliah agama selepas majlis perkahwinan itu, Ibrahim bin Mahmood menyelar bahawa perkahwinan di antara orang Islam (PAS) dengan orang yang menentang PAS (iaitu UMNO) tidak sah.

Penanaman Semangat "Jihad" Dan "Syahid"

15. Tokoh-tokoh PAS sejak kebelakangan ini begitu ghairah menghurai dan menanamkan semangat "jihad" dan "syahid" di kalangan ahli-ahli dan penyokong-penyokong parti berkenaan. Oleh kerana terpengaruh dan taksud dengan penerangan-penerangan yang disampaikan, maka timbullah hasrat di kalangan mereka untuk berjihad menentang Kerajaan yang "dikafirkan" oleh para pemimpin mereka. Kelantangan para pemimpin PAS dalam menanamkan semangat "jihad" dan "syahid" mengikut pengertian mereka sendiri jelas terkandung dalam ceramah Haji Abdul Hadi bin Haji Awang¹⁰ di Banggol Peradong, Terengganu pada 7 April, 1981. Antara kandungan ceramah tersebut adalah seperti berikut:

"JADI SAUDARA-SAUDARA SEKELIAN PERCAYALAH KITA MENENTANG UMNO BUKAN KERANA NAMANYA UMNO. KITA MENENTANG BARISAN NASIONAL BUKAN KERANA DIA LAMA MEMERINTAH KERAJAAN. KITA MENENTANG DIA IALAH KERANA MENGEKALKAN PERLEMBAGAAN PENJAJAH, MENGEKALKAN UNDANG-UNDANG KAFIR, MENGEKALKAN UNDANG-UNDANG JAHILIAH. OLEH KERANA ITULAH KITA MENENTANG MEREKA. OLEH KERANA ITULAH KITA MENGHADAPI MEREKA. OLEH KERANA ITULAH KITA CUBA MELAWAN DENGAN MEREKA. PERCAYALAH SAUDARA-SAUDARA SEKELIAN, PERJUANGAN KITA ADALAH JIHAD, UCAPAN KITA ADALAH JIHAD, DERMA KITA ADALAH JIHAD, BERGANTUNGLAH KITA KEPADA ALLAH DENGAN PUAK-PUAK INI

⁹ Abdullah bin Waboh, ahli biasa PAS Cawangan Kg. Charok Puteh, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah.

¹⁰ Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Pesuruhjaya PAS Terengganu merangkap Naib Yang Dipertua Agong PAS Pusat. Ahli Dewan Undangan Negeri (PAS) Kawasan Marang, Terengganu.

KERANA KALAU KITA MATI MELAWAN PUAH-PUAH INI MATI KITA ADALAH MATI SYAHID, MATI KITA ADALAH MATI ISLAM. ADAKAH KITA TAKUT UNTUK MATI SYAHID?"

16. Sedutan ucapan tersebut kemudiannya telah disebarkan oleh PAS dalam berbagai-bagai bentuk atas tajuk "Amanat Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang"¹¹.

17. Seruan "jihad" dan "syahid" seperti yang terkandung dalam "Amanat" ini sentiasa dilaung-laungkan oleh para pemimpin PAS di setiap majlis ceramah dan perjumpaan mereka di merata tempat. Muhamad Yusof bin Husin menjelaskan seperti berikut:

"Amanat Tuan Guru Haji Hadi Awang menjadi satu pegangan yang konkrit kepada sebahagian besar ahli-ahli PAS. Saya telah berpegang teguh dengan amanat itu dan berfahaman yang orang-orang UMNO itu kafir serta mati dalam perjuangan menentang Kerajaan adalah mati "syahid"."

"....Ini ialah kerana Ustaz Ibrahim sendiri sering memberi ulasan bahawa pengertian amanat tersebut sudah jelas menunjukkan UMNO itu kafir dan mati menentang Kerajaan adalah mati syahid".

Pengertian "Jihad" Dan "Syahid" Oleh Ibrahim bin Mahmood

18. Mengikut keterangan Muhamad Yusof bin Husin, pengertian "jihad" yang diberi oleh Ibrahim bin Mahmood ialah:

"Jihad yang dimaksudkan oleh Ustaz Ibrahim kepada pengikut-pengikutnya ialah jihad dengan senjata menentang Kerajaan yang angkuh, berpura-pura hendak menjalankan hukum Islam, tetapi sebenarnya mereka tidak mahu. Pihak Polis juga bertindak mengikut undang-undang yang bukan Islam, kerana itu mereka juga harus diperangi kerana mereka hendak menghalang orang lain atau guru yang berjuang menegakkan Islam".

19. Muhamad Yusof bin Husin seterusnya menjelaskan:

"Ustaz Ibrahim menyakinkan bahawa pada zaman ini pintu ke syurga begitu sempit sekali melainkan jika seseorang itu gugur syahid dalam peperangan menegakkan Islam. Mengikut interpretasinya, mati syahid adalah satu-satunya jalan atau cara yang boleh dicapai oleh Umat Islam sekarang kerana syahid setaraf kedudukannya dengan para ambiya', awliya' dan solihin. Untuk menjadi Nabi sudah tiada ada peluang sebab Nabi Muhammad s.a.w. adalah Nabi akhir zaman dan untuk menjadi Awliya' ataupun wali juga terlalu sukar bagi orang-orang Islam biasa kerana ianya perlu kepada latihan kerohanian yang tinggi. Untuk

¹¹ Lihat contoh-contohnya di Lampiran "B".

menjadi orang yang solih pun terlalu sukar kerana ianya memerlukan kepada kepatuhan yang tinggi dengan mengerjakan segala yang disuruh oleh Allah dan meninggalkan apa yang ditegah olehNya secara total. Pilihan yang masih ada bagi orang Islam biasa hanya cara mati syahid kerana senang dicapai. Ini boleh dilakukan dengan berjuang atau menentang Kerajaan yang dikatakan tidak mahu melaksanakan undang-undang Islam dalam pentadbiran dan juga terhadap sesiapa sahaja yang menghalang seseorang ulamak yang berjuang untuk menegakkan agama Islam”.

Kegiatan Melampau

20. Sejak pertengahan tahun 1984, Ibrahim bin Mahmood telah terus menerus menyemaikan sikap pelampau dikalangan ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS menerusi ceramah-ceramah anjuran PAS di Negari-negeri Pulau Pinang, Perak dan Kedah. Kegiatannya itu telah membangkitkan perasaan permusuhan di kalangan masyarakat Islam setempat. Perasaan yang sebegini sudah pasti boleh memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara pada akhirnya. Di antara beberapa hujahnya itu adalah seperti berikut:

20.1 Pada 19 Mei, 1984 di surau Kampung Cheh, Mukim Bukit Gantang, Daerah Larut dan Matang, Perak, ia mendakwa bahawa **“Al Quran dan Al Sunnah tidak wujud di negara ini. SESIAPA YANG MENOLAK HUKUM AL QURAN ADALAH MURTAD. SEKIRANYA TAKUT BERJUANG UNTUK ISLAM LEBIH BAIK KELUAR DARI PAS. MEMPERJUANGKAN ISLAM BUKANNYA DENGAN SASTERA TETAPI DENGAN PEDANG KERANA SYURGA TERLETAK DI BAWAH KILATAN PEDANG”**.

20.2 Pada 12 Jun, 1984 di Kampung Musa Pedu, Kuala Nerang, Kedah, ia menyeru supaya **“MENENTANG SESIAPA SAHAJA DENGAN PEDANG WALAUPUN ADIK, ABANG, PAK CIK ATAU DATUK NENEK KITA SENDIRI DAN JANGAN KITA CAMPURI MEREKA KERANA MEREKA ITU ADALAH MURTAD. JANGAN BERCAMPUR GAUL DENGAN ORANG-ORANG UMNO YANG TELAH KAFIR. SEMBELIHAN MEREKA, MASAKAN MEREKA ADALAH HARAM. JANGAN KITA HADIRI KENDURI MEREKA.”**.

20.3 Pada 19 Julai, 1984 di Kampung Tualang Langgar, Alor Setar, Kedah ia menyeru hadirin **“jangan takut dan gentar dengan tangkapan Kerajaan. Perjuangan PAS direstui Allah dan berdoa semoga semua pejuang PAS akan dimasukkan ke dalam golongan syuhada”**. Ia juga menyeru rakyat **“bangkit MENENTANG PEMERINTAHAN 2M DENGAN APA CARA SEKALIPUN DAN JIKA PERLU, NYAWA DAN HARTA BENDA DIKORBANKAN.”**.

21. Kegiatan seumpama ini telah dilakukan juga oleh beberapa orang tokoh PAS. Untuk membendung perkembangan yang tidak sihat itu supaya tidak merebak, Polis telah melancarkan gerakan menahan mereka yang terlibat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 10 Julai, 1984. Mereka yang ditahan ialah Abu Bakar @ Zaid bin Chik¹², Mohamad bin Sabu¹³ dan Buniyamin bin Yaacob¹⁴. Tindakan menangkap dan menahan orang-orang yang berkenaan telah dijalankan tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini.

USAHA PENCEGAHAN

22. Polis telah bertindak untuk menangkap dan menahan Ibrahim bin Mahmood di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 pada jam 1.00 pagi, 2 September, 1984 di rumahnya di Kampung Memali. Usaha tersebut dihalang oleh kira-kira 100 orang pengikut Ibrahim bin Mahmood. Mereka keluar secara mengejut dari setiap penjuru rumah tersebut dengan bersenjatakan buluh runcing sambil melaungkan "Allahu Akhbar". Ibrahim bin Mahmood yang ketika itu berada di dalam rumahnya, terus mengurung dirinya dan enggan keluar apabila diminta menyerah diri. Suasana ketika itu adalah tegang. Setelah mengambil kira keselamatan orang awam dan bagi mengelakkan kekacauan serta kemungkinan pertumpahan darah, pihak Polis membuat keputusan menangguhkan tindakan menangkap Ibrahim bin Mahmood buat sementara waktu.

23. Penangguhan tangkapan oleh Polis telah disalahertikan dan dianggap sebagai satu kelemahan oleh Ibrahim bin Mahmood dan para pengikutnya. Justeru itu, mereka semakin angkuh, bertindak kasar dan bertambah berani mencabar kewibawaan pihak berkuasa. Sejak itu anggota-anggota Polis yang menjalankan tugas mengawal keamanan di sekitar kawasan Kampung Memali seringkali dihina, dikeji dan dicabar oleh pengikut-pengikutnya.

PAKATAN MENCETUSKAN PERTENTANGAN

24. Beberapa hari selepas gerakan menangkapnya ditangguhkan, Ibrahim bin Mahmood telah lari bersembunyi di Kampung Lanai, Baling dan di Kampung Kerawi, Mukim Tupai, Daerah Sik, Kedah selama lebih kurang satu bulan setengah. Semasa dalam persembunyian, pengikut-pengikut kanannya telah berusaha untuk membawanya pulang semula ke Kampung Memali. Bagi menjamin ia tidak ditangkap, satu sistem kawalan di rumahnya telah dirancang.

¹² Abu Bakar @ Zaid bin Chik, Ahli Dewan Undangan Negeri (PAS) Kawasan Jeram, Terengganu. Ketua Pemuda PAS Terengganu merangkap Ahli Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Pusat. Ditangkap di bawah AKDN pada 10 Julai, 1984 dan dikenakan Perintah Tahanan pada 8 September, 1984 di bawah Akta yang sama.

¹³ Mohamad bin Sabu, Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat. Ditangkap di bawah AKDN pada 10 Julai, 1984 dan dikenakan Perintah Sekatan pada 8 September, 1984.

¹⁴ Buniyamin bin Yaacob, Ahli Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Pusat. Ketua Dakwah dan Penerangan Dewan Pemuda PAS Pusat. Ditangkap di bawah AKDN pada 10 Julai, 1984 dan dikenakan Perintah Sekatan pada 8 September, 1984 di bawah Akta yang sama.

25. Selain dari itu, Mohd. Wazi bin Che Ngah¹⁵, Mohd. Yusof bin Husin dan seorang lagi yang telah dikenalpasti oleh Polis merancang untuk membawa keluar seorang ahli PAS yang sedang menjalani Perintah Tahanan di Tempat Tahanan Perlindungan di Kamunting, Taiping, Perak dan juga membawa dua orang ahli PAS yang dikenakan Perintah Sekatan di bawah AKDN 1960 ke rumah Ibrahim Mahmood. Setelah mereka dikumpulkan, satu majlis ceramah akan diadakan di rumah Ibrahim bin Mahmood dengan tujuan untuk memerangkap pihak Polis supaya mengambil tindakan ke atas mereka yang berkenaan. Mereka percaya dengan adanya tindakan pihak Polis itu satu pertempuran dapat dicetuskan di antara Polis dengan ahli-ahli PAS.

26. Untuk mencapai maksud itu, Ibrahim bin Mahmood dan pengikut-pengikutnya telah berusaha meminta sokongan dan bantuan dari pemimpin-pemimpin PAS tertentu supaya kekacauan dicetuskan juga di tempat-tempat lain sekiranya pertempuran dengan Polis berlaku di Kampung Memali. Mohd. Wazi bin Che Ngah, Mohd. Yusof bin Husin dan seorang lagi yang telah dikenalpasti oleh Polis kemudiannya ditugaskan pergi ke Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan untuk mendapatkan sokongan. Mereka berjaya mendapatkan sokongan dari beberapa orang tokoh PAS terhadap rancangan itu. Ini termasuklah jaminan bahawa mereka dan orang-orang mereka akan bertindak sama jika sesuatu kejadian berlaku di kawasan Baling.

27. Apabila Ibrahim bin Mahmood pulang semula ke rumahnya dari tempat persembunyiannya, ia terus menggalakkan sikap pelampau di kalangan pengikut-pengikutnya. Perkara pokok yang kerap ditonjolkan ialah mengenai "jihad" dan "syahid". Menurut Muhamad Yusof bin Husin, antara perkara-perkara yang selalu ditekankan oleh Ibrahim bin Mahmood dalam kuliah-kuliah yang diadakan setiap hari di rumahnya ialah:

27.1 "Orang-orang yang tidak mahu Islam ditegakkan ini adalah penentang Islam dan golongan ini terang kekafirannya";

27.2 "Menyelar orang-orang yang kena giliran berkawal di rumahnya tetapi digantikan dengan anak mereka, dianggap mementingkan diri daripada berjihad kepada Allah";

27.3 "Menyelar orang-orang yang mempunyai anak bekerja sebagai Polis dengan mengatakan tak padan gaji dua atau tiga ratus nak jadi kafir";

¹⁵ Mohd. Wazi bin Che Ngah. Timbalan Yang Dipertua PAS Kg. Belukar Hantu, Ulu Selama, Perak. Pernah bertanding sebagai calon PAS bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri Selama dalam Pilihanraya Umum 1982 tetapi kalah. Pada 27 Julai, 1984 ia bersembahyang Jumaat berasingan di Surau PAS Kg. Siputeh, Sg. Bayor, Ulu Selama, Perak dan didapati bersalah oleh Majistret Mahkamah Rendah Selama pada 27 November, 1985 di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan. Sedang menjalani hukum penjara selama dua tahun di Penjara Taiping, Perak.

27.4 "Menekankan setiap anggota pengawal rumahnya supaya sentiasa bersedia dengan segala kekuatan senjata seperti pedang, lastik, panah dan sebagainya kerana menurutnya ini adalah wajib";

27.5 "Semasa hendak pergi berkawal ke rumahnya hendaklah dengan niat kerana berjuang ke jalan Allah, bukan kerana hendak menjaga batang tubuh Ustaz Ibrahim tetapi untuk mempertahankan seorang guru atau pendakwah yang hendak menyampaikan seruan Islam";

27.6 "Sesiapa yang tidak berniat untuk berperang fisabilillah, maka matinya adalah munafik dan mayatnya adalah bangkai jahiliah";

27.7 "Setiap orang yang mati syahid dapat memberi pertolongan (syafa'at) kepada 60 orang ahli keluarga atau sahabatnya yang Islam".

28. Ismail bin Mahmood di dalam pengakuannya menyebut:

"Di dalam bulan Januari, 1985 (tarikh sebenar saya tidak ingat) saya telah pergi ke rumah abang saya. Setibanya di rumah beliau, ketika itu ia sedang menerangkan kepada pengikut-pengikutnya dan pengawal-pengawal Mujahidin mengenai niat jihad. Abang saya juga telah mengarahkan pengawal-pengawal Mujahidin dan setiap orang yang hendak membuat kawalan ke atasnya hendaklah melafazkan niat jihad.

NIAT TERSEBUT HENDAKLAH SENTIASA DIBACA KETIKA HENDAK MENJALANKAN TUGAS KAWALAN MUJAHIDIN, KETIKA HENDAK KELUAR DARI RUMAH DAN JUGA KETIKA BERTEMPUR DENGAN PASUKAN POLIS".

29. Penyokong-penyokong Ibrahim bin Mahmood di sekitar Kampung Memali mula mengaturkan kawalan di sekeliling kawasan rumahnya. Kawalan itu dikendalikan oleh satu kumpulan apa yang digelar oleh mereka sebagai "Kumpulan Mujahidin" yang juga dikenali sebagai apa yang digelar oleh mereka sebagai "Kumpulan Jihad". Kumpulan pengawal ini telah ditubuhkan dalam bulan Mac, 1985 dan dianggotai oleh lebih kurang 20 orang, dengan Muhammad Yusof bin Husin sebagai ketua. **TUJUAN UTAMA KUMPULAN INI IALAH MENENTANG DAN MENGGAGALKAN SEBARANG TINDAKAN POLIS UNTUK MENANGKAP IBRAHIM BIN MAHMOOD.** Para pengikut dan penyokongnya telah mengumpul dan melengkapkan diri masing-masing dengan berbagai jenis senjata.

USAHA MEMINTA IBRAHIM BIN MAHMOOD MENYERAH DIRI

30. Pihak Polis telah menjalankan pelbagai usaha untuk menangkap Ibrahim bin Mahmood, termasuk memintanya menyerah diri secara aman. Di antara pelbagai usaha yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

30.1 Pada 4 September, 1984 pihak Polis telah menghubungi seorang rakan karib Ibrahim bin Mahmood di Pondok Lanai, Baling untuk

meminta jasa baiknya memujuk Ibrahim bin Mahmood menyerah diri. Beberapa hari selepas itu, ia memaklumkan kepada pihak Polis bahawa Ibrahim bin Mahmood enggan menerima nasihatnya;

30.2 Pada 23 September, 1984 pihak Polis telah meminta kerjasama Ismail bin Mahmood tetapi usaha-usahanya gagal;

30.3 Pada 2 Oktober, 1984 pihak Polis telah meminta kerjasama Haji Mahmood bin Hanafi tetapi usaha itu tidak berkesan;

30.4 Pada 8 Jun, 1985 pihak Polis telah meminta kerjasama seorang tokoh terpenting PAS Kedah untuk memujuk Ibrahim bin Mahmood tetapi usaha itu juga gagal;

30.5 Pada 10 November, 1985 pihak Polis telah mencuba memujuk Ibrahim bin Mahmood melalui seorang kenalan lamanya tetapi ia telah dihalang oleh pengawal-pengawal rumah dari menemui Ibrahim bin Mahmood.

31. Ibrahim bin Mahmood tetap tidak mahu menyerah diri sepertimana yang dijelaskan oleh Ismail bin Mahmood dalam keterangannya:

"Mulai bulan September, 1984 hingga bulan November, 1985, berbagai usaha telah saya jalankan supaya abang saya bekerjasama atau menyerah diri kepada pihak Polis. Di antara usaha-usaha yang telah saya jalankan adalah seperti berikut:

Dalam bulan September, 1984 hingga bulan November, 1984 lebih kurang lima atau enam kali saya bersama-sama dengan bapa saya menasihatkannya supaya menyerah diri kepada Polis, tetapi ke semua nasihat tersebut tidak memberikan sebarang kesan;

Dalam bulan November hingga bulan Disember, 1984 pihak Polis telah beberapa kali menemui saya supaya memujuk abang saya menyerah diri, tetapi ia tetap menolak. Sebaliknya ia mengatakan ia rela mati daripada menyerah diri;

Dalam bulan April, 1985 saya telah meminta jasa baik Ustaz Fadzil Noor¹⁶ supaya menasihatinya menyerah diri. Usahanya itu juga gagal;

Saya telah mengambil kesempatan terakhir untuk menasihatinya supaya menyerah diri pada pagi 19 November, 1985 tetapi ia tetap enggan".

¹⁶ Ali @ Fadzil bin Md. Noor, Pesuruhjaya PAS Kedah merangkap Timbalan Yang di-Pertua Agong PAS Pusat, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bukit Raya, Kedah.

32. Bapa kepada Ibrahim bin Mahmood, Haji Mahmood bin Hanafi¹⁷ sendiri, juga telah banyak kali memberi nasihat. Di dalam keterangannya ia menyatakan:

“Anak saya itu tidak suka mengikut nasihat orang lain termasuk diri saya sendiri. **SAYA TELAH MENASIHATKANNYA SEBANYAK 20 KALI IAITU SELEPAS 20 KALI HARI JUMAAT SUPAYA IA MENYERAH DIRI TETAPI DIA TERUS BERDEGIL.** Saya ingat 20 kali ini kerana mengikut orang tua-tua, kalau hendak menasihatkan anak, elok dibuat selama 20 Jumaat”.

“Kali terakhir saya menasihatkannya ialah pada pagi 19 November, 1985 tetapi dia terus engkar walaupun saya mengugutnya jika dia tidak mahu mendengar nasihat saya, saya tidak mahu mengakunya anak”.

UGUTAN KEPADA POLIS

33. Kesan dari penanaman sikap kekerasan dan permusuhan terhadap pihak berkuasa itu jelas terbukti pada malam 20 Oktober, 1985. Pada malam itu, PAS Cawangan Kampung Memali telah menganjurkan ceramah di Madrasah Islahiah Diniah yang dihadiri oleh kira-kira 2,000 orang.

34. Pada jam 9.00 malam, Ibrahim bin Mahmood telah diarak oleh anggota pengawal yang lengkap bersenjatakan pedang serta golok menuju ke madrasah tersebut sambil melaung-laungkan “Allahu Akbar”. Setelah Ibrahim bin Mahmood masuk ke dalam madrasah, Ahmad bin Hassan terus mengarahkan para pengawal supaya mengawal kawasan sekitar madrasah tersebut.

35. Pada malam yang sama, di satu sekatan jalanraya di Kampung Weng, lebih kurang lima kilometer ke utara Kampung Memali, pihak Polis telah menahan sebuah van. Apabila diperiksa, Polis mendapati pemandunya membawa dua bilah senjata merbahaya. Polis merampas senjata itu tetapi membenarkan pemandunya meneruskan perjalanan.

36. Pada jam 9.50 malam, Ketua Polis Daerah Baling bersama tiga orang anggota yang lain di dalam sebuah kereta peronda menuju ke Kampung Memali telah ditahan serta dikerumuni oleh lebih kurang 200 orang berhampiran rumah Ibrahim bin Mahmood. Kebanyakan orang-orang itu membawa senjata merbahaya seperti parang panjang, pedang, golok, kayu tajam, buluh runcing dan pisau wali. Mereka memaksa Ketua Polis Daerah berkenaan menyerahkan kembali dua bilah senjata yang dirampas sebelumnya. Paksaan itu disertai dengan ancaman untuk mencederakan Ketua Polis Daerah dan anggota-anggota Polis yang bersamanya.

¹⁷ Haji Mahmood bin Hanafi, bapa kepada Ibrahim bin Mahmood, bilal di Masjid Kg. Weng, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah. Ahli biasa PAS Kg. Surau, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah.

37. PADA WAKTU YANG SAMA, 10 ORANG ANGGOTA POLIS TUGAS AM YANG DITUGASKAN MENGAWAL LALULINTAS DAN KEAMANAN DI KAWASAN ITU TELAH DIKEPUNG DAN DITAHAN SEBAGAI TEBUSAN OLEH SEKUMPULAN KIRA-KIRA 20 ORANG BERSENJATAKAN PEDANG. UNTUK MENGELAKKAN KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI DARI BERLAKU, KETUA POLIS DAERAH BERKENAAN TELAH MENGGUNAKAN BUDIBICARANYA UNTUK MENYERAHKAN SEMULA SENJATA-SENJATA TERSEBUT KEPADA MEREKA YANG BERKENAAN.

38. Selepas peristiwa itu, Ibrahim bin Mahmood dan para pengawalnya telah mengetatkan kawalan di sekitar rumahnya. Satu perbincangan untuk mengaturkan kawalan lebih ketat telah diadakan di rumahnya pada 4 November, 1985. Dalam perbincangan itu, Muhamad Yusof bin Husin, selaku ketua kumpulan pengawal telah memilih Ahmad bin Hassan sebagai penolongnya. Ibrahim bin Mahmood sendiri bertindak sebagai penasihat. Keputusan juga dibuat untuk membahagi-bahagikan tugas kawalan kepada enam kumpulan dengan setiap kumpulan mengandungi enam orang anggota, termasuk seorang ketua. Kumpulan-kumpulan tersebut ditugaskan mengawal di tempat-tempat yang dikhaskan di sekeliling rumah Ibrahim bin Mahmood. Wanita-wanita dan kanak-kanak telah juga ditugaskan untuk menjadi benteng hadapan bagi menghalang sebarang tindakan yang mungkin diambil oleh pihak Polis.

PENUBUHAN "GERAKAN REVOLUSI ISLAM"

39. Kegiatan kumpulan ini tidak sahaja terhad kepada mencabar dan menghalang pihak Polis daripada menjalankan tugas mereka tetapi juga bercita-cita untuk menggulingkan kerajaan secara kekerasan. Rancangan kumpulan ini untuk menggulingkan Kerajaan secara kekerasan telah bermula pada awal April 1985. Dua mesyuarat kumpulan pengawal telah diadakan di rumah Ibrahim bin Mahmood yang dihadirinya sendiri bersama-sama dengan beberapa orang rakan dan lain-lain pengikut kanannya, bertujuan untuk membincangkan penubuhan satu jawatankuasa pertubuhan sulit bergelar "GERAKAN REVOLUSI ISLAM" yang mempunyai matlamat seperti berikut:

39.1 Menjadi kumpulan atau pasukan tindakbalas sekiranya pengawal-pengawal gagal pertahankan Ibrahim bin Mahmood dari sebarang tindakan Polis;

39.2 Memperluaskan pengaruh Ibrahim bin Mahmood melalui wakil-wakil yang dilantik;

39.3 Berusaha untuk mendapatkan sokongan ulamak-ulamak bagi mengukuhkan lagi pengaruh Ibrahim bin Mahmood;

39.4 MERANCANG MEMPERCEPATKAN CITA-CITA IBRAHIM BIN MAHMOOD MENGGULINGKAN KERAJAAN SECARA BERSENJATA;

40. Hasil dari kedua-dua mesyuarat tersebut satu jawatankuasa telah ditubuhkan dan mereka yang dilantik ialah:

Ketua : Ibrahim bin Mahmood
Timbalan Ketua : Muhamad Yusof bin Husin
Naib Ketua : Ahmad bin Hassan
Ahli Jawatankuasa : Terdiri daripada 8 orang¹⁸

41. Ibrahim bin Mahmood pernah beberapa kali menyatakan tentang kejayaan "Gerakan Revolusi Islam" di beberapa buah negara di Asia Barat dengan hanya menggunakan tenaga yang kecil pada peringkat awalnya tetapi oleh kerana kegigihan mereka, pemerintahan yang dianggap begitu berkuasa dapat digulingkan. Tujuan ia menekankan kejayaan-kejayaan tersebut jelas bermaksud untuk menanamkan semangat revolusi di kalangan penyokong-penyokong kanannya.

42. Mengikut pengakuan Muhamad Yusof bin Husin:

"Setelah beberapa hari mesyuarat penubuhan Gerakan Revolusi Islam dalam bulan April, 1985, Ustaz Ibrahim telah menampalkan sekeping kertas pemberitahu yang bertulisan jawi di tiang seri rumahnya. Kandungan pemberitahu tersebut berbunyi seperti berikut:

"PENGISYTIHARAN KERAJAAN REVOLUSI ISLAM"

ASSALAMUALAIKUM, KEPADA SEKELIAN RAKYAT MALAYSIA YANG DIHORMATI, INILAH KAMI MENGISYTIHARKAN KERAJAAN REVOLUSI ISLAM YANG BARU MENDAPAT PEMERINTAHAN. KEPADA PASUKAN KESELAMATAN DIHARAP DAPAT BERTENANG SEHINGGALAH KERAJAAN BARU INI MENYUSUN PENTADBIRANNYA".

43. Dalam bulan Jun 1985, Ibrahim bin Mahmood telah mengadakan satu perbincangan sulit di rumahnya bersama-sama dengan Mohd. Wazi bin Che Ngah dan seorang tokoh PAS (yang telah dikenalpasti oleh Polis) yang tiba pada tengah malam selepas memberi ceramah politik di Markas PAS Bandar Baru, Kedah. **IBRAHIM BIN MAHMOOD TELAH MEMINTA PENDAPAT MEREKA TENTANG CARA-CARA UNTUK MEMPERCEPATKAN RAMPASAN KUASA. TOKOH PAS TERSEBUT MENGESYORKAN SUPAYA DIADAKAN "PASUKAN TERLATIH" SERAMAI 20 ORANG DI SETIAP DAERAH UNTUK MELAKUKAN SERANGAN SERENTAK KE ATAS BALAI-BALAI POLIS. PASUKAN SEUMPAMA ITU PERLU JUGA DIWUJUDKAN DALAM ANGKATAN TENTERA BAGI MEMUDAHKAN PENAWANAN PEMIMPIN-PEMIMPIN ANGKATAN BERSENJATA. BAGI MENENTUKAN KEBERKESANAN "PASUKAN TERLATIH" INI, BEKAS-BEKAS ANGGOTA ANGKATAN TENTERA PERLU DIREKRUT UNTUK MEMBERI LATIHAN.**

¹⁸ Kesemua 8 orang Ahli Jawatankuasa "GERAKAN REVOLUSI ISLAM" tersebut telah pun dikenalpasti oleh pihak Polis.

Mohd. Wazi bin Che Ngah diberi tugas untuk melaksanakannya walaupun ia sendiri berpendapat tugas itu amat sukar.

Pengumpulan Senjata

44. Pengikut-pengikut Ibrahim bin Mahmood telah membuat persediaan melengkapkan diri dengan berbagai jenis senjata¹⁹ sebagai langkah untuk melindunginya daripada ditangkap oleh pihak Polis. Ibrahim bin Mahmood telah berjaya menonjolkan dirinya sebagai "pejuang Islam tulen". Pengikut-pengikut dan penyokong-penyokongnya beranggapan bahawa sebarang tindakan untuk menangkapnya perlu ditentang walaupun dengan menggunakan senjata. Anggota-anggota kumpulan pengawal melengkapkan diri dengan pedang kerana mereka menganggap pedang sebagai simbol "jihad". Pedang dan parang dibeli sama ada secara tunai atau ansuran di rumah Ibrahim bin Mahmood. Jenis-jenis senjata lain seperti lastik, buluh runcing, jamung, senapangpanah serta anak panah, bom botol (molotov cocktail) dan bom ikan dibuat sendiri di rumah Ibrahim bin Mahmood dengan pengawasan pengikut-pengikut kanannya. Sementara senapangpatah pula diperolehi dari ahli-ahli Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA).

Tangkal dan Jampi

45. Ibrahim bin Mahmood dan Ahmad bin Hassan telah juga cuba menguatkan semangat keberanian mereka dengan tangkal²⁰ dan jampi serapah. Dalam hal ini mereka telah menggunakan bahan-bahan seperti lidi, pasir, mancis dan ganggang sirih.

46. Mengikut Muhamad Yusof bin Husin antara tangkal azimat itu ialah:

"Jenis lidi, ganggang sirih atau batang mancis atau apa-apa jenis batang bilah yang lembut yang senang dipatah. Ambil lidi, ganggang sirih atau batang mancis, kemudian ukur antara bawah hidung dengan tepi bibir atas iaitu di tengah-tengah lurah atas bibir tahan nafas dan baca "Bismillah" tujuh kali, "Fatihah" satu kali dan "Selawat" satu kali. Kemudian baca jampi berbunyi "aku ambil daripada aku untuk buat pengalih diri aku". Kemudian patahkan bilah tersebut bagi sama antara bawah hidung dengan tepi bibir atas, kemudian bubuh di pusat dan ditampal dengan plaster supaya tidak jatuh".

47. Rosli bin Yaacob²¹ di dalam pengakuannya menyatakan:

"Pada malam sehari sebelum kejadian itu, saya dan mereka yang lain disuruh oleh Ustaz Ibrahim menampal plaster berlidi di pusat untuk

¹⁹ Senjata-senjata yang telah dirampas oleh pihak Polis di rumah Ibrahim bin Mahmood dalam gerakan Polis pada 19 November, 1985 adalah seperti gambar-gambar di *Lampiran "C"*.

²⁰ Lihat gambar-gambar di *Lampiran "D"*.

²¹ Rosli bin Yaacob, seorang penyokong PAS dan menjadi bilal di Madrasah Islahiah Diniyah Kg. Memali, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah.

kebal. Saya dan mereka yang lain telah disuruh keluar ke halaman rumah dan dipanggil masuk satu demi satu untuk melafazkan niat dan melekatkan plaster berlidi tersebut di pusat masing-masing. Ajaran untuk tujuan kebal itu ialah—

Meletakkan plaster di tapak tangan sambil menadahnya dan membaca Fatihah sebanyak sepuluh kali;

Diikuti dengan ucapan selawat ke atas Nabi sebanyak sepuluh kali;

Kedua-dua telapak tangan, seperti dalam keadaan berdoa, di mana disapukan dari muka ke atas rambut dan turun menyaluti seluruh badan dan berakhir di tengah pusat;

Seterusnya plaster berlidi pun ditampal di pusat serentak dengan melafazkan "Nawaitul Jihad Fi Sabilillah".

48. Menurut Mohd. Zabidi bin Abd. Ghani²² pula:

"Ustaz Ibrahim ada memakai azimat di lengan sebelah kiri. Saya tidak tahu gunanya azimat-azimat tersebut kecuali plaster berlidi yang ditampal di pusat yang mana telah diberitahu oleh Ustaz Ibrahim sewaktu menyuruh pengikut-pengikutnya memakai azimat tersebut pada malam hari sebelum kejadian, bertujuan untuk mendapatkan kebal. Arahan memakai azimat di pusat itu hanya ditunjukkan kepada orang-orang dewasa sementara kanak-kanak cuma disuruh melafazkan "Ya Zal Jalali Wal Ikram" untuk melemahkan semangat penentang".

49. Mengikut Abdul Rahim bin Husin²³:

"Di awal pagi 19 November, 1985, saya dan beberapa pengikut lain telah dibekalkan tangkal azimat oleh Ustaz Ahmad Hassan berupa sebatang lidi kelapa sepanjang kira-kira satu inci yang telah dijampi oleh Ustaz Ibrahim. Kegunaannya adalah untuk mengelak dari terkena sasaran peluru".

50. Muhamad Yusof bin Husin juga menyatakan:

"Saya lihat Ustaz Ibrahim memakai tangkal azimat bersalut kain merah di lehernya".

51. Haji Mahmood bin Hanafi pula menyatakan:

"Saya tidak mengetahui secara terperinci mengenai tangkal yang digunakan oleh pengikut-pengikut Ustaz Ibrahim. Bagaimanapun pada pagi 19 November, 1985 saya dan beberapa orang pengikut lain telah menerima tangkal dari Ustaz Ahmad Hassan iaitu berupa sepotong lidi yang kemudiannya ditampal ke pusat dengan plaster. Saya difahamkan bahawa kegunaan tangkal itu ialah untuk mengelakkan diri dari terkena

²² Mohd. Zabidi bin Abd. Ghani, seorang penyokong PAS.

²³ Abdul Rahim bin Husin, ahli biasa PAS Cawangan Kg. Charok Puteh, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah.

sasaran peluru pihak Polis. Walau bagaimanapun, saya tidak memakainya, malah membuangkannya begitu sahaja kerana saya mengetahui perbuatan itu adalah syirik belaka”.

Air Kolah Berjampi

52. Di samping itu para penyokong juga telah diarah meminum air kolah²⁴ di rumah Ibrahim bin Mahmood yang telah dijampinya sendiri bagi menguatkan semangat mereka dalam menghadapi sebarang serbuan. Beberapa orang pengikutnya telah membuat pendedahan-pendedahan berikut:

52.1 Rosli bin Osman @ Rusli bin Osman²⁵, menerangkan:

“Sebuah kolah air juga telah dijampi untuk diminum. Menurut Ustaz Ibrahim tangkal dan air jampi itu akan mengelakkan dari bahaya, jadi kebal”.

52.2 Elias bin Mahmud²⁶, menyatakan:

“Selain daripada itu saya dan juga lain-lain orang telah diarahkan oleh Ustaz Ahmad Hassan minum air di dalam kolah yang telah dijampi oleh Ustaz Ibrahim untuk menaikkan semangat dan menghilangkan perasaan gementar dalam menghadapi sebarang ancaman musuh”.

52.3 Zakaria bin Abdul Rahman²⁷ menyatakan:

“Pada pagi 19 November 1985, Ustaz Ahmad Hassan mengarahkan orang ramai supaya meminum air penguat semangat yang telah disediakan di dalam kolah di hadapan rumah Ustaz Ibrahim bertujuan untuk menguatkan semangat. Seterusnya saya minum dan perasaan gementar hilang”.

PERSIAPAN MENENTANG POLIS

53. Kumpulan Ibrahim bin Mahmood pada mulanya mendengar khabar pihak Polis akan melancarkan gerakan menangkap Ibrahim bin Mahmood pada 5 November, 1985. Pada malam tersebut ramai penyokong dijangka menghadiri ceramah PAS di Kuala Ketil, Kedah. Mereka menjangka pihak Polis akan mengambil kesempatan menyerbu rumah Ibrahim bin Mahmood. Kawalan ketat telah diadakan pada malam itu oleh lebih kurang 100 orang yang membawa beranika jenis senjata.

²⁴ Lihat gambar di *Lampiran “D1”*.

²⁵ Rosli bin Osman @ Rusli bin Osman, seorang penyokong PAS.

²⁶ Elias bin Mahmud, ahli biasa PAS Cawangan Kg. Charok Puteh, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah.

²⁷ Zakaria bin Abdul Rahman, seorang penyokong PAS.

54. Berikutnya beberapa kali mesyuarat telah diadakan untuk berbincang mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil sekiranya pihak Polis membuat serbuan untuk menangkap Ibrahim bin Mahmood. Dalam hubungan ini, satu mesyuarat telah diadakan pada malam 18 November, 1985 di mana tindakan-tindakan berikut dipersetujui:

54.1 JIKA SERBUAN POLIS DAPAT DIPATAHKAN:

54.1.1 SERANGAN AKAN DIBUAT HINGGA KE BALING DAN AKAN MENAWAN BALAI POLIS BALING BERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI DAN ANGGOTA-ANGGOTANYA;

54.1.2 MENANGKAP WAKIL-WAKIL RAKYAT DAN ORANG-ORANG PENTING UMNO SEBAGAI TEBUSAN DAN DITEMPATKAN DI BALAI POLIS BALING;

54.1.3 MENUNTUT PERDANA MENTERI MENYERAHKAN KUASA PEMERINTAHAN KEPADA ANGKATAN TENTERA DAN SEMUA ORANG TAHANAN PAS DIBEBASKAN DARI KEM-KEM TAHANAN;

54.1.4 MENERUSKAN SERANGAN HINGGA KE WISMA NEGERI DI ALOR SETAR SERTA MENAWAN MENTERI BESAR DAN LAIN-LAIN AHLI EXCO NEGERI DAN MENGISYTIHARKAN PEMERINTAHAN ISLAM;

54.2 JIKA SERBUAN POLIS TIDAK DAPAT DIPATAHKAN:

54.2.1 MELARIKAN DIRI DAN BERSEMBUNYI DI GUNUNG BAYU, BALING UNTUK BERTAPA Mencari KEKUATAN BATIN SUPAYA SERANGAN BALAS DAPAT DIAMBIL;

54.2.2 SEKIRANYA TERDAPAT RAMAI YANG MELARIKAN DIRI KE GUNUNG BAYU, LATIHAN SERANGAN BALAS AKAN DIADAKAN;

54.2.3 SEBAHAGIAN YANG MELARIKAN DIRI ITU DIKEHENDAKI MENGHUBUNGI ORANG-ORANG TERTENTU UNTUK MENYUSUN STRATEGI BARU BAGI MENJATUHKAN KERAJAAN;

54.2.4 DI ANTARA TINDAK BALAS YANG AKAN DIBUAT IALAH MENYERANG ORANG-ORANG UMNO TEMPATAN TERUTAMA AHLI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KEMAJUAN KAMPUNG (JKKK) ATAU PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO;

54.2.5 MENYERANG BALAI POLIS DAN UNIT KAWALAN KAWASAN (UKK) TANJUNG PARI ATAU BALAI POLIS BALING UNTUK MENDAPATKAN SENJATA-SENJATA SEKIRANYA ADA KEMAMPUAN.

55. Mengenai kawalan pada malam 18 November, 1985, Muhamad Yusof bin Husin telah membuat pengakuan berikut:

“Selepas sahaja mesyuarat pada malam tersebut saya telah memanggil pengikut-pengikut Ustaz Ibrahim yang sedang membuat kawalan di

sekitar kawasan itu untuk mengarahkan mereka supaya mengikut ketua unit masing-masing. Pada malam itu lebih kurang 200 orang kumpulan Ustaz Ibrahim hadir. Mereka telah mengawal di tempat-tempat tertentu seperti yang telah diputuskan”.

“Saya sendiri telah mengetuai satu unit kawalan terdiri daripada 27 orang anggota yang bersenjatakan bom botol, bom ikan, pedang, jamung, senjata-senjata tajam dan lain-lain. Saya sebagai ketua bersenjatakan pedang”.

“Kawalan pada malam tersebut diadakan hingga jam 7 pagi keesokan harinya. Di waktu itu saya dapati pengawal yang tinggal berhampiran dengan rumah Ustaz Ibrahim pulang ke rumah masing-masing. Hanya dianggarkan lebih kurang 50 orang sahaja yang tidak pulang pada pagi itu”.

“Lebih kurang setengah jam selepas itu tiba-tiba orang ramai riuh rendah memberitahu kedatangan pihak Polis. Serentak dengan itu beduk di Madrasah Islahiah Diniah dipalu bertalu-talu dan loceng yang terdapat di rumah Ustaz Ibrahim dibunyikan tak berhenti-henti”.

GERAKAN POLIS PADA 19 NOVEMBER, 1985

56. Banyak aduan telah diterima dari orang ramai yang meminta pihak berkuasa supaya mengambil sesuatu tindakan bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman di kawasan mereka. Pihak Polis telah menjalankan siasatan rapi ke atas semua kejadian yang berlaku dan keadaan di sekitar kampung tersebut. Pihak Polis telah mengambil keputusan untuk mengadakan gerakan. Gerakan itu telah dilancarkan pada jam 8.30 pagi, apabila cerah, bagi mengelakkan kemalangan daripada berlaku di kalangan orang-orang yang berhimpun dan biasanya berkawal di rumah Ibrahim bin Mahmood pada waktu malam.

57. Gerakan tersebut ialah untuk menangkap Ibrahim bin Mahmood dan dua orang lain di bawah AKDN, tiga orang yang telah dikeluarkan waran tangkap ke atas mereka serta 32 orang pengikutnya yang disyaki terlibat dalam beberapa kegiatan jenayah yang sedang berlindung di rumah Ibrahim bin Mahmood. Pada masa itu lebih kurang 250 orang berkumpul di sekitar rumah Ibrahim bin Mahmood. Kebanyakan dari mereka telah berkejar ke sana apabila mendengar bunyi beduk dari Madrasah Islahiah Diniah dan loceng di rumah Ibrahim bin Mahmood.

58. Tiga kumpulan pasukan Polis seramai 576 orang anggota telah digunakan dalam gerakan ini. Kumpulan pertama ditugaskan untuk membuat kepungan luar sementara dua kumpulan yang lain terdiri dari 228 orang anggota bergerak dari arah Pekan Baling dan dari arah Kampung Tanjung Pari untuk menghampiri rumah Ibrahim bin Mahmood. Pasukan

Polis yang bergerak dari arah Pekan Baling²⁸ telah dihalang oleh wanita-wanita dan kanak-kanak yang bersenjatakan buluh runcing dan kayu.

59. PADA MASA ITU JUGA ANGGOTA-ANGGOTA POLIS YANG BERGERAK DARI ARAH KAMPUNG TANJUNG PARI²⁹ TURUN DARI KENDERAAN MEREKA SEWAKTU KENDERAAN MEREKA SAMPAI KIRA-KIRA 100 METER DARI RUMAH IBRAHIM BIN MAHMOOD. MEREKA KEMUDIAN MARA KE ARAH RUMAH TERSEBUT. MEREKA CUMA MEMBAWA PONGKIS DAN COTA SERTA GAS PEMEDIH MATA SEBAGAI LANGKAH MENGELAKKAN SEBARANG KEMALANGAN TERHADAP ORANG AWAM SEWAKTU TANGKAPAN DILAKUKAN. SETELAH MARA KIRA-KIRA 50 METER MEREKA TELAH DISERANG OLEH SEKUMPULAN PENGIKUT-PENGIKUT IBRAHIM BIN MAHMOOD YANG MENGGUNAKAN LASTIK, PEDANG, PARANG DAN BULUH RUNCING. PIHAK POLIS TELAH MELEPASKAN BEBERAPA DAS TEMBAKAN GAS PEMEDIH MATA UNTUK MENYURAIKAN MEREKA. KETIKA ITU JUGA ANGGOTA POLIS TELAH DISERANG HENDAP DENGAN BEBERAPA DAS TEMBAKAN SENJATAPI DARI SEBELAH KIRI JALAN³⁰ YANG MENGAKIBATKAN SEORANG INSPEKTOR DAN SEORANG SARJAN TERKORBAN SERTAMERTA SEMENTARA SEORANG KONSTABEL YANG LAIN CEDERA PARAH DAN MENINGGAL DUNIA SEJURUS SELEPAS ITU. DALAM PADA ITU SEORANG LAGI KONSTABEL YANG CEDERA PARAH TELAH JUGA MENINGGAL DUNIA. PADA MASA YANG SAMA SALAH SEORANG PENGIKUT IBRAHIM BIN MAHMOOD TELAH MELURU MENYERANG POLIS DENGAN BERSENJATAKAN SEBILAH PARANG PANJANG. DALAM MEMPERTAHANKAN DIRI, PIHAK POLIS TERPAKSA MENEMBAK PENYERANG TERSEBUT YANG KEMUDIANNYA MENINGGAL DUNIA.

60. Memandangkan penyerang-penyerang tersebut menggunakan senjatapi yang telah mengorbankan empat orang anggota Polis, tindakan Polis untuk terus mara ke rumah Ibrahim bin Mahmood diberhentikan sementara waktu bagi merancang langkah-langkah selanjutnya. Pihak Polis telah meminta bantuan kereta perisai dari Kroh. Pada masa yang sama pihak Polis juga telah mengarahkan supaya semua penghuni rumah yang berdekatan dengan rumah Ibrahim bin Mahmood beredar dari rumah masing-masing. Tindakan ini mengambil masa selama satu jam setengah oleh sebab pihak Polis terus ditentang dan diserang bertubi-tubi oleh pengikut-pengikut Ibrahim bin Mahmood. Untuk menghalang kemaraan mereka, pasukan Polis terpaksa melepaskan tembakan gas pemedih mata ke arah penyerang-penyerang tersebut.

Seruan Untuk Menyerah Diri

61. Kereta perisai telah digunakan sebagai pelindung kepada anggota-anggota Polis yang menghampiri pintu pagar hadapan³¹ rumah Ibrahim bin

²⁸ Lihat rajah di Lampiran "E".

²⁹ Lihat rajah di Lampiran "E".

³⁰ Lihat rajah di Lampiran "E".

³¹ Lihat rajah di Lampiran "F".

Mahmood. Dari kereta perisai itu Pegawai Pemerintah Gerakan telah menyeru supaya semua pengikut Ibrahim bin Mahmood menyerah diri secara aman. Setelah seruannya tidak dihiraukan, kaum wanita dan kanak-kanak telah diarah oleh beliau keluar dari kawasan rumah berkenaan. Sebaliknya, anggota-anggota Polis telah ditembak dengan senapangpatah serta dilontar dengan bom-bom botol (molotov cocktail) dan jamung-jamung menyala. Keadaan ini memaksa anggota Polis dan kereta perisai berundur.

62. Pada jam 11.35 pagi, Pegawai Pemerintah Gerakan telah menghampiri pintu pagar hadapan rumah berkenaan untuk berunding dan menasihatkan orang-orang di rumah itu bekerjasama dengan Polis dan meminta mereka yang dikehendaki menyerah diri. Mereka diberi tempoh lima minit untuk membuat keputusan. Masa itu ditambah lagi selama lima minit. Walau bagaimanapun, usaha-usaha itu telah ditolak oleh pengikut-pengikut Ibrahim bin Mahmood. Pihak Polis seterusnya cuba pula memujuk kaum wanita supaya bekerjasama. Usaha itu juga telah ditolak walaupun Pegawai Pemerintah Gerakan menawarkan dirinya sebagai tebusan bagi menjamin keselamatan orang-orang yang tidak terlibat dan tidak bersalah.

63. Menceritakan tentang rundingan untuk menyerah diri itu, Muhamad Yusof bin Husin berkata:

“Pada masa itu juga datang seorang pemuda memberitahu saya yang mana pihak Polis hendak mengadakan rundingan. Tetapi saya tidak pergi kerana dalam soal ini terpaksa bertanya dengan Ustaz Ibrahim sendiri”.



64. Mohd Piah atau Pak Teh Yunos³² pula menerangkan:

“Saya menyedari bahawa rumah Ustaz Ibrahim telah dikepung oleh Polis dan pada masa itu juga saya mendengar suara dari seorang pegawai Polis yang berdiri dekat pagar meminta supaya Ustaz Ibrahim menyerah diri. Lalu saya menghampirinya dan saya kenalnya sebagai Tuan Yahya Yeop. Saya berkata pada Tuan Yahya Yeop, mengapa pihak Polis bertindak sebegini, pada hal Ustaz Ibrahim bukanlah salah besar. Tetapi Tuan Yahya Yeop berkata pihak Polis tidak apa-apakan mereka semua dan meminta supaya saya berjumpa dengan Ustaz Ibrahim supaya menyerah diri, kalau tidak dalam masa lima minit lagi Polis akan bertindak. Beliau juga berkata dua orang anggota Polis sudah ditembak. Selepas perbincangan dengan Tuan Yahya Yeop saya terus menemui Ustaz Ibrahim yang ketika itu berada di dalam rumah, lalu saya meminta beliau menyerah diri tetapi Ustaz Ibrahim enggan dengan berkata beliau tidak akan menyerah diri sebaliknya akan menentang habis-habisan”.

65. Semasa rundingan ini berjalan pengikut-pengikut kanan Ibrahim bin Mahmood telah mengarahkan orang-orang perempuan, kanak-kanak dan orang-orang tua supaya mengambil tempat di pintu pagar hadapan rumah Ibrahim bin Mahmood untuk dijadikan benteng bagi menghalang kemaraan pihak Polis.

³² Mohd Piah atau Pak Teh Yunos, seorang penyokong PAS.

GAMBAR MENUNJUKKAN TANGKAL AZIMAT YANG DIGUNAKAN OLEH
PENGIKUT-PENGIKUT IBRAHIM BIN MAHMOOD



66. Muhamad Yusof bin Husin dalam pengakuannya mendedahkan:

“Saya melihat beberapa orang yang saya tidak pasti sedang mengarah orang-orang perempuan supaya pergi duduk di hadapan pintu pagar untuk mengelak daripada Polis merempuh masuk ke dalam kawasan rumah Ustaz Ibrahim”.

67. Norsuriani binti Saad³³ menerangkan:

“Setelah beberapa minit berada di bahagian hadapan saya pergi ke bahagian belakang rumah di mana saya nampak Ustaz Ibrahim duduk di bawah sebatang pokok sambil menjampi. Kemudian salah seorang yang memegang pedang yang dikenali dengan panggilan Pak Chup³⁴ telah mengarahkan kaum wanita dan kanak-kanak pergi ke bahagian hadapan rumah sebagai barisan pertahanan”.

68. Abdullah bin Waboh pula menyatakan:

“Saya tidak ditetapkan oleh sesiapa untuk membuat apa-apa. Dalam kesibukan itu Ustaz Ahmad Hasan telah menyuruh saya mengambil sebilah golok di bawah rumah Ustaz Ibrahim untuk mempertahankan Ustaz Ibrahim. Saya terus mengikut perintah Ustaz Ahmad Hasan dan menghala bersama-sama dengan beberapa orang tua untuk mara ke hadapan”.

Halangan Dari Menyerah Diri

69. Pada hakikatnya, bukan semua mereka yang berada di rumah Ibrahim bin Mahmood bertujuan hendak menentang pihak berkuasa. Ada sebilangan besar daripada mereka ingin menyerah diri dan cuba melarikan diri atau meninggalkan kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, mereka telah dihalang dan diugut akan dibunuh oleh penyokong-penyokong kuat Ibrahim bin Mahmood.

70. Dalam pengakuannya, Baharom bin Chik³⁵ menyatakan:

“PADA PAGI 19 NOVEMBER, 1985 LEBIH KURANG JAM 7.30 PAGI KETIKA SAYA SEDANG MENOREH GETAH BERHAMPIRAN DENGAN KAMPUNG MEMALI, SAYA TERDENGAR BUNYI PUKULAN GENDANG BERKALI-KALI DARI ARAH RUMAH USTAZ IBRAHIM. OLEH KERANA MEMIKIRKAN SESUATU KEJADIAN CEMAS MUNGKIN BERLAKU SEPERTI KEMATIAN DAN KEBAKARAN SAYA TERUS BERLARI KE SANA. APABILA SAYA SAMPAI DI HADAPAN RUMAH USTAZ IBRAHIM SAYA DAPATI SERAMAI LEBIH KURANG 100 ORANG SEDANG BERKUMPUL DAN MASING-MASING MEMEGANG PEDANG, PARANG DAN SENJATA TAJAM. LEBIH KURANG 15 MINIT

³³ Norsuriani binti Saad, seorang penyokong PAS.

³⁴ Pak Chup sama dengan Muhamad Yusof bin Husin.

³⁵ Baharom bin Chik, seorang penyokong PAS.

KEMUDIANNYA SAYA DIBERITAHU OLEH SEORANG LELAKI BERPAKAIAN SERBA HITAM BERSENJATAKAN PEDANG BAHAWA POLIS AKAN DATANG MENANGKAP USTAZ IBRAHIM DAN MENYURUH SAYA MEMBUAT KAWALAN DI SITU. JIKA SEKIRANYA ADA DI ANTARA MEREKA YANG CUBA MELARIKAN DIRI ATAU PULANG, MEREKA AKAN DIPANCUNG. OLEH KERANA TAKUT, SAYA TIDAK BERANI KE MANA-MANA SEBALIKNYA TERUS KE BAHAGIAN TEPI RUMAH TERSEBUT BERHAMPIRAN DENGAN KAWASAN BENDANG”.

71. Mohd. Shukri bin Wan Harun³⁶ juga menyatakan:

“SAYA CUBA UNTUK KELUAR APABILA DIMINTA OLEH PIHAK POLIS TETAPI USTAZ AHMAD HASAN MEMBERI AMARAN KEPADA SAYA DAN MEREKA YANG LAIN IAITU SEKIRANYA SESIAPA LARI KELUAR, MEREKA AKAN DIPANCUNG DENGAN MENGGUNAKAN PEDANG YANG ADA. MENDENGAR KATA-KATA ITU SAYA TERUS MENDIAMKAN DIRI DI SEBALIK POKOK-POKOK PISANG SEHINGGALAH SAYA DITANGKAP OLEH PIHAK POLIS”.

72. Mat Bakari bin Md. Zain³⁷ pula menerangkan:

“Saya ikut dalam kumpulan Ustaz Ibrahim kerana saya dan juga kebanyakan pengikut-pengikut lain telah diugut oleh Ustaz Ibrahim dan juga Ustaz Ahmad Hasan supaya menyertai kumpulan tersebut sama ada untuk berjemaah, mendengar syarahan agama atau ceramah dan juga memberi perlindungan kepadanya supaya tidak ditangkap Polis. Kalau saya dan lain-lain tidak berbuat sedemikian, kami akan dipulaukan oleh orang-orang kampung yang berdekatan yang memihak kepada Ustaz Ibrahim”.

PERTEMPURAN

73. Pada jam 12.15 tengahari, kereta perisai telah digunakan untuk merempuh pintu pagar rumah Ibrahim bin Mahmood dengan menghampirinya secara perlahan-lahan dan berhati-hati bagi mengelakkan kemalangan di kalangan kaum wanita, kanak-kanak dan orang-orang tua yang bertahan di situ. Setelah pintu pagar dipecahkan, sepasukan anggota Polis bersama-sama dengan Pegawai Pemerintah Gerakan telah menyerbu ke bahagian tangga belakang dan masuk ke dalam rumah itu untuk memisahkan kaum wanita dan kanak-kanak daripada orang dewasa lelaki. Sungguhpun suasana begitu genting, pihak Polis masih menyeru kepada penyokong-penyokong Ibrahim bin Mahmood supaya meletakkan senjata dan menyerah diri secara aman. Namun demikian hanya beberapa orang

³⁶ Mohd. Shukri bin Wan Harun, seorang penyokong PAS.

³⁷ Mat Bakari bin Md. Zain, ahli biasa PAS Cawangan Kg. Benchah Sawa, Mukim Siong, Daerah Baling, Kedah.

sahaja daripada mereka yang menyerah diri manakala yang lainnya tidak mengendahkan seruan itu. Sebaliknya anggota-anggota Polis telah ditembak dengan beberapa das tembakan senapangpatah oleh penyokong-penyokong Ibrahim bin Mahmood.

74. SERENTAK DENGAN ITU, PIHAK POLIS TELAH DISERANG OLEH IBRAHIM BIN MAHMOOD DAN SEBILANGAN PENYOKONG-PENYOKONGNYA YANG BERSENJATAKAN PARANG DAN PEDANG. SERANGAN ITU MENGAKIBATKAN TUJUH ORANG ANGGOTA POLIS LUKA PARAH. UNTUK MEMPERTAHAKAN DIRI DAN JUGA UNTUK MEMATAHKAN SERANGAN-SERANGAN TERSEBUT, PIHAK POLIS AKHIRNYA TERPAKSA MENGGUNAKAN SENJATAPI DAN LAPAN ORANG DARI PENYERANG-PENYERANG ITU TERMASUK IBRAHIM BIN MAHMOOD TELAH TERBUNUH DI HALAMAN RUMAHNYA. PADA MASA ITU JUGA EMPAT ORANG PENYOKONG IBRAHIM BIN MAHMOOD TELAH TERBUNUH DI TEPI PAGAR KAWASAN RUMAHNYA, MANAKALA SEORANG YANG LAIN TELAH TERBUNUH DI SEBELAH BELAKANG KAWASAN RUMAHNYA (IBRAHIM BIN MAHMOOD) SEMASA IA DAN BEBERAPA ORANG RAKANNYA CUBA MENYERANG ANGGOTA-ANGGOTA POLIS YANG MEMBUAT KEPUNGAN LUAR³⁸.

75. Pihak Polis telah dapat menguasai keadaan di kawasan itu pada jam 1.30 tengahari. Pada keseluruhannya, empat anggota polis dan 14 orang awam, termasuk Ibrahim bin Mahmood, telah terbunuh dalam kejadian itu. Bilangan yang cedera ialah seramai 23 orang anggota Polis dan 14 orang awam.

PENUTUP

76. Tindakan Polis di Kampung Memali pada pagi 19 November, 1985 adalah satu tindakan bagi menguatkuasakan undang-undang dan membendung dari merebaknya kegiatan-kegiatan yang boleh menimbulkan huru-hara serta mengancam keselamatan negara. IBRAHIM BIN MAHMOOD, SEORANG AHLI DAN TOKOH PAS, TELAH MELANGGAR UNDANG-UNDANG NEGARA, MENYEMAI DAN MENGGALAKKAN KEKERASAN. IA TELAH MENGGUNAKAN SENTIMEN AGAMA DAN MEMPENGARUHI PENGIKUT-PENGIKUTNYA HINGGA KE TAHAP MEREKA HILANG PERTIMBANGAN AKAL. AKIBATNYA IA DAN PENGIKUT-PENGIKUTNYA TELAH SANGGUP MENENTANG DAN RELA MEMBUNUH ANGGOTA-ANGGOTA POLIS YANG CUBA MENJALANKAN TUGAS MEREKA. MALAH APA JUA TINDAKAN KERAJAAN UNTUK MEMELIHARA KEAMANAN DAN MENJAMIN KETENTERAMAN AWAM AKAN SENTIASA DIANGGAP OLEH MEREKA SEBAGAI KEZALIMAN SESUAI DENGAN SEMANGAT "JIHAD" DAN "MATI SYAHID" MENGIKUT PENGERTIAN MEREKA.

³⁸ Bilangan yang terkorban di kalangan Ibrahim bin Mahmood dan pengikut-pengikutnya ialah seramai 14 orang semuanya, termasuk seorang lagi yang terkorban terdahulu daripada peristiwa ini. (Rujuk perenggan 59 muka surat 20).

77. PERISTIWA MEMALI BERPUNCA DARIPADA TINDAKAN PUAK-PUAK YANG MENGGUNAKAN AGAMA UNTUK TUJUAN POLITIK MEREKA. GOLONGAN INI JUGA TELAH SANGGUP MENTAFSIR DENGAN CARA SAMAR-SAMAR PERKARA-PERKARA TERTENTU DALAM AJARAN ISLAM SEHINGGA MENIMBULKAN KEKELIRUAN. MEREKA SANGGUP MENGKAFIRKAN ORANG-ORANG ISLAM YANG BUKAN DARI GOLONGAN MEREKA SEHINGGA MELAHIRKAN PERSELISIHAN, PERTENTANGAN DAN PERMUSUHAN DI KALANGAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI. PUAK-PUAK INI JUGA MENDAKWA BAHAWA KERAJAAN SEKARANG IALAH KERAJAAN KAFIR. BERASASKAN DAKWAAN ITU, MEREKA MENGHASUT ORANG ISLAM SUPAYA BANGUN MENENTANG KERAJAAN TERMASUK SECARA KEKERASAN. PENENTANGAN ITU DIANGGAP OLEH MEREKA SEBAGAI "JIHAD" DAN JIKA MATI DALAM PERJUANGAN ITU MEREKA "MATI SHAYID".

78. GOLONGAN DAN INDIVIDU-INDIVIDU ITU JUGA ADALAH TERPENGARUH DENGAN PELAMPAU AGAMA DI LUAR NEGERI. INI TELAH MENJADI ILHAM DAN ASAS PERJUANGAN MEREKA TANPA MENGAMBIL KIRA KEADAAN DAN PERSEKITARAN DI NEGARA INI YANG BERLAINAN SAMA SEKALI DENGAN KEADAAN YANG WUJUD DI NEGARA-NEGARA ISLAM BERKENAAN. MEREKA DENGAN SEWENANG-WENANGNYA BERTINDAK SECARA MENDADAK BERASASKAN KEPADA KEKERASAN YANG SEKALIGUS BUKAN SAHAJA MENGGUGAT KETENTERAMAN AWAM DAN MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA, MALAH MEROSAKKAN USAHA GIGIH KERAJAAN BAGI MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DEMI MEMPERTINGKAT SERTA MEMPERTAHANKAN KEUTUHAN AGAMA DAN BANGSA.

79. SEBAGAI SEBUAH KERAJAAN YANG TELAH DIPILIH OLEH RAKYAT, IA BERTANGGUNGJAWAB MEMELIHARA KESUCIAN ISLAM, KETENTERAMAN AWAM DAN KESELAMATAN NEGARA. KERAJAAN TIDAK AKAN BERTOLAK ANSUR DENGAN MANA-MANA PUAK YANG CUBA MENGGUNAKAN KEKERASAN, MENIMBULKAN HURU-HARA ATAU MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI DAN TIDAK AKAN MEMBIARKAN KEAMANAN SERTA KESEJAHTERAAN RAKYAT DIANCAM. KERAJAAN SENTIASA BERSIKAP TEGAS SERTA ADIL DAN TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA MANA-MANA PIHAK YANG MENGANGGU-GUGAT KEAMANAN DAN MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA SERTA PERPADUAN MASYARAKAT. ADALAH MENJADI HARAPAN KERAJAAN AGAR RAKYAT MENYEDARI HAKIKAT SEBENAR YANG TELAH MENCETUSKAN PERISTIWA MEMALI DAN SETERUSNYA BERWASPADA TERHADAP TINDAK-TANDUK PUAK-PUAK SEPERTI INI.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI,
KUALA LUMPUR.

25 Februari, 1986.

AMANAT HAJI ABDUL HADI AWANG

AMANAT

TUAN GURU HJ. ABDUL HADI AWANG

SAUDARA-SAUDARA SEHALIAN, PERCAYALAH! KITA MENENTANG UMNO BUKAN KERANA NAMA DIA UMNO, KITA MENENTANG BN KERANA NAMA BN. KITA MENENTANG DIA KERANA DIA MENGEKALKAN PERATURAN PENJAJAH, MENGEKALKAN PERATURAN KAFIR, MENGEKALKAN PERATURAN JAHILLIYAH. OLEH KERANA ITULAH KITA MENENTANG MEREKA, OLEH KERANA ITULAH KITA BERJUANG MELAWAN MEREKA.

PERCAYALAH! SAUDARA-SAUDARA, PERJUANGAN KITA ADALAH JIHAD, UCAPAN KITA ADALAH JIHAD, DERMA KITA ADALAH JIHAD. KALAU KITA MATI KERANA BERJUANG DENGAN PUAK-PUAK INI, KALAU KITA MATI KERANA BERJUANG INI, MATI KITA ADALAH MATI SYAHID, MATI KITA ADALAH MATI ISLAM.

KITA TIDAK PAYAH MASUK YAHUDI, KITA TIDAK PAYAH MASUK KRISTIAN, KITA TIDAK PAYAH MASUK HINDU, KITA TIDAK PAYAH MASUK BUDDHA, TETAPI KITA MENJADI KAFIR DENGAN MENGUTAKAN POLITIK SUKU AGAMA SUKU.

PAS

(PARTI ISLAM SEMALAYSIA)

امانت

توان گورو حاج عبدالهادی

«سودارا-سکالین، فرجیاله! کیت منتغ امنو بوکن کران نام دی امنو، کیت منتغ بار یسن ناشیونل، بوکن کران نام بار یسن ناشیونل. کیت منتغ دی کران دی مشککن فرلیککن فنجابه، مشککن فراتوان ککاف یسر. مشککن فراتوان جاهیله.»

اوله کران ابوله کیت برجواغ ملاون مربک، فرجیاله سودارا، فرجواغن کیت اداله جهاد، اوچاغن کیت اداله جهاد، درما کیت اداله جهاد. دان کران کیت برجواغ دشن فواق این، کالی کیت ماتی کران برلاون این، ماتی کیت اداله جهاد، ماتی شهید، ماتی کیت اداله ماتی اسلام.

کیت یتدق فایه ماسوق یهودی، کیت یتدق فایه ماسوق کریستیان، کیت یتدق فایه ماسوق هیندو، کیت یتدق فایه ماسوق بوذا، تنافی کیت میجادی کافر، دشن مشککن فرلیککن سوکو اوکام سوکو.»

فرانغرافاس کلندن

توان گورو الحاج عبدالهادی

سودارا-سکالین..

«فریابه! کیت منتغ امنو بوکن کران نام ای امنو، کیت منتغ بار یسن ناشیونل، بوکن کران نام بار یسن ناشیونل. کیت منتغ دی کران ای مشککن فرلیککن فنجابه، مشککن فراتوان ککاف یسر. مشککن فراتوان جاهیله. اوله کران ابوله کیت برجواغ ملاون مربک.»

فرجیاله سودارا، فرجواغن کیت اداله جهاد، اوچاغن کیت اداله جهاد، درما کیت اداله جهاد. دان کیت برجواغ دشن فواق این، کالی کیت ماتی کران برلاون این، ماتی کیت اداله جهاد، ماتی شهید، ماتی کیت اداله ماتی اسلام.

کیت یتدق فایه ماسوق یهودی، کیت یتدق فایه ماسوق کریستیان، کیت یتدق فایه ماسوق هیندو، کیت یتدق فایه ماسوق بوذا، تنافی میجادی کافر، دشن مشککن فرلیککن سوکو اوکام سوکو.»

سرماق و فرجیاله
سکرتراریه دیوانه لاس
.. جیسا..

AMANAT

TUAN GURU HJ. ABDUL HADI AWANG

"Saudara-saudara sehalian, percayalah! Kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO. Kita menentang BN, bukan kerana nama BN. Kita menentang dia, kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan Kafir, mengekalkan peraturan Jahilliyah. Oleh kerana itulah kita menentang mereka, oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka."

Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini, kalau kita mati kerana berlawan ini, mati kita adalah mati Syahid, mati kita adalah mati Islam.


"Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah masuk Buddha, tetapi kita menjadi Kafir dengan mengatakan politik suku agama suku."

Sumbangih Sekretariat Dewan Pemuda PAS Malaysia
28A, Jalan Paliang Barat, Kuala Lumpur.
DEWAN PEMUDA PAS PUSAT



Parang dan parang panjang.

**GAMBAR MENUNJUKKAN SEJUMLAH SENJATA YANG TELAH DIRAMPAS
DALAM GERAKAN POLIS PADA 19 NOVEMBER, 1985 DI KAMPUNG
MEMALI, MUKIM SIONG, DAERAH BALING, KEDAH**





Senapangpanah, Senapangpatah, buluh runcing dan jamung.




Bom botol (molotov cocktail) dan parang.

**GAMBAR-GAMBAR MENUNJUKKAN PINTU PAGAR HADAPAN RUMAH
IBRAHIM BIN MAHMOOD, KAMPUNG MEMALI, MUKIM SIONG, DAERAH
BALING, KEDAH**




GAMBAR MENUNJUKKAN KOLAH YANG MENGANDUNGI AIR BERJAMPI



KOLAH


RAJAH MENUNJUKKAN KEDUDUKAN RUMAH IBRAHIM BIN MAHMOOD,
KAMPUNG MEMALI, MUKIM SIONG, DAERAH BALING, KEDAH.



Kertas Perintah 14 Tahun 1988

MALAYSIA

**DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT/DEWAN NEGARA
MENURUT PERINTAH**



**KE ARAH MEMELIHARA
KESELAMATAN NEGARA**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENDAHULUAN	1
EKSPLOITASI ISU-ISU SENSITIF	3
Isu Bukit Cina	4
Isu Kebudayaan/Bangsa/Agama	4-5
Isu Koperasi Pengambilan Deposit	5-6
Isu Mata Pelajaran Pilihan	6
Cabaran DAP Kepada MCA Dan MIC Dan Reaksi Mereka ..	6-7
Peranan Pertubuhan-Pertubuhan Dan Persatuan-Persatuan Cina	7-8
Reaksi Orang-Orang Melayu	8-9
KEGIATAN MENGKRISTIAKAN ORANG-ORANG MELAYU DAN EKSPLOITASI ISU KRISTIANISASI	9
Kegiatan Mengkristiankan Orang-Orang Melayu	9-10
Eksploitasi Isu Kristianisasi	10-11
KEGIATAN MEMPERALATKAN AGAMA ISLAM	11-12
KEGIATAN KUMPULAN MARXIST	12
Kemunculan Kumpulan Marxist	12-13
"Conscientization" Melalui "Popular Theatre"	13-14
Penggunaan "Liberation Theology"	14-16
PENGLIBATAN BERTERUSAN PARTI KOMUNIS MALAYA	16-17
PENGLIBATAN AKHBAR	17
PENUTUP	18

LAMPIRAN-LAMPIRAN:

- LAMPIRAN "A": Senarai Pergaduhan-Pergaduhan Perkauman Melibatkan Orang-Orang Melayu Dengan Cina Sejak 1945 Hingga 1969.
- LAMPIRAN "B": Demonstrasi-Demonstrasi Yang Dianjurkan Oleh Parti-Parti Politik Bagi Tempoh 1986-1987.
- LAMPIRAN "C": Ikrar Sekolah, Jabatan Pendidikan Melaka.
- LAMPIRAN "D": Diploma In Theology Jamaluddin Bin Othman @ Yeshua Jamaluddin Yang Dianugerahkan Oleh Far Eastern Bible College, Singapura.
- LAMPIRAN "E": Struktur Organisasi Pertubuhan Sulit "Jundullah".
- LAMPIRAN "F": Gambar Menunjukkan Penglibatan Individu Fahaman Marxist Dari Malaysia Di Demonstrasi Yang Diadakan Di Filipina.

5. Perasaan-perasaan di atas ini dieksploitasi oleh berbagai pihak bagi kepentingan masing-masing. Mereka ini termasuk parti-parti politik, kumpulan-kumpulan pendesak, Parti Komunis Malaya dan juga pihak akhbar.

6. Malaysia juga terdedah kepada ancaman yang berunsur keagamaan. Ada kumpulan-kumpulan orang Islam yang hendak menubuhkan apa yang dinamakan negara Islam dengan cara-cara kekerasan dan di luar Perlembagaan. Ada golongan Islam pula yang berusaha memecahbelah dan melaga-lagakan orang-orang Islam sesama sendiri, dan di samping itu juga menimbulkan permusuhan di antara penganut-penganut agama yang berlainan.

7. Gereja-gereja Kristian di negara ini umumnya menghormati tradisi dan undang-undang yang menegah usaha mengembangkan agama lain di kalangan orang-orang Islam. Tetapi satu kumpulan kecil yang berpusat di sebuah gereja di Petaling Jaya telah membelakangkan Perlembagaan negara dan berusaha mengembangkan agama Kristian di kalangan orang-orang Islam. Perkembangan ini serta dakwaan-dakwaan melulu oleh pemimpin Parti Islam Se Malaysia mengenai kegiatan mengkristiankan orang-orang Melayu telah turut meruncing keadaan.

8. Negara ini mempunyai berbagai undang-undang, seperti Ordinan-ordinan Darurat dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Asutan 1948, Akta Pertubuhan 1966, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, dan juga undang-undang jenayah biasa untuk memelihara keselamatan negara dan ketenteraman awam. Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 khususnya membolehkan pihak berkuasa mencegah sesiapa daripada bertindak secara yang boleh memudaratkan keselamatan, pemeliharaan perkhidmatan-perkhidmatan perlu atau kehidupan ekonomi Malaysia. Penguatkuasaan undang-undang tersebut tidak terhad kepada ancaman komunis sahaja.

9. Apabila pucuk pimpinan sekarang ini mengambilalih jawatan dalam tahun 1981, Kerajaan telah mengamalkan sikap liberal. Kebanyakan dari mereka yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah dibebaskan. Kawalan terhadap penerbitan-penerbitan telah dilonggarkan, dan lebih banyak permit penerbitan telah dikeluarkan. Kawalan ke atas perhimpunan dan mesyuarat di tempat-tempat awam telah juga dilonggarkan.

10. Sikap liberal dan bertoleransi ini telah dieksploitasikan oleh berbagai pihak dengan cara yang tidak bertanggungjawab untuk kepentingan mereka. Isu-isu yang menjadi sensitif kepada kaum-kaum telah sengaja diperbesar-besarkan hingga menimbulkan ketegangan kaum. Banyak perhimpunan haram sengaja diadakan untuk mengeksploitasi isu-isu yang menyemarakkan perasaan perkauman (lihat *Lampiran "B"*). Kritik-kritik dan tuduhan-tuduhan melulu yang bercorak perkauman telah dilemparkan

terhadap Kerajaan. Semua ini telah disiarkan dalam akhbar-akhbar, yang mana sebilangannya telah membuat liputan yang sengaja memperbesarkan isu-isu tersebut dan melaga-lagakan satu pihak dengan pihak yang lain.

11. Kesemua perkembangan ini telah menjadikan keadaan amat tegang menjelang bulan Oktober 1987. Ini jelas kelihatan apabila berlakunya satu insiden tembakan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur pada malam 18 Oktober, 1987. Insiden tersebut, yang dilakukan oleh seorang anggota tentera, yang tidak ada kaitan langsung dengan masalah perkauman, telah mencetuskan suasana cemas di kalangan rakyat di seluruh negara, berikutan merebaknya khabar-khabar angin bahawa rusuhan kaum telah berlaku di Kuala Lumpur. Khabar angin juga disebar bahawa satu "rally" yang dirancang oleh UMNO pada 1 November, 1987 adalah untuk mencetuskan peristiwa seperti 13 Mei, 69 sekali lagi. Dengan itu ramai penduduk yang telah membeli barangan dan makanan dan peniaga-peniaga bercadang menutup kedai dan pasar pada hari berkenaan. Ketegangan jelas dirasakan di Kuala Lumpur sejak insiden di Jalan Chow Kit.

12. Memandangkan keadaan telah memuncak ke tahap yang sangat membimbangkan dan berkemungkinan mencetuskan rusuhan secara besar-besaran, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk bertindak segera dan tegas untuk membendung keadaan demi kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat. Pada 27 Oktober hingga 14 November, 1987 pihak Polis telah menangkap dan menahan 106 orang di bawah seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 berhubung dengan tindakan mereka yang dipercayai telah memudaratkan keselamatan. Segala perhimpunan dan "rally" telah dilarang dan permit empat penerbitan telah dibatalkan.

13. Tindakan yang diambil oleh Kerajaan itu telah memulihkan keadaan dengan cepat dan berkesan.

14. Kertas Putih ini bertujuan memaklumkan segala peranan dan kegiatan pihak-pihak berkenaan yang telah membawa kepada keadaan yang menjejaskan ketenteraman awam serta memudaratkan keselamatan negara dalam bulan Oktober 1987.

EKSPLOITASI ISU-ISU SENSITIF

15. Faktor utama yang menyebabkan keadaan ketegangan yang serius dalam tahun 1987 ialah tindakan ahli-ahli parti politik dan kumpulan pendesak yang tertentu mengeksploitasikan beberapa isu-isu sensitif yang menyemarakkan perasaan perkauman. Antara isu-isu yang dieksploitasikan ialah isu-isu mengenai Akta Pelajaran 1961, isu pembangunan Bukit Cina di Melaka, kerugian Koperasi Pengambilan Deposit (KPD), ikrar di sekolah, mata pelajaran pilihan di Universiti Malaya, isu penggunaan bahasa di papan tanda dan penempatan Penolong Kanan dan Penyelia Petang yang tidak mempunyai kelayakan Mandarin di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina

[(SRJK (C))]. Beberapa orang anggota Democratic Action Party (DAP) memainkan peranan yang utama dalam mengeksploitasikan semua isu-isu ini. Sebilangan anggota Malaysian Chinese Association (MCA) telah juga turut terlibat dalam beberapa isu kerana dicabar oleh DAP dan supaya tidak ketinggalan dalam mendapatkan sokongan politik orang-orang Cina. Sebilangan pertubuhan Cina, terutamanya Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (GPGSCM), Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (PPLPSCM) dan Dewan Perhimpunan Cina Selangor (DPCS), telah juga memainkan peranan sebagai kumpulan-kumpulan pendesak yang ekstrim.

Isu Bukit Cina

16. Sebilangan pertubuhan dan parti politik Cina terutamanya DAP telah menentang dan menjadikan satu isu perkauman rancangan Kerajaan Negeri Melaka mengenai Bukit Cina dalam tahun 1983. Rancangan tersebut adalah untuk membangun secara komersial 80 peratus daripada kawasan Bukit Cina dan menjadikan baki 20 peratus lagi sebagai kawasan perlindungan bagi mengekalkan unsur-unsur peninggalan sejarah dan sebagai kawasan rekreasi.

17. DAP selanjutnya telah terus menjadikan isu ini sebagai isu perkauman untuk membangkitkan kemarahan orang-orang Cina terhadap Kerajaan dan orang-orang Melayu. Dalam satu ceramahnya pada 29 September, 1984 di Permatang Tinggi, Bukit Mertajam, Lim Kit Siang, Setiausaha Agong DAP, telah menyifatkan rancangan Kerajaan untuk membangunkan Bukit Cina itu sebagai satu muslihat Kerajaan untuk melenyapkan segala jasa-jasa kaum Cina terhadap negara dan juga sebagai cabaran terhadap kebudayaan dan agama orang-orang Cina.

18. DAP terus mengeksploitasi isu ini dengan beberapa kegiatan termasuk penyebaran poster diseluruh negara pada 21 Julai, 1984 yang mengandungi ungkapan seperti "Bukit Cina Warisan Sejarah Cina", mengadakan upacara berjalan kaki bagi "menyelamatkan" Bukit Cina di Kuantan, Seremban, Alor Setar dan Melaka di antara 20 dan 30 Oktober, 1984, serta berusaha mengumpulkan 200,000 tandatangan sebagai penentangan kaum Cina terhadap usaha memajukan Bukit Cina. Semangat perkauman yang tebal sengaja dipupuk oleh DAP tanpa segan silu.

Isu Kebudayaan/Bangsa/Agama

19. Satu lagi isu yang dimainkan oleh DAP untuk menimbulkan ketakutan dan kebimbangan di kalangan orang-orang bukan Melayu dan untuk membangkitkan perasaan anti-Kerajaan dan anti-Melayu, ialah isu kononnya Kerajaan mengamalkan dasar satu bangsa, satu kebudayaan, satu bahasa

dan satu agama.- Di antara kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh tokoh-tokoh DAP itu adalah kenyataan Lim Kit Siang pada 14 Januari, 1983 di Ibupejabat DAP, Jalan Kilang, Melaka, bahawa pelaksanaan polisi satu bangsa, satu kebudayaan oleh pihak Kerajaan telah menjatuhkan kedudukan kebudayaan kaum lain.

20. Pada 17 Mac, 1984 P. Patto, Timbalan Setiausaha Agung DAP pula telah menyatakan di Bagan Sungai Tiang, Perak bahawa Kerajaan mengamalkan polisi satu bangsa, satu bahasa dan agama yang tujuannya menjadikan Malaysia negara Islam.

21. Lim Guan Eng, Timbalan Pengerusi DAP Melaka juga mengaku mengeksploitasi isu ini semasa kempen pilihanraya tahun 1986. Dalam kenyataannya beliau berkata: "Mengenai isu satu bahasa satu kebudayaan, saya mengkritik tindakan Kerajaan BN mewujudkan satu bahasa satu kebudayaan sebagai "unconstitutional" dan Kerajaan BN nampaknya cuba memansuhkan kebudayaan golongan minoriti dan bahasa ibunda kaum yang lain".

22. Sim Tong Him, Setiausaha Organisasi DAP Melaka pula berkata dalam kenyataannya mengenai perkara yang sama bahawa dalam satu ceramah politik DAP Melaka di Bandar Melaka pada pertengahan Jun 1986, beliau telah mendakwa ".....Dasar Kerajaan ini telah menyebabkan kaum Cina kehilangan tapak dalam politik, sosial dan ekonomi....."

23. DAP telah juga melibatkan dirinya dalam isu-isu yang berunsur agama seperti soal isu pembacaan ikrar di sekolah-sekolah di Melaka. Pembacaan ikrar tersebut, yang bertujuan untuk menanam sikap jujur, amanah, berakhlak mulia, perpaduan dan ketekunan dalam pelajaran, telah ditentang atas tuduhan kononnya murid-murid bukan Islam telah dipaksa meminta restu daripada Allah. Yau Jiok Hua @ Yau Siok Hua, Pengerusi DAP Melaka misalnya, telah menyatakan di Dewan Amal Meng Seng, Jalan Taming Sari, Melaka pada 13 Ogos, 1987, ".....bahawa murid-murid yang bukan Islam dipaksa meminta restu daripada Allah". Tuduhan ini sengaja diwujudkan untuk membangkitkan sentimen perkauman/keagamaan orang-orang bukan Islam, sebab ikrar tersebut tidak menyebut nama Allah. Teks ikrar berkenaan terdapat di *Lampiran "C"*.

Isu Koperasi Pengambilan Deposit

24. Dalam kenyataannya Hu Sepang, Pengerusi DAP Negeri Sembilan, mendedahkan bahawa ".....DAP telah bermesyuarat dan berkeputusan bahawa satu jawatankuasa bertindak KPD ditubuhkan untuk mengeksploitasikan isu ini." Tanpa menghiraukan kesannya terhadap perhubungan antara kaum dan ketenteraman awam tokoh-tokoh DAP sengaja telah membuat tuduhan-tuduhan bahawa Kerajaan bersikap perkauman dalam pendekatannya mengatasi masalah KPD. Pada 27

Disember, 1986 di Sungai Bakap, Nibong Tebal, Pulau Pinang misalnya, Lim Kit Siang telah mendakwa Kerajaan telah mengamalkan dasar diskriminasi kaum dalam menyelesaikan isu koperasi pengambilan deposit. Pada 9 Januari, 1987 di Taman Jementah, Johor, Lim Guan Eng telah mendakwa Kerajaan tidak bertindak membantu menyelesaikan masalah koperasi oleh sebab pelaburnya terdiri daripada orang-orang Cina.

Isu Mata Pelajaran Pilihan

25. Kegiatan DAP dalam mengeksploitasikan isu mata pelajaran pilihan di Universiti Malaya telah menambahkan ketegangan dan polarisasi di antara kaum Melayu dan kaum bukan Melayu. Pada 17 Ogos, 1987 ahli-ahli DAP yang diketuai oleh V. David, Timbalan Pengerusi DAP Selangor, Dr. Eng Seng Chai, Pengerusi DAP Selangor dan Lim Guan Eng telah mengadakan tunjuk perasaan haram di hadapan pintu masuk Universiti Malaya yang berkesudahan dengan pertengkaran dan caci mencaci antara mereka dan penuntut-penuntut Melayu Universiti itu. Kata-kata seperti "Cina balik Tongsan" dan "Melayu balik Indonesia", serta "Kalau awak berani keluarlah", telah dilaung-laungkan. Hanya kawalan yang rapi oleh pihak Polis serta pihak keselamatan Universiti telah dapat mencegah dari tercetusnya pergaduhan.

26. Sebagai reaksi kepada peristiwa 17 Ogos, 1987 itu, siswa-siswa Melayu pula telah mengadakan perhimpunan di kampus Universiti Malaya pada 20 Ogos, 1987 tanpa kebenaran pihak universiti, dan perhimpunan itu telah menegangkan lagi keadaan.

27. Tanpa menghiraukan keadaan yang sudah tegang itu, DAP pada 9 Oktober, 1987 telah menganjurkan satu lagi perhimpunan haram dan mogok lapar di pintu masuk universiti berkenaan. Perhimpunan tersebut diketuai oleh Dr. Eng Seng Chai. Sebelas orang daripada pemogok lapar itu telah ditangkap apabila enggan bersurai.

Cabaran DAP Kepada MCA Dan MIC Dan Reaksi Mereka

28. Untuk menonjolkan diri mereka sebagai juara kaum Cina dan India dan untuk menguatkan sokongan kaum-kaum tersebut kepada mereka, pemimpin-pemimpin DAP telah menuduh MCA dan MIC sebagai tidak memperjuangkan kepentingan kaum-kaum ini, dan mencabar mereka membela kepentingan kaum-kaum tersebut. Misalnya semasa perhimpunan haram DAP pada 17 Ogos, 1987 di pintu masuk Universiti Malaya untuk menentang keputusan penggunaan Bahasa Malaysia dalam mata pelajaran

pilihan, sepanduk-sepanduk yang mengandungi ungkapan-ungkapan berikut telah dipamerkan:

- “MIC, MCA dan GERAKAN—JANGAN MENGGADAI MARUAH”
- “MIC, MCA—SLEEPING BEAUTIES”
- “MCA dan MIC—LETAK JAWATAN”
- “MENGAPA MIC JADI PENDIAM”
- “MCA TIDAK BERBUAT APA-APA”
- “MIC, MCA JUAL MARUAH”

29. Cabaran DAP kepada MCA juga jelas kelihatan dalam isu skandal koperasi yang melibatkan beberapa tokoh MCA. Sindiran-sindiran DAP terhadap MCA telah memberi maksud bahawa MCA adalah bertanggungjawab ke atas kegagalan KPD. Ini telah menyebabkan beberapa tokoh MCA membuat tuntutan yang lebih lantang daripada DAP ke arah usaha mencapai penyelesaian isu tersebut. MCA melalui Presidennya Dato' Ling Liong Sik, telah mengumumkan pendiriannya, bahawa semua pemimpin-pemimpin MCA yang memegang jawatan dalam Jemaah Menteri dan Pentadbiran Kerajaan akan meletakkan jawatan sekiranya pendeposit-pendeposit koperasi tidak menerima bayaran pulangan penuh.

30. Dalam isu penempatan guru-guru tanpa kelayakan Mandarin di SRJK (C) juga, MCA telah mengambil sikap yang keras dan lantang. Dalam “Information Bulletin”nya parti itu menyatakan: “....Our party reiterates its stand: the MCA will swim or sink with the Chinese Primary Schools....” Pihak DAP juga menyedari hakikat bahawa MCA terpaksa mengambil sikap yang keras dan mengeksploitasi isu-isu tertentu kerana merasa tertekan oleh cabaran daripada DAP. Dr. Tan Seng Giaw menyatakan”..... Saya sedar bahawa tunjuk perasaan DAP telah secara langsung menimbulkan perasaan kurang keyakinan (insecure feelings) di kalangan MCA yang merasa takut akan kehilangan undi kepada DAP. Oleh itu MCA telah mengambil sikap yang tidak bertolak ansur kebelakangan ini khususnya dalam menentang perlantikan guru-guru yang tidak menerima latihan Mandarin, supaya dapat mengatasi DAP....”

Peranan Pertubuhan-Pertubuhan Dan Persatuan-Persatuan Cina

31. Beberapa pertubuhan dan persatuan Cina telah turut terlibat dalam mengeksploitasi isu-isu yang berunsur perkauman. Pada 27 Mac, 1983 sebanyak 15 pertubuhan Cina termasuk GPGSCM, PPLPSCM dan DPCS, telah mengeluarkan satu dokumen yang bertajuk “Joint Memorandum On National Culture” yang menyoal kedudukan kebudayaan Melayu sebagai asas kebudayaan Malaysia.

32. Selanjutnya pada 12 Oktober, 1985 Pengisytiharan Bersama oleh 27 pertubuhan Cina Malaysia telah diumumkan dan diberi publisiti yang meluas dalam akhbar-akhbar Cina tempatan. Pengisytiharan ini di antara lain mendakwa bahawa orang-orang bukan Melayu telah tertindas dari segi politik, ekonomi dan kebudayaan, dan menyoal beberapa perkara yang dipersetujui sebelum Merdeka seperti soal bahasa.

33. GPGSCM, PPLPSCM dan DPCS juga terlibat secara aktif dalam isu penempatan guru-guru tanpa kelayakan Mandarin di SRJK (C). Eksploitasi isu ini telah berkemuncak dengan berlangsungnya perhimpunan di Kuil Thean Hou, Kuala Lumpur pada 11 Oktober, 1987 yang dihadiri oleh 15 pertubuhan Cina dan 3 parti politik, iaitu MCA, DAP dan GERAKAN. Di perhimpunan tersebut, beberapa orang ahli daripada 3 parti politik itu, termasuk Lee Kim Sai, Timbalan Presiden MCA dan Lim Kit Siang, Setiausaha Agong DAP, dengan lantang telah membuat tuntutan supaya isu sekolah Cina itu diselesaikan. Perhimpunan ini serta resolusi-resolusi yang diluluskan olehnya, termasuk tindakan memulau kelas, telah meningkatkan sentimen perkauman di kalangan orang-orang Cina dan menimbulkan reaksi daripada pertubuhan-pertubuhan Melayu terutamanya UMNO.

Reaksi Orang-Orang Melayu

34. Beberapa pertubuhan Melayu, terutamanya Pemuda UMNO telah bertindakbalas berikutan dengan perkembangan-perkembangan di atas.

35. Pemuda UMNO telah menganggap resolusi Konvensyen MCA Selangor pada 2 November, 1986 sebagai satu penafian terhadap hak dan keistimewaan orang-orang Melayu. Resolusi tersebut berbunyi "Based on historical facts, Malaysia's three major races are originated from other countries. Therefore, none of them should brand the other as immigrants and claim themselves as natives". Seterusnya Pemuda UMNO telah mengadakan satu demonstrasi pada 11 November, 1986 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur di mana ia telah mendesak supaya Lee Kim Sai, Timbalan Presiden MCA, dipecat daripada kabinet dan kedudukan MCA dalam Barisan Nasional dikaji semula.

36. Sebagai membidas desakan Pemuda UMNO itu, Pemuda MCA pula telah menghantar sepucuk telegram kepada Perdana Menteri yang menyifatkan desakan Pemuda UMNO itu sebagai "luar batasan dan keterlaluan"; telegram itu seterusnya menyatakan, "Pemuda UMNO merupakan satu pergerakan yang kurang ajar....."

37. Agitasi parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan Cina mengenai berbagai isu dalam tahun 1987, termasuk isu KPD dan penempatan guru-guru tanpa kelayakan Mandarin di SRJK (C) telah terus menarik perhatian

Pemuda UMNO. Perhimpunan di Kuil Thean Hou, Kuala Lumpur pada 11 Oktober, 1987 terutamanya telah menimbulkan reaksi yang hangat di kalangan Pemuda UMNO. Dalam kenyataannya Fahmi Ibrahim, Ketua Pemuda UMNO Selangor berkata ".....Bahawa rata-rata Pemuda UMNO begitu kesal dengan sikap Lee Kim Sai dan masyarakat Cina yang begitu berani membangkitkan soal-soal yang boleh menyakitkan hati orang-orang Melayu. Paling dikesali apabila beliau sanggup duduk semeja dengan Lim Kit Siang yang selama ini musuh politik Kerajaan....." Sebagai reaksi kepada perhimpunan di Kuil pada 11 Oktober, 1987 itu, Pemuda UMNO telah menganjurkan perhimpunan raksaksa orang-orang Melayu di Stadium Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur pada 17 Oktober, 1987. Perhimpunan ini turut disertai oleh pertubuhan-pertubuhan Melayu yang lain termasuk Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) serta siswa-siswa Melayu dari universiti tempatan. Dalam perhimpunan ini, ungkapan-ungkapan yang keras telah dipamerkan, di antaranya:

- "LUCUTKAN KERAKYATAN PENENTANG DYMM RAJA-RAJA MELAYU"
- "ANWAR JANGAN TAKUT DENGAN CINA"
- "13 MEI KINI BERMULA"
- "BASAHA IA (KRIS) DENGAN DARAH CINA"

38. Kesemua perkembangan-perkembangan di atas telah membawa kepada suatu keadaan yang genting. Ini jelas apabila peristiwa Prebet Adam* pada hari esoknya, iaitu 18 Oktober, 1987, menimbulkan perasaan cemas di kalangan rakyat di seluruh negara walaupun peristiwa terpencil tersebut tidak kena-mengena langsung dengan masalah perkauman.

KEGIATAN MENGKRISTIKAN ORANG-ORANG MELAYU DAN EKSPLOITASI ISU KRISTIANISASI

Kegiatan Mengkristikan Orang-Orang Melayu

39. Pada umumnya gereja-gereja Kristian di negara ini mengekalkan tradisi dan mematuhi peruntukan undang-undang yang menegah usaha mengembang agama-agama lain di kalangan orang-orang Islam. Namun demikian, satu kumpulan kecil yang dikenali sebagai Neglected People's Workers (NPW) berpusat di First Baptist Church, Jalan Pantai, Petaling Jaya, Selangor telah terlibat dalam usaha mengkristikan orang-orang Melayu dan telah berjaya mengkristikan seramai 7 orang.

* Peristiwa pada malam 18 Oktober, 1987 di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur, di mana seorang anggota tentera iaitu Prebet Adam Jaafar yang sedang menghadapi tekanan jiwa telah menggunakan senjata M16 melepaskan beberapa tembakan yang mengakibatkan seorang Melayu mati dan seorang Cina dan seorang lagi Melayu mendapat luka parah.

40. NPW telah ditubuhkan pada tahun 1984 di bawah pimpinan Philip Cheong @ Cheong Ah Kow, seorang Penyelia Insuran dalam sebuah syarikat di Kuala Lumpur.

41. Bagi tujuan mengembangkan ajaran Kristian dengan lebih berkesan di kalangan orang-orang Melayu, NPW telah mendapatkan perkhidmatan seorang pemuda Melayu bernama Jamaluddin Othman @ Yeshua Jamaluddin @ Joshua Ira Jamaludin bin Othman. Beliau berasal dari Muar, Johor dan telah mendapat pendidikan agama Kristian di Far Eastern Biblical College, Singapura dengan memperolehi "Diploma in Theology" dalam tahun 1985 (lihat *Lampiran "D"*).

42. Untuk mengukuhkan keyakinan orang-orang Melayu yang telah dikristiankan, NPW sering menganjurkan pengajian "Bible" di rumah Hilmy Hj. Mohd. Nor di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur. Menurut Hilmy Hj. Mohd. Nor, cara-cara halus untuk menghampiri orang Melayu Islam yang pernah disarankan oleh Philip Cheong termasuk duduk di lantai sewaktu beribadat seperti yang dilakukan oleh orang-orang Melayu; menggunakan rehal untuk mengalas "Bible" sewaktu membaca; dan menggunakan pakaian Melayu seperti songkok, baju Melayu dan kain pelekak ketika beribadat.

43. Rancangan jangka panjang NPW ialah membina sebuah gereja mengikut ciri-ciri senibina masjid.

Eksplotasi Isu Kristianisasi

44. Kegiatan NPW ini diketahui dan dieksplotasi oleh Salleh Omar, seorang penganggur yang berasal dari Kedah, dengan membesar-besarkan kejayaan mengkristiankan orang-orang Melayu melalui ceramah-ceramahnya di beberapa buah masjid, sekolah dan jabatan Kerajaan. Kamaluddin Hj. Tahir, seorang penjaja yang berasal dari Kampung Damansara Dalam, Kuala Lumpur, yang mengakui kononnya pernah menjadi paderi, juga mengeksplotasi isu ini dengan menghebohkan kejayaan-kejayaan yang kononnya telah dicapai dalam usaha mengkristiankan orang-orang Melayu.

45. Dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh kedua-dua mereka yang tersebut di atas telah dipercayai oleh beberapa golongan orang Melayu dan telah menimbulkan kegelisahan di kalangan masyarakat Islam. Kegelisahan ini telah dipergunakan oleh beberapa tokoh PAS untuk kepentingan politik mereka. Pada 7 Ogos, 1987 di Parit Amal, Johor, Khalid Abdul Samad, Setiausaha Pemuda PAS telah membuat kenyataan ".....seluruh Malaysia akan dikristiankan selewat-lewatnya pada tahun 2000.....". Pada

1 September, 1987, akhbar The New Straits Times telah menyiarkan kenyataan Haji Yusof Rawa, Yang Dipertua Agong PAS, yang mendakwa 66,000 orang Melayu telah meninggalkan Islam.

46. Pada pertengahan tahun 1987 Dewan Pemuda PAS Pusat telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Anti-Kristianisasi yang telah melancarkan kempen penerangan seperti seminar-seminar, rapat-rapat umum, dan penyebaran risalah-risalah berkaitan dengan isu kristianisasi tersebut. Ini disusuli dengan satu "Perhimpunan Menentang Kristianisasi" yang telah diadakan di Sitiawan, Perak pada 29 Ogos, 1987. Semasa perhimpunan itu Mohamed Sabu, seorang tokoh Pemuda PAS, mendakwa bahawa seramai 10,000 orang Melayu telah dikristiankan.

47. Berhubung dengan perhimpunan tersebut DAP telah membuat laporan Polis membantah kain pemedang yang direntang di Pekan Sitiawan berbunyi "Ceramah Dan Perhimpunan Menentang Kristianisasi" sebagai boleh menimbulkan penghinaan terhadap keagamaan pihak yang membaca kain pemedang tersebut.

48. Kegiatan NPW, dan aktiviti-aktiviti golongan tertentu mengeksploitasikan isu kristianisasi telah menimbulkan perasaan curiga di antara golongan-golongan Melayu dan Kristian.

KEGIATAN MEMPERALATKAN AGAMA ISLAM

49. Golongan-golongan ajaran sesat Islam telah terus dikesan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Di antara golongan-golongan ini ialah golongan ajaran Ahmadiyah atau Tarikat Zikirullah atau ajaran Hassan Anak Harimau. Ajaran ini telah diasaskan oleh Hassan Yaacub @ Hassan Anak Harimau @ Tok Ayah Hassan dan jumlah pengikutnya lebih kurang 300 orang. Antara lain, Hassan Yaacub telah mendakwa kononnya jasad dan rohnya bersehati dengan Nur Ilahi, dan bahawa dirinya diresapi oleh Roh Nabi Muhammad s.a.w. dan telah sampai waktunya beliau menjadi Imam Mahadi.

50. Satu lagi kumpulan ajaran sesat yang telah dikesan ialah kumpulan yang dipimpin oleh Muhamad Yusof Abdul Karim @ Salleh Abd. Karim @ Salleh Kulop Karim. Kumpulan ini telah diasaskan pada bulan Januari 1987 oleh Muhamad Yusof Abdul Karim. Pusat kegiatannya ialah di FELDA Trolak Selatan, Slim River, Perak. Jumlah pengikutnya dianggarkan seramai 40 orang. Antara lain, kumpulan ini mendirikan sembahyang Aidilfitri dan Aidiladha secara berasingan dari umat Islam tempatan yang lain.

51. Selain daripada kumpulan-kumpulan di atas, sebuah pertubuhan sulit yang dikenali sebagai kumpulan "Jundullah" atau "Tentera Allah" telah ditubuhkan oleh sebilangan ahli PAS pada 29 Ogos, 1987 di Pantai Cinta

Berahi, Kelantan. Penubuhannya didorong antara lain oleh keadaan ketegangan kaum yang wujud ketika itu. Menurut Che Kamaruzaman Che Ismail, Naib Pengerusi "Jundullah", penubuhannya adalah untuk mewujudkan pemerintahan Islam di Malaysia melalui tindakan militan dan menjadi benteng kepada orang-orang Islam sekiranya berlaku rusuhan kaum.

52. Pertubuhan ini mempunyai seramai lebih kurang 150 orang ahli yang terdiri daripada ahli-ahli serta penyokong PAS dan struktur organisasinya adalah seperti di *Lampiran "E"*. Ianya tidak direstui oleh pihak PAS Negeri dan Pusat tetapi pihak PAS tidak pula menghalang penubuhannya.

53. Rancangan pertubuhan ini ialah untuk memberi latihan keagamaan dan ketenteraan kepada anggota-anggotanya, termasuk menghantar mereka menjalani latihan bersama dengan pihak Gerila Pembebasan Islam di Selatan Thailand serta mendapat bekalan senjata api.

KEGIATAN KUMPULAN MARXIST

Kemunculan Kumpulan Marxist

54. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah muncul kumpulan Marxist yang bertujuan untuk merungkai struktur sosial dan politik negara dan menubuh sistem komunis. Kumpulan ini dipelopori oleh beberapa individu yang menghayati fahaman Marxist ketika menuntut di beberapa buah universiti di United Kingdom, Amerika Syarikat dan universiti tempatan.

55. Kumpulan tersebut mempunyai perhubungan dengan pertubuhan luar negeri yang merupakan "front" komunis antarabangsa. Mereka menerima latihan di Filipina menerusi "Philippines Educational Theatre Association" (PETA) dan "Kilusang Mayo Uno" (KMU) atau "May First Movement" yang mana kedua-duanya adalah pertubuhan pro-komunis.

56. Kumpulan ini telah menjalankan kerja 'conscientization' di kalangan masyarakat. Proses "conscientization" adalah bertujuan menyedarkan rakyat kononnya kemiskinan, penderitaan dan ketidakupayaan mereka adalah berpunca dari penindasan oleh sistem yang wujud sekarang. Mengikut kumpulan ini, rakyat hendaklah berjuang menukarkan sistem sosial yang ada dan seterusnya mewujudkan satu sistem bersifat kesamarataan (egalitarian). Dalam hal ini, dakwaan masalah-masalah seperti kemiskinan, penindasan, ketidakadilan, kepincangan jentera kerajaan dan ketidakungguhan pemerintah menyelesaikan masalah-masalah sering dimainkan semata-mata

untuk menghakiskan kepercayaan rakyat kepada sistem yang wujud sekarang. Semua ini adalah selaras dengan strategi Barisan Bersatu Komunis (BBK)*.

57. Beberapa individu dalam kumpulan Marxist ini, di antaranya Dr. Mohd. Nasir Hashim, seorang pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Chee Heng Leng, seorang pensyarah di Universiti Pertanian Malaysia, telah diketahui menggunakan kaedah-kaedah Marxist untuk mempengaruhi rakyat jelata, khususnya kaum buruh. Sehubungan dengan ini Dr. Nasir telah mengakui bahawa hasratnya bergiat demikian ialah untuk "mewujudkan sebuah Kerajaan "dictatorship of the proletariat". Menurut teori komunisma "dictatorship of the proletariat" adalah satu kerajaan transisi sebelum pemerintahan komunis sepenuhnya.

"Conscientization" Melalui "Popular Theatre"

58. Sekumpulan bekas pemimpin pelajar yang bergerak cergas dalam "Federation of United Kingdom/Eire Malaysia/Singapore Students Organisation (FUEMSSO) dan yang berpegang teguh dengan fahaman Marxist telah mempelopori bidang drama sebagai cara yang berkesan untuk mendapatkan sokongan bagi mencapai matlamat perjuangan mereka.

59. Chow Chee Keong, seorang ahli seni drama yang telah terlibat dalam kegiatan ini, dalam kenyataannya telah menghuraikan bahawa "..... Dengan menjalankan kerja-kerja "conscientization", saya berharap akan dapat mempengaruhi rakyat untuk membawa perubahan ke atas sistem politik sekarang kepada sistem sosialis".

60. Bagi mencapai matlamat mereka kumpulan Marxist ini telah menubuhkan Pentas Drama Kreatif Sdn. Bhd. (PENTAS) pada tahun 1984 dan bergerak cergas dengan mengeksploitasi beberapa isu semasa seperti isu Papan** melalui pementasan drama. Mengenai isu Papan, Chow Chee Keong telah menerangkan bahawa ianya merupakan "..... satu peluang di mana PENTAS dapat melaksanakan kerja-kerja "conscientization" selain dari memberikan sokongan kepada kempen Kumpulan Penolong Papan."

* "Barisan Bersatu Komunis" adalah satu strategi komunis mendapatkan sekutu sementara waktu (temporary alliance) dengan sebarang kumpulan atau orang-orang perseorangan yang bukan komunis dan bekerjasama dalam memperjuangkan satu-satu isu yang menjadi kepentingan bersama. Tujuannya ialah untuk menarik perhatian atau minat kumpulan atau seseorang itu agar menerima kepimpinan politik komunis serta corak dakwahnya.

** Isu yang telah timbul apabila sebilangan penduduk di sekitar Papan, Bukit Merah, Lahat, Menglembu dan Taman Badrisah, Perak membantah kewujudan kilang Asian Rare Earth di Batu 4½, Jalan Ipoh-Lahat yang didakwa kononnya mengeluarkan bahan radioaktif yang boleh mengancam kesihatan penduduk-penduduk di sekitarnya.

B. 100
telah - juga menjalin hubungan dengan PETA dan mengadakan dua bengkel di Kuala Lumpur dalam bulan dan Ogos 1985 bagi membimbing PENTAS. Turut menyertai sebilangan ahli kumpulan-kumpulan pendesak termasuk Selangor Graduates Society (SGS).

62. Dalam usaha untuk mengembangkan pengaruhnya, PENTAS telah menganjurkan beberapa bengkel khusus untuk penuntut-penuntut sekolah bertempat di Sentul Convent, Kuala Lumpur pada tahun 1986 dan 1987. Dalam bengkel pada tahun 1987, PENTAS telah mengatur lawatan penuntut-penuntut berkenaan ke kawasan setinggan untuk mendedahkan mereka kepada keadaan kemiskinan dengan tujuan untuk membangkitkan kemarahan mereka kepada sistem yang terdapat sekarang.

Penggunaan "Liberation Theology"

63. Adalah juga terdapat kumpulan yang berfahaman Marxist di kalangan gereja yang menjalankan kegiatan-kegiatannya mengikut konsep "Liberation Theology"* yang diamalkan oleh golongan Marxist. Kumpulan ini telah menyusup ke dalam beberapa badan Kristian seperti Catholic Welfare Services (CWS), Young Christian Movement (YCM), Catholic Student Society (CSS) dan Council of Churches of Malaysia (CCM) melalui program "Urban Rural Mission" (URM). Objektif utama URM seperti yang diterangkan oleh Theresa Lim Chin Chin, seorang pekerja sosial gereja, ialah:

".....untuk menganjurkan dan "conscientize" rakyat jelata iaitu pekerja estet dan kilang serta setinggan-setinggan dengan tujuan untuk membentuk satu pergerakan rakyat jelata yang meluas yang mampu untuk menentang secara radikal struktur masyarakat, termasuk perbezaan kelas yang wujud dalam masyarakat, sistem politik, sosio-ekonomi, dasar Kerajaan dan sebagainya."

64. Dalam tahun 1984 beberapa pekerja sosial yang berfahaman Marxist di dalam CCM-URM yang diketuai oleh Sebil John s/o P. C. Josset telah menubuhkan Peralihan Sdn. Bhd. (PSB) untuk menjalankan kegiatan bagi menyebarkan fahaman Marxist di kalangan pekerja-pekerja kilang dan ladang khususnya melalui sesi-sesi pengajian. PSB dibiayai sepenuhnya oleh

* "Liberation Theology" yang diamalkan oleh golongan Marxist adalah satu pendekatan yang menekankan bahawa ajaran Katholik mengandungi ajaran bahawa pembebasan manusia hanya boleh dicapai melalui perjuangan kelas dan kekerasan boleh digunakan jika tidak ada jalan lain.

Christian Conference of Asia-Urban Rural Mission (CCA-URM). Sivammorthy s/o Solai, seorang ahli kesatuan sekerja dan ahli PSB mendedahkan:

"....pada tahun 1987, saya menghadiri sessi pengajian Marxist yang dianjurkan oleh Sebil John. Pengajian yang pertama pada akhir bulan April di mana risalah kehidupan Marx telah disebar. Pengajian kedua diadakan pada Mei 1987 di mana Sebil John memberi syarahan mengenai sejarah Malaysia dan telah menggunakan idea-idea Lenin, Trotsky dan Marx untuk menerangkan hubungan teori-teori ini dengan sejarah komunisme di Malaysia. Pengajian ketiga diadakan pada Julai 1987 di mana Sebil John memberikan syarahan mengenai kegiatan dan pergerakan buruh. Di sini Sebil John telah mengutuk kerajaan kerana menyebabkan masalah buruh tidak dapat diselesaikan. Sebil John juga menyalahkan golongan kapitalis yang terus menerus menindaskan pekerja dan menyebabkan keadaan pekerja semakin buruk. Seminar seterusnya diadakan selama seminggu di awal Oktober 1987 di mana Sebil John membincangkan teori Marx, Lenin, Trotsky dan Mao Zedong".

65. Golongan Marxist ini telah juga menyusupi sebuah lagi pertubuhan Kristian iaitu "National Office Of Human Development" (NOHD). Mereka telah memperalatkan "Lenten Campaign"* yang dijalankan setiap tahun oleh NOHD untuk mempengaruhi penganut-penganut agama Kristian melalui proses "conscientization". Theresa Lim Chin Chin telah mendedahkan:

"....Dalam "Lenten Campaign" saya cuba mencapai matlamat berikut: membentuk atau menubuhkan secara perlahan-lahan satu persatuan Kristian yang berani dan lantang mengkritik kerajaan mengenai isu-isu yang melibatkan ketidakadilan dan yang melibatkan masyarakat. Kumpulan ini akan menjadi kumpulan pendesak yang mampu mewujudkan perubahan dan juga menyemaikan fahaman "Liberation Theology" kepada penganut-penganut Kristian."

66. Golongan tersebut telah juga menyebarkan risalah berunsur keagamaan yang di antara lain memuatkan "Lord's Prayer" yang bertajuk "Reflections". Melalui "Reflections" ini isu kemiskinan dan penderitaan diputarbelitkan semata-mata untuk mencapai matlamat perjuangan golongan Marxist dalam NOHD. Brother Anthony Rogers s/o Balavandram, Penolong Pengarah NOHD menyatakan bahawa "ungkapan yang digunakan dalam "Reflections" ini adalah sesuai untuk mengapi-apikan semangat rakyat untuk mencetuskan keresahan sosial".

67. Brother Anthony Rogers juga menyatakan golongan beliau telah mempergunakan persidangan serantau anjuran "Federation Of Asian Bishop Conference" (FABC) berhubung dengan "Non-Formal Education and Total Human Development" untuk menyemai fahaman Marxist di kalangan

* Satu acara tahunan yang dijalankan oleh geraja-gereja Katholik selama 40 hari bermula dari "Ash Wednesday" hingga ke pagi Hari Easter bagi tujuan menebus dosa (penance).

peserta-peserta persidangan itu. Persidangan tersebut telah diadakan di Cameron Highlands dalam bulan November 1982 dan dihadiri oleh paderi-paderi dan pekerja-pekerja gereja dari 11 buah negara Asia serta beberapa orang aktivis Marxist. Brother Anthony Rogers menambah bahawa Archbishop Legaspi dari Filipina berasa sangat kecewa setelah membaca laporan seminar tersebut dan telah mempersoalkan mengapa analisa Marxist digunakan di dalamnya.

68. Beberapa orang ahli golongan Marxist ini (lihat *Lampiran "F"*) telah juga pergi ke Filipina untuk mempelajari selok-belok tindakan mogok dan tunjuk perasaan yang didalangi oleh anasir-anasir pro-komunis di negara tersebut.

PENGLIBATAN BERTERUSAN PARTI KOMUNIS MALAYA

69. Selaras dengan strategi dan tujuannya, Parti Komunis Malaya (PKM) telah terus menanggung di air yang keruh dan mengeksploitasi segala isu-isu yang timbul kebelakangan ini demi memajukan objektifnya untuk merampas kuasa dan menubuhkan sebuah negara komunis. PKM telah mengaturkan propaganda dan dakyah yang halus untuk masing-masing kaum Cina, Melayu dan India, dengan mengeksploitasi segala ketidakpuasan yang dianggap dialami oleh kaum yang berkenaan.

70. Di samping kegiatan-kegiatan untuk mengeksploitasi segala isu-isu yang wujud, PKM telah juga berusaha menggerakkan semula kegiatan militan di kalangan pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar Melayu. Dalam hubungan ini, Setiausaha Agong PKM Chin Peng telah mengadakan pertemuan sulit dengan dua orang pelajar Melayu radikal, Hishamuddin Rais dan Mohd. Yunus bin Lebai Ali di Beijing pada bulan Januari, 1980. Dalam kenyataannya Mohd. Yunus mendedahkan:

"....Chin Peng mencadangkan agar Hishamuddin Rais dan saya menubuhkan Kumpulan Bersenjata Melayu jika perlu atau sesuai yang bebas dari PKM, tetapi pada peringkat awalnya PKM akan memberi latihan kepada kumpulan bersenjata dan juga bantuan logistik sehinggalah ianya boleh berdikari..."

71. Hishamuddin Rais dan Mohd. Yunus bin Lebai Ali selanjutnya telah mengadakan satu lagi pertemuan dengan Chin Peng di Beijing pada bulan Julai/Ogos 1981. Berikutan dengan pertemuan itu, kedua-dua mereka telah berusaha menggerakkan pelajar-pelajar selaras dengan strategi PKM. Hasil usaha mereka mula kelihatan mulai bulan Mac, 1984 bilamana beberapa forum, seminar, pertunjukan kebudayaan dan pameran bagi memperingati ulang tahun ke 10 pergerakan militan pelajar Malaysia diadakan. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah bertujuan untuk menghidup semula semangat militan pelajar-pelajar dengan cara memperingati peristiwa-peristiwa Tasik Utara, Johor, Telok Gong, Selangor dan Baling, Kedah yang semuanya berlaku

dalam tahun 1974. Pelajar-pelajar daripada institusi pengajian tinggi dan tokoh-tokoh politik pembangkang telah turut sama merayakan peristiwa tersebut yang diadakan juga pada penghujung tahun 1984, awal tahun 1985 dan pertengahan tahun 1987.

72. Dalam pada itu Mohd. Yunus bin Lebai Ali telah menyatakan bahawa beliau telah menerima wang daripada Chin Peng untuk melanjutkan pelajarannya di London. Beliau menganggap peranannya di London ialah menguasai pemimpin-pemimpin pelajar Melayu dan kemudiannya mewujudkan hubungan dan kerjasama yang baik dengan FUEMSSO. Beliau beranggapan sedemikian selepas bertemu dengan Chin Peng dan kemudiannya dengan Tan Wah Piow, seorang Marxist di London, dalam bulan Julai, 1980. Tan Wah Piow mencadangkan supaya beliau bertanding jawatan Majlis Perwakilan Pelajar United Kingdom (MPP-UK). Tujuan memegang jawatan tersebut adalah untuk menyatukan pergerakan-pergerakan pelajar United Kingdom di bawah pengaruh FUEMSSO dan seterusnya menyemai fahaman komunis di kalangan pelajar-pelajar sebelum mereka kembali ke Malaysia.

PENGLIBATAN AKHBAR

73. Akhbar memainkan peranan yang sangat penting di dalam masyarakat dengan menyampaikan berita, memberi ulasan, menyiarkan pendapat pembaca mengenai perkara-perkara tertentu, dan sebagainya. Akhbar juga mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk pendapat awam atau "public opinion". Pihak yang memiliki akhbar dan redaksinya boleh memainkan peranan ini dengan berbagai cara. Perkara-perkara yang dipilih untuk dimuatkan sebagai berita di dalam akhbar, penonjolan yang diberi kepada sesuatu berita, pendapat-pendapat pembaca yang dipilih untuk dimuatkan, dan rencana-rencana yang ditulis, semuanya boleh digunakan untuk mempengaruhi pembaca dan mendesak Kerajaan.

74. Justeru itu, akhbar juga boleh terlibat dalam mewujudkan suasana dan keadaan yang menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam. Dalam hubungan ini, akhbar-akhbar "The Star" dan "The Sunday Star", "Watan" dan "Sin Chew Jit Poh" begitu ghairah memuat dan menonjolkan berita-berita, pendapat-pendapat dan rencana-rencana yang menyemarakkan perasaan perkauman dan melaga-lagakan pemimpin-pemimpin satu kaum atau pertubuhan dengan pemimpin-pemimpin kaum atau pertubuhan lain. Kesemua akhbar-akhbar ini telah sengaja menonjolkan isu-isu sensitif termasuk isu pelajaran, isu bahasa, isu agama, isu hak masing-masing kaum, dan sebagainya, untuk memajukan kepentingan politik pihak-pihak yang memiliki atau mengurus akhbar-akhbar itu dan memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing tanpa menghirau kesannya ke atas keharmonian kaum, ketenteraman awam dan keselamatan negara.

PENUTUP

75. Tanggungjawab utama Kerajaan kepada rakyatnya ialah menjamin keselamatan dan keamanan negara. Kerajaan telah mengambil langkah tegas untuk mencegah keadaan yang genting daripada terus meningkat dan berkesudahan dengan pertumpahan darah. Kerajaan dan rakyat tidak ingin peristiwa 13 Mei yang mengakibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda dan kerugian ekonomi negara berulang lagi.

76. Kerajaan akan terus bersikap tegas dan tidak akan teragak-agak mengambil langkah-langkah yang perlu di sisi undang-undang untuk memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara demi kesejahteraan rakyat.

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI,
KUALA LUMPUR.**

14 Mac, 1988.

SENARAI PERGADUHAN-PERGADUHAN PERKAUMAN MELIBATKAN ORANG-ORANG MELAYU DENGAN CINA SEJAK 1945 HINGGA 1969

<i>TARIKH</i>	<i>KEJADIAN</i>
1. 1 OGOS 45	— Pergaduhan Melayu dengan Cina Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA) di Parit Jawa, Muar, Johor.
2. 21 OGOS 45	— Pergaduhan antara Kumpulan Kiyai Salleh Abdul Karim dengan orang-orang Cina/MPAJA di Ayer Hitam, Johor.
3. MEI-OGOS 45	— Pergaduhan antara Melayu dengan Cina/MPAJA di Batu Pahat, Johor.
4. 15 OGOS- 15 SEP 45	— Pergaduhan orang Melayu dengan orang Cina/MPAJA di Sungai Manik, Perak. Menyebabkan orang-orang Cina melarikan diri ke Teluk Intan, Perak.
5. 27 SEP 45	— Pergaduhan Cina dengan Melayu di Alor Gajah, Melaka.
6. 28 SEP 45	— Pergaduhan Cina dengan Melayu Senggarang, Johor.
7. 6 NOV 45	— Pergaduhan Cina/Melayu di Padang Lebar, Negeri Sembilan, 35 orang Cina terbunuh.
8. DIS 45	— Pergaduhan Cina/Melayu di Ayer Tawar, Layang-Layang Kiri, Bruas dan Lambor Kanan—kesemuanya di Perak. Telah mengorbankan lebih seratus nyawa orang Melayu dan Cina.
9. FEB 46	— Pergaduhan di Raub, Pahang. 30 orang Cina dan 2 orang Melayu terbunuh.
10. FEB/MAR 46	— Pergaduhan di Bekau, Kuala Kangsar. Seramai 70 orang Melayu terbunuh.
11. 29 DIS 48	— 2 orang Cina terbunuh di Bruas, Perak yang berpunca dari penculikan 2 budak Melayu pada 20 Dis. 48. Berikutnya pada 30 Dis. 48, sekumpulan 20 orang Cina yang bersenjata telah menyerang dan membakar beberapa

TARIKH

KEJADIAN

buah rumah kepunyaan orang Melayu di Kg. Ampang, Bruas. Seorang lagi Melayu telah ditembak mati oleh penyerang-penyerang tersebut manakala sebilangan yang lain telah cedera.

12. 24 OGOS 50

— Beberapa orang China telah terbunuh di Relau, Kedah. Ini adalah berikutan dengan pembunuhan seorang Ahli Majlis Kerja Negeri Kedah berbangsa Melayu.

13. 21/22 NOV 50

— 7 orang Cina terbunuh serta 40 buah rumah kepunyaan Cina dibakar di Bukit Selambau, Kedah berikutan pembunuhan seorang Polis Konstabel Tambahan Melayu.

14. 27 JAN 51

— Beberapa orang Cina dibunuh dan beberapa buah rumah mereka di Kg. Tanjung Setoi, Bukit Janun, Kedah turut dibakar. Berikutan daripada kejadian ini, dua orang Melayu dijatuhkan hukuman gantung di samping beberapa orang Melayu lagi menjalani hukuman penjara.

15. 19 FEB 52

— 4 orang Cina dewasa dan 3 lagi kanak-kanak Cina terbunuh dalam satu kejadian di Mahang, Kulim, Kedah. Rumah-rumah mereka turut dibakar.

16. 29 FEB 52

— 6 orang Cina telah terbunuh dalam satu pergaduhan di Relau, Kedah di samping 7 buah rumah kepunyaan Cina turut dibakar. Pembunuhan ini berpunca dari pembunuhan seorang anggota Polis Khas berbangsa Melayu.

17. 2 JAN 57

— Semasa perarakan sempena perayaan penganugerahan status Bandaraya Georgetown, satu pergaduhan telah tercetus antara orang-orang Cina dan Melayu berikutan dengan wujudnya salah faham antara kaum Cina dan Melayu mengenai perarakan tersebut. Antara 2 hingga 8 Jan 57, seramai 4 orang terbunuh dan 48 orang tercedera.

TARIKH

KEJADIAN

18. 1 MEI 59

- Pergaduhan yang melibatkan sekumpulan orang Melayu bertempur di Mesjid Pulau Pangkor dengan 60 orang Cina. Kedua-dua pihak membawa senjata. Ianya berpunca dari satu perkelahian antara seorang Cina dengan seorang Pemuda Melayu. Seorang Melayu telah terbunuh dan 5 lagi tercedera. Sementara di pihak Cina, seorang terbunuh dan dua tercedera. Sebuah kongsi Cina dan 4 buah rumah Cina turut dibakar. Perintah berkurung dikenakan sebagai langkah pencegahan.

19. 11 JUL 64

- Satu pergaduhan yang melibatkan 30 orang Melayu dan Cina tercetus di Bukit Mertajam yang berpunca daripada satu perkelahian kecil di pasar antara seorang pekerja berbangsa Melayu dan seorang penjual sayur berbangsa Cina. Dalam kejadian ini, seorang Melayu dan seorang Cina telah terbunuh dan beberapa orang tercedera. Perintah berkurung dikenakan selama 10 hari.

20. 24 NOV 67

- Pergaduhan Melayu/Cina di Pulau Pinang berikutan isu penurunan nilai ringgit. Beberapa orang telah terbunuh dan tercedera. Beberapa buah rumah dan kenderaan turut dibakar, Pergaduhan ini telah merebak ke Bukit Mertajam, Perak Utara dan Kedah.

21. 24 APR 69

- Ketegangan kaum telah wujud apabila seorang pekerja UMNO telah dibunuh di Pulau Pinang oleh anasir-anasir subversif. Pergaduhan kaum hampir-hampir tercetus.

22. 13 MEI 69

- Pergaduhan kaum Cina/Melayu yang paling serius bermula di Kuala Lumpur. Bahangnya terasa di seluruh Semenanjung. Berpunca daripada kempen-kempen politik berbau perkauman dan eksploitasi komunis. Perintah berkurung telah dikuatkuasakan. Seramai 248 orang Melayu, Cina, India dan lain-lain telah terbunuh dalam peristiwa ini.

**DEMONSTRASI-DEMONSTRASI YANG DIANJURKAN OLEH
PARTI-PARTI POLITIK BAGI TEMPOH 1986-1987**

<i>PARTI</i>	<i>1986</i>	<i>1987</i>
DAP	4	56
UMNO	4	13
PAS	5	8
MCA	6	5
PSRM	8	4
MIC	—	2
JUMLAH	27	88

**KANDUNGAN IKRAR
JABATAN PENDIDIKAN MELAKA
BERTARIKH 6 APRIL, 1987**

WAHAI TUHAN YANG MAHA BERKUASA,
SEMATKAN DALAM JIWA KAMI, SIKAP JUJUR DAN AMANAH,
BERHEMAH TINGGI, BERAKHLAK MULIA,
MENGHORMATI SEMUA GURU DAN IBU BAPA,
BERDISIPLIN DAN BERBUDI BAHASA SEPANJANG MASA.

WAHAI TUHAN YANG MAHA PENGASIH,
TERANGKANLAH HATI KAMI,
MUDAHKAN KAMI MENERIMA PENDIDIKAN,
KAMI BERIKRAR UNTUK BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH,
MENJAGA NAMA BAIK KESELAMATAN DAN HARTABENDA SEKOLAH,
TANAMKAN SEMANGAT PERPADUAN DI KALANGAN KAMI.

WAHAI TUHAN KAMI YANG MAHA BERKUASA LAGI PENGASIH,
PELIHARALAH KAMI, GURU-GURU KAMI, IBU BAPA KAMI DAN SEKOLAH KAMI,
JAUHILAH KAMI DARI HASAD DENGKI, MALAS, PEMARAH, BONGKAK DAN DEGIL,
MUDAH-MUDAHAN KAMI BEROLEH KEJAYAAN,
DI DALAM KEHIDUPAN KAMI SEPANJANG ZAMAN.

**DIPLOMA IN THEOLOGY
JAMALUDDIN BIN OTHMAN @ YESHUA JAMALUDDIN
YANG DIANUGERAKAN OLEH
FAR EASTERN BIBLE COLLEGE
SINGAPURA**

**Far Eastern Bible College
Singapore**

To all to whom these Letters shall come
Greetings in the Name of our Lord Jesus Christ.

Be it known that

Joshua Ira Jamaludin Bin Othman

having satisfactorily completed the Secondary Course of Study of this College, is awarded the

Diploma in Theology

with all the rights and privileges thereunto appertaining.


In witness whereof the seal of the College and our signatures are affixed hereunder
this 6th day of September 1967.


Dean


Principal


President of the Board of Directors


STRUKTUR ORGANISASI PERTUBUHAN SULIT
'JUNDULLAH'



**GAMBAR MENUNJUKKAN PENGLIBATAN INDIVIDU
FAHAMAN MARXIST DARI MALAYSIA DI
DEMONSTRASI YANG DIADAKAN DI FILIPINA**



SIVAMOORTHY s/o SOLAI



JULIAN JAYASEELAN